

LAPORAN PENYATA RASMI

(HANSARD)

DEWAN MUDA MALAYSIA

LAPORAN RASMI

PERSIDANGAN PERTAMA 2022

MERANGKUMI TEMPOH
9 APRIL 2022



SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN MUDA MALAYSIA

9 APRIL 2022 (SABTU)

AHLI-AHLI YANG HADIR—

Puan Sarafiena Syazwanie Suhaimi [P.003 ARAU]
Tuan Muhamad Helmi Husaini bin Rusmidi [P.004 LANGKAWI]
Puan 'Alyaah Hani Anuar [P.006 KUBANG PASU]
(PEMENANG ANUGERAH PENDEBAT TERBAIK USUL 1)
Tuan Mohamad Affan bin Mohamad Nassruddin [P.011 PENDANG]
Tuan Muhammad Amirul Asraf bin Mustaffa [P.013 SIK]
Puan Ermieda Syamimi binti Mohd Hilmi [P.014 MERBOK]
Tuan Mohamed Khairul Azman bin Abdul Azeez [P.016 BALING]
Tuan Muhammad Amir Zikri bin Mohd Kamal Baharin [P.020 PENGKALAN CHEPA]
Tuan Nik Ahmad Nuri bin Nik Ismail [P.021 KOTA BHARU]
Puan Miza Alisya binti Mohd Zameer [P.024 KUBANG KERIAN]
Puan Nur Adrina Kamaruddin [P.025 BACHOK]
Puan Wan Masyitah binti Wan Daud [P.026 KETEREH]
Tuan Khairul Anam Zamir bin Mohd Sazali [P.027 TANAH MERAH]
Puan Nur Fatin Athirah binti Mohd Fareh [P.029 MACHANG]
Puan Siti Nur Shazwani binti Muhishamzuri [P.030 JELI]
Tuan Muhammad Razin Khaliq bin Hadi [P.032 GUA MUSANG]
Puan Putri Alyra Narisha bin Abdul Hadi [P.037 MARANG]
Puan Ummi Khalilah binti Azman [P.038 HULU TERENGGANU]
Tuan Muhammad Fakhruddin bin Nordin [P.039 DUNGUN]
Puan Khor Yi Thing [P.041 KEPALA BATAS]
Puan Ang Zi Qi [P.043 BAGAN]
Puan Nurshazerein binti Shamsani [P.045 BUKIT MERTAJAM]
Tuan Ooi Ivan [P.046 BATU KAWAN]
Tuan Iesa bin Sairi [P.050 JELUTONG]
Tuan Tan Ze Kai [P.053 BALIK PULAU]
Tuan Muhamad Muzafar bin Ibrahim [P.054 GERIK]
Puan Noor Amirah Aisyah binti Zaiffri [P.055 LENGGONG]
Puan Nabila binti Fakhrul Azman [P.057 PARIT BUNTAR]
Tuan Kelvin Chew Jin Yuan [P.058 BAGAN SERAI]
Tuan Angus Chieng Qiyang [P.059 BUKIT GANTANG]
Tuan Muhammad Syamel Haikal bin Hamdan [P.062 SUNGAI SIPUT]
Puan Noor Amelia Zainabila binti Zaiffri [P.065 IPOH BARAT]
Puan Sasvitaswarubiny A/P Premkumar [P.069 PARIT]
Puan Rishalini Vijayakumar [P.072 TAPAH]
Puan Ho Shu Xin [P.073 PASIR SALAK]

AHLI-AHLI YANG HADIR (SAMBUNGAN)—

Tuan Deisigan Shammugam [P.076 TELUK INTAN]
Tuan Syaqqif bin Saifulizan [P.080 RAUB]
Puan Siti Zaleha Abdullah [P.082 INDERA MAHKOTA]
Puan Elisya Yasmin binti Abdul Shakir [P.085 PEKAN]
Puan Sharifah Nurul Najwa binti Syed Nasiruddin [P.088 TEMERLOH]
Puan Nurul Syuhada binti Elmi [P.093 SUNGAI BESAR]
Tuan Abdul Muhaimin bin Amran [P.095 TANJONG KARANG]
Puan Ain Husniza Saiful Nizam [P.096 KUALA SELANGOR]
Puan Nurul Amalina Che Arifin [P.098 GOMBAK]
Puan Florence Ku Xi Yee [P.101 HULU LANGAT]
Tuan Shankar A/L Kurunathan [P.102 BANGI]
Puan Alethea Wong Xhuan Jing [P.104 SUBANG]
Puan Jesryna Rajes Patel [P.106 DAMANSARA]
Puan Law Pui Yee [P.109 KAPAR]
Tuan Muhammad Mahdiyem Nafiz bin Mohd Azizi [P.111 KOTA RAJA]
Puan Shantene A/P Subramaniam [P.112 KUALA LANGAT]
Tuan Mohd Halmie Azrie bin Abdul Halim [P.116 WANGSA MAJU]
Puan Ida Shahira binti Muhammad Syarizal [P.117 SEGAMBUT]
Tuan Muhammad Haziq bin Jamaludin [P.118 SETIAWANGSA]
(PEMENANG ANUGERAH PENDEBAT TERBAIK USUL 2)
Puan Pravena A/P Sreetharan [P.120 BUKIT BINTANG]
Tuan Phoon Shiuh Jer [P.127 JEMPOL]
Tuan Ahmad Sobri bin Nasir [P.128 SEREMBAN]
Mohamad Firdaus bin Mohd Fauzi [P.129 KUALA PILAH]
Puan Mahesa Saravanan [P.132 PORT DICKSON]
Puan Wan Khairun Sofea binti Khairul Anuar @ Wan Khairul Anuar [P.133 TAMPIN]
Puan Nurdamia Qaisara binti Noh [P.134 MASJID TANAH]
Tuan Ahmad Azri bin Abdullah [P.136 TANGGA BATU]
Tuan Ahgheelan Sella Thurai [P.138 KOTA MELAKA]
Tuan Matthew Tan Jun Tatt [P.140 SEGAMAT]
Tuan Goh Teng Yang [P.145 BAKRI]
Tuan Ong Wen Chieh [P.152 KLUANG]
Tuan Muhamad Zarif Raziq Bin Mohd Arifin [P.153 SEMBRONG]
Puan Aisya Batrisyia binti Azley [P.154 MERSING]
Tuan Muhammad Azly Fariq Zakaria [P.156 KOTA TINGGI]
Puan Jemima Chua Tze May [P.157 PENGERANG]
Tuan Ungku Luqman 'Arifin bin Ungku Azmi [P.160 JOHOR BAHRU]
Puan Suweeta Lam Xiao Wei [P.162 ISKANDAR PUTERI]
Tuan Muhammad Iqmal Khaa bin Johan [P.164 PONTIAN]
Tuan Ahmad Aizat bin Zaini [P.166 LABUAN]
Tuan Muhammad Amirul Syafiq bin Mohd Khuraini [P.167 KUDAT]
Tuan Mohd Shafik bin Sabdali [P.170 TUARAN]
Puan Idayu Mumtaz binti Iskandar [P.171 SEPANGGAR]
Puan Abigail Colleen Chong [P.175 PAPAR]
Puan Shasha Adrianna binti Mohd Zakaria [P.181 TENOM]
Puan Marsheta binti Mohammad Ardiansah [P.183 BELURAN]
Tuan Chieng Le Tion [P.185 BATU SAPI]
Puan Christyne Surindai C Moosom [P.188 LAHAD DATU]
Tuan Mohamed Hyypia bin Rosmaini [P.193 SANTUBONG]
Tuan Wong Tze Cheng [P.199 SERIAN]
Puan Ong Rui Yu [P.203 LUBOK ANTU]

AHLI-AHLI YANG HADIR (SAMBUNGAN)—

Tuan Arif Adam bin Patahul Arifin [P.206 TANJONG MANIS]
Tuan Abdullah bin Nudin [P.209 JULAU]
Tuan Timothy Sundayton Anak Stephen [P.210 KANOWIT]
Tuan David Tiang Dai Wei [P.212 SIBU]
Tuan Mickelson Masing Anak Mekai [P.214 SELANGAU]
Tuan Khairi Ajan [P.215 KAPIT]
Puan Davyna Abysha Gunasegharan [P.220 BARAM]
Puan Ruran Libat [P.222 LAWAS]

AHLI-AHLI YANG TIDAK HADIR—

Tuan Natthavuth A/L Seng [P.001 PADANG BESAR]
Tuan Muhammad Nabhan bin Mohd Mizan [P.002 KANGAR]
Tuan Muhammad Faez Rashdan bin Mohd Rifae [P.005 JERLUN]
Puan Fatin Najihah binti Zainal @ Rahimy [P.007 PADANG TERAP]
Tuan Vikneshwaran A/L Sehgar [P.008 POKOK SENA]
Tuan Selvaakumaran Subramaniam [P.009 ALOR SETAR]
Puan Lee Zi Xin [P.010 KUALA KEDAH]
Puan Nur Hamimi binti Shuhardi [P.012 JERAI]
Puan Jessilyn Teh Jing Ying [P.015 SUNGAI PETANI]
Tuan Damon Goh Yiyang [P.017 PADANG SERAI]
Tuan Calvin Yeoh Ging Yong [P.018 KULIM BANDAR BARU]
Tuan Muhammad Faris Ramlee [P.019 TUMPAT]
Tuan Aizat bin Hazlee [P.022 PASIR MAS]
Tuan Tuan Mohamad Hafiz bin Tuan Asmawera [P.028 PASIR PUTEH]
Tuan Wan Muhammad Zuhir bin Ghazali [P.031 KUALA KRAI]
Tuan Muhammad Faiz Hakim bin Mohd Hanif [P.033 BESUT]
Tuan Norhafizuddin Bin Husein @ Yusof [P.035 KUALA NERUS]
Puan Siti Jamila Syuhada binti Jailani [P.036 KUALA TERENGGANU]
Tuan Siranjeev Ram A/L S. Sanjeeviramah [P.042 TASEK GELUGOR]
Puan Nur Iffah Munirahani binti Mohd Rosli [P.044 PERMATANG PAUH]
Puan Cheryl Ng Wen Xuan [P.047 NIBONG TEBAL]
Puan Sahana Kaur [P.048 BUKIT BENDERA]
Tuan Mohamad Syazwan bin Mohamed Zafarulla [P.049 TANJONG]
Tuan Tan Wei Yen [P.051 BUKIT GELUGOR]
Puan Chantal Leann Barnabas [P.052 BAYAN BARU]
Puan Nur Farisya Syuhada binti Irwan Fahmi [P.056 LARUT]
Puan Rachel Lam Xiu Min [P.060 TAIPING]
Tuan Muhamad Zulfikri bin Kamaruddin [P.061 PADANG RENGAS]
Tuan Rossan A/L Vengkataraw [P.063 TAMBUN]
Tuan Ahmad Alif Halimi bin Ahmad Hamdi [P.064 IPOH TIMOR]
Tuan Mohamad Amirul Aqwa bin Mohd Nizam [P.066 BATU GAJAH]
Puan Esther Chong Thim Sum [P.067 KUALA KANGSAR]
Puan Chua Sam Sam [P.068 BERUAS]
Puan Loh Xiao Tong [P.071 GOPENG]
Tuan Tan Jiunn Wen [P.074 LUMUT]
Tuan Sanjay Augustine [P.075 BAGAN DATUK]
Tuan Dylan Dev [P.077 TANJONG MALIM]
Tuan Arvind Asokan [P.078 CAMERON HIGHLANDS]
Puan Yap Kah Yee [P.079 LIPIS]
Tuan Nevyn Vinosh Venudran [P.083 KUANTAN]
Tuan Muhammad Syahmi bin Salleh Huddin [P.084 PAYA BESAR]
Tuan Muhammad Aliff Furqan bin Abdul Ghani [P.086 MARAN]

AHLI-AHLI YANG TIDAK HADIR (SAMBUNGAN)—

- Puan Nurin Qistina binti Azhar [P.087 KUALA KRAU]
Tuan Muhammad Syawal bin Sabri [P.089 BENTONG]
Tuan Muhammad Nor Amir bin Abdul Rahman [P.090 BERA]
Tuan Muhammad Akmal Bin Mohd Nazir [P.091 ROMPIN]
Tuan Sassi A/L Shritharan [P.092 SABAK BERNAM]
Tuan Mohamad Nurasyraf bin Kamal Bahri [P.094 HULU SELANGOR]
Puan Natasha Anne John [P.105 PETALING JAYA]
Puan Andrea Chow Ying Jia [P.107 SUNGAI BULOH]
Puan Atheerah binti Mohd Azmil [P.108 SHAH ALAM]
Puan Siri Suhageini Murugan [P.110 KLANG]
Puan Siw Yi Ling [P.113 SEPANG]
Puan Nur Jesika binti Mohamed Zamzuri [P.114 KEPONG]
Tuan Muhammad Amirul Syafiq Muhamad Fadil [P.115 BATU]
Puan Hajar Zainuddin [P.119 TITIWANGSA]
Tuan Fong Seng Junn [P.121 LEMBAH PANTAI]
Tuan Ji Jing Ow [P.122 SEPUTEH]
Tuan Subashan Vadibeler [P.124 BANDAR TUN RAZAK]
Tuan Fazley bin Fadzil [P.125 PUTRAJAYA]
Puan Kalpana Sri A/P Srikirushnamoorthy [P.126 JELEBU]
Tuan Taranie S Vallavan [P.130 RASAH]
Puan Reyna A/P Michael [P.131 REMBAU]
Puan Victoria Tay Huey Qi [P.139 JASIN]
Tuan Somakant A/L Ravindran [P.141 SEKIJANG]
Puan Tan Xu Yin [P.142 LABIS]
Tuan Mohamad Shaffiq bin Malek [P.143 PAGOH]
Tuan Wan Muhammad Nabil Rahiimi bin Mohd Nazri [P.144 LEDANG]
Tuan Hoh Jia Da [P.146 MUAR]
Tuan Abdullah Ariff Ariffin bin Othman [P.147 PARIT SULONG]
Tuan Sharvin Siva Subramaniam [P.148 AYER HITAM]
Puan Amirah Rasyidah binti Azhar [P.149 SRI GADING]
Puan Ku Jie Yee [P.150 BATU PAHAT]
Puan Nur Fatin Syahira binti Mohd Fazlin [P.151 SIMPANG RENGGAM]
Tuan Muhamad Zarif Raziq bin Mohd Arifin [P.153 SEMBRONG]
Puan Nadine Azalea binti Mohd Faisal [P.155 TENGGARA]
Puan Nur Farhanah binti Zainor [P.158 TEBRAU]
Puan Elisa Shafiqah binti Shahrilnizam [P.159 PASIR GUDANG]
Tuan Arvin A/L Thurairaj [P.163 KULAI]
Tuan Muhammad Nail Hakim bin Sukor [P.165 TANJUNG PIAI]
Tuan Granville Wilbur Wong [P.172 KOTA KINABALU]
Tuan Syahrul Safwan Najwan bin Faisyal [P.173 PUTATAN]
Tuan Shaan Gom [P.174 PENAMPANG]
Puan Raihan binti Anas [P.176 KIMANIS]
Tuan Foofieado Juan bin Morgan [P.177 BEAUFORT]
Tuan Nezwan Helmy Hamzah [P.178 SIPITANG]
Tuan Mohd Azrhul Niezam bin Abd Muzidil [P.179 RANAU]
Tuan Then Chung Zhen [P.186 SANDAKAN]
Tuan Vagish A/L Krishnan [P.191 KALABAKAN]
Tuan Felix Fernandez anak Banlehong [P.192 MAS GADING]
Puan Karmila Amani binti Mohammad Nazar [P.195 BANDAR KUCHING]
Tuan Adrian Ho [P.196 STAMPIN]
Tuan Tony Thian Yee Chin [P.198 PUNCAK BORNEO]

AHLI-AHLI YANG TIDAK HADIR (SAMBUNGAN)—

Puan Phoebe Sangan Sia [P.201 BATANG LUPAR]

Tuan Terrance Yeo Eng Chun [P.202 SRI AMAN]

Puan Isabel Sudan Uggah Sangco [P.204 BETONG]

Puan Mae Chew En Xuan [P.205 SARATOK]

Puan Meldiana Crystie anak Melintang [P.207 IGAN]

Puan Melissa Lee Ee Jiet [P.211 LANANG]

Puan Madeline Lee Ee Zin [P.213 MUKAH]

Tuan Kabir Edward Dhaliwal A/L Charan Jit Singh [P.216 HULU RAJANG]

Puan Marscella Ling anak Michael Ling [P.217 BINTULU]

Tuan Mohammad Aniq Ashwin bin Abuzar [P.218 SIBUTI]

Puan Ng Yan Ru [P.219 MIRI]

Puan Nur Adra Zhufairah binti Yakop Wan Seliman [P.221 LIMBANG]



DEWAN MUDA MALAYSIA

YANG DI-PERTUA DEWAN MUDA MALAYSIA—

Tuan Mohamad Asraf Sharafi bin Mohamad Azhar

TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN MUDA MALAYSIA—

Puan Nur Rifayah binti Muhammad Iqbal

SETIAUSAHA DEWAN—

Puan Nur Khairunnisa Muzamir Shah

Tuan Diffan Sina bin Jasmi

Tuan Soon Wei Xen

BENTARA DEWAN—

Puan Aeslinn Noel

Tuan Izet Aqim bin Zamri

JURUBAHASA ISYARAT DEWAN—

Puan Haryanti Abdul Rahman

Puan Nur Haseken

Puan Wan Zuraidah

Puan Goh Soo Leng

AHLI-AHLI SEKRETARIAT DEWAN MUDA MALAYSIA—

Puan Nur Khairunnisa Muzamir Shah

Tuan Diffan Sina bin Jasmi

Tuan Soon Wei Xen

Puan Aeslinn Noel

Tuan Izet Aqim bin Zamri

Puan Siti Aisyah Mustafiani binti Adly Safari

Tuan Cameron Tjoe

Puan Qyira Yusri

Tuan Tharma Pillai

LAPORAN PENYATA RASMI DEWAN MUDA MALAYSIA

PERSIDANGAN PERTAMA

Bil. 1

Sabtu

9 April 2022

DEWAN MUDA MALAYSIA

Sabtu, 9 April 2022

Dewan bersidang pada jam lapan setengah pagi

[Yang di-Pertua Dewan Muda Malaysia mempengerusikan majlis]

PEMBUKAAN PERSIDANGAN DAN BACAAN DOA

TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN MUDA MALAYSIA: Saya, Mohamad Asraf Sharafi bin Mohamad Azhar, merupakan Speaker Dewan atau Yang di-Pertua Persidangan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia pada harini. Selamat datang saya ucapkan kepada semua dan kepada rakan-rakan yang berpuasa, salam Ramadhan dan selamat berpuasa. Sebelum kita memulakan persidangan dan bagi memberkati majlis kita pada hari ini, saya menjemput saudara Cameron untuk mengetuai bacaan doa. Dipersilakan.

UCAPAN PEMBUKAAN

TUAN YANG DI-PERTUA: Para perwakilan, para pemerhati dan penonton sekalian, izinkan saya buat beberapa pengumuman penting. Pertama kali, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua 728 pemerhati dan penonton di luar sana yang bersama-sama kita pada hari yang amat bersejarah ini. Pelaksanaan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia ini merupakan kesinambungan atas kejayaan pelaksanaan persidangan seumpamanya pada sebelum ini, iaitu Parlimen Digital yang berlangsung pada tahun lepas. Sehubungan dengan itu, saya mewakili pihak penganjur, iaitu UNDI18 dan UNICEF Malaysia, serta Sekretariat ingin mengucapkan terima kasih kepada semua 222 ahli perwakilan Dewan Muda Malaysia yang dipilih mewakili 222 kawasan Parlimen masing-masing yang melibatkan 22 kumpulan kementerian.

Untuk makluman semua, Dewan Muda Malaysia adalah sebuah program kepimpinan literasi politik yang akan berjalan selama dua tahun. Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan penglibatan para belia dalam bidang politik. Antara aktiviti yang akan diadakan termasuk bengkel penggubalan polisi, sesi panel eksklusif dan simulasi persidangan Parlimen. 222 wakil belia telah dipilih dan mereka akan diletakkan dalam 22 kumpulan kementerian serta setiap perwakilan akan mewakili kerusi kawasan pilihan raya yang terdapat di Malaysia, sama seperti Dewan Rakyat. Setakat ini, Program Dewan Muda Malaysia telah berlangsung selama 9 bulan sejak pelancarannya pada Julai tahun lalu.

Para perwakilan dan pentonton sekalian, terdapat dua sesi usul yang akan di bahaskan pada hari ini, dimana sesi perbahasan usul satu akan berlangsung pada pukul 9 pagi sehingga 12 tengah hari dan kemudian persidangan akan ditangguhkan untuk bagi sesi rehat selama satu jam dan akan bersambung semula sesi perbahasan usul dua yang akan berlangsung pada pukul 1 petang hingga 4 petang. Justeru, selaku Speaker Dewan pada hari ini, saya mengharapkan semua perwakilan Dewan dan penonton yang menyaksikan secara langsung melalui 4 platform media sosial iaitu di laman Facebook UNDI18, UNICEF Malaysia, Parlimen Digital dan Dewan Muda Malaysia, akan dapat kekal memberikan tumpuan sepanjang persidangan sehingga ke akhir acara nanti.

Suka untuk saya ingatkan bahawa di akhir sesi perbahasan setiap usul, bacaan ketiga bagi sesi undian sama ada usul diterima atau ditolak Dewan akan dilakukan secara belah bahagi melalui pautan Google Form yang akan dihantar oleh pihak Sekretariat di chatbox atau ruang bualan. Setiap perwakilan atau pemerhati yang telah mendaftar juga berhak mengundi seorang pembahas terbaik bagi setiap sesi usul yang akan membawa pulang wang tunai sejumlah RM1000 masing-masing di setiap akhir usul itu.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada jurubahasa isyarat kita pada pagi ini, Puan Haryanti Abdul Rahman dan Puan Nur Haseken, peranan anda adalah amat penting untuk membantu rakan-rakan kelainan upaya di luar sana memaham intipati Persidangan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia. Tanpa membuang masa lagi, sebelum meneruskan sesi persidangan dan perbahasan, marilah kita sama-sama menonton dan mendengar ucapan pembukaan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia daripada Encik Christopher Davids, selaku Deputy Representative UNICEF Malaysia.

USUL YANG DIBAWA KE DALAM PERSIDANGAN

DEWAN INI PERCAYA BAHAWA PENDIDIKAN SEKSUAL PERLU DITERAPKAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK SEBAGAI PENDEDAHAN AWAL MENGELAK GOLONGAN INI MENJADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL DENGAN ILMU ASAS YANG DIMILIKI

Bacaan Kali Yang Kedua

TUAN YANG DI-PERTUA: Kini, tibalah saat yang dinantikan oleh setiap pembahas. Suka untuk saya ingatkan sekali lagi bahawa masa perbahasan yang diperuntukkan kepada setiap pembahas ialah 7 minit termasuk 3 minit akhir iaitu di minit ke-4 hingga minit ke-7 bagi sesi celahan atau izin laluan. Sila rujuk ketetapan masa yang dipaparkan di skrin bagi melancarkan aturan persidangan. Justeru, selaras dengan peraturan mesyuarat Parlimen Digital Perkara 17, maka usul “Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki”, akan dibacakan buat kali yang kedua.

Untuk itu, saya ingin menjemput pembahas pertama bagi usul sesi 1, bagi membuka sesi perbahasan. Dijemput saudari ‘Alyaah Hani binti Anuar, P.006 Kubang Pasu untuk menyampaikan perbahasa belia. Dipersilakan.

PUAN ‘ALYAAH HANI BINTI ANUAR [P.006 KUBANG PASU]: Terima kasih Tuan Yang Dipertua Speaker Dewan. Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum, salam persidangan saya titipkan buat semua.

Saya ‘Alyaah Hani Anuar, perwakilan P.006 Kubang Pasu daripada Kementerian Pendidikan Dewan Muda Malaysia ingin menyokong sepenuhnya gagasan usul yang diperdebatkan pada hari ini.

Pertama, demi melunaskan tanggungjawab hakiki, akan saya bentangkan status quo gangguan seksual di negeri kawasan perwakilan saya iaitu Kedah yang menjadi salah satu punca keterdesakan pengimplementasian pendidikan seksual pada hari ini.

Kedua, pada hari ini bangkitnya saya bersama pegangan bahawa Pendidikan Seksual Komprehensif: Malaysia Sudah Bersedia.

Dan yang terakhir, akan saya gesa pengimplementasian pendidikan seksual komprehensif di sekolah sekolah khas demi membela nasib kanak kanak kurang upaya.

Tuan Yang Dipertua,

Daripada 16 kes penderaan seksual kanak-kanak berusia bawah sembilan tahun yang dilaporkan Pusat Krisis Bersepadu (OSCC) Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital negeri Kedah, 10 kanak-kanak dicabul, tiga dirogol dan diliwat oleh kenalan terdekat iaitu bapa kandung, bapa tiri, adik beradik, saudara mara dan pengasuh. Bagi penderaan seksual membabitkan mangsa berusia antara 10 hingga 17 tahun pula, terdapat 141 kes yang majoritinya iaitu 119 kes rogol dengan 91 kes dirogol teman lelaki, 21 dicabul dan 1 diliwat.

Berdasarkan statistik semasa yang merisaukan, langkah progresif dan efektif perlu diambil oleh pihak kerajaan demi membendung perkara ini daripada berlaku. Adalah amat penting untuk kita menyedari bahawa punca utama perkara ini terus berlaku adalah kerana mangsa mendiamkan diri selepas dieksploitasi secara seksual. Mengapa mereka berdiam diri? Jawapannya mudah. Kerana mereka kurang didikan seksual tentang apakah bentuk- bentuk sentuhan seksual, kepada siapa perlu dilaporkan, bagaimanakah untuk melaporkan, adakah terdapat undang undang yang melindungi mereka. Maka, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menerapkan pendidikan seksual di sekolah.

Warga dewan yang dihormati,

Dalam dewan maya ini, berapa ramai yang cakna bahawa Akta 792 dan Akta 611 adalah dua undang undang yang berbeza? Berapa ramai ambil maklum mengenai Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak Kanak 2017? Tidak ramai. Kalau yang dalam dewan pun tidak tahu, bukankah ini petanda dan masa untuk kita mula maklum dan mendidik di bangku sekolah bahawa terdapat undang undang yang mampu melindungi diri mereka iaitu kanak kanak dari gangguan seksual?

Oleh itu perwakilan sekalian,

Terus kepada hujah saya yang kedua di mana saya percaya, Mengenai isu Pendidikan Seksual Komprehensif: Malaysia Sudah Bersedia.

Tuan Yang Dipertua,

Sudah tiba masanya Malaysia menerapkan pendidikan seksualiti komprehensif (CSE) yang ditakrifkan sebagai bimbingan berasaskan kurikulum dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengenai aspek kognitif, emosi, fizikal dan sosial mengenai seksualiti. CSE bertujuan untuk melengkapkan kanak-kanak dan orang muda agar mempunyai pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang akan memperkasakan mereka untuk lebih cakna akan kesihatan, kesejahteraan, maruah, serta mampu untuk membangunkan masyarakat yang memahami komponen komponen dalam pendidikan seksual.

Menurut sebuah kajian yang diterbitkan oleh International Journal of Caring Sciences mengenai, dengan izin Tuan Yang Dipertua, Opinions of Parents on Sexuality Education in Malaysia, para responden yang terdiri dari kalangan ibu bapa berpendapat bahawa sekolah mempunyai peranan penting untuk mengajar pendidikan seksual kepada anak-anak mereka dan mereka mencadangkan agar pendidikan seksual menjadi salah satu mata pelajaran bersendirian dalam silibus dan guru perlu menjalani latihan yang betul serta mempunyai kepakaran mengenai subjek ini. UNESCO (2018) menyatakan bahawa guru bertanggungjawab terhadap penyampaian pendidikan seks serta mereka memerlukan latihan tentang kemahiran khusus yang diperlukan untuk menerangkan mengenai seksualiti dengan tepat dan jelas, serta cara penyampaian, kaedah pembelajaran yang

betul. Untuk menambah baik kualiti pendidikan seks yang diajar di sekolah, pihak Kementerian Pendidikan perlu, mesti menyediakan standard, kurikulum, program dan sumber bilik darjah yang baik, dari segi budaya, dan bersesuaian dengan umur serta berdasarkan amalan terbaik.

Warga dewan yang mulia,

Maka, Kementerian Pendidikan perlu mula menyemak semula silibus dengan memasukkan ilmu pendidikan seksual yang bukan semata mata mengenai biologi, tubuh badan, sistem reproduktif sahaja sebaliknya, mengenai bentuk bentuk gangguan seksual dan cara untuk melaporkan kepada pihak berkuasa atau dalam kata lain, pendidikan seksualiti komprehensif seperti yang diperkenalkan oleh UNESCO. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga perlu melatih tenaga pengajar yang bertanggungjawab ke atas pengajaran pendidikan seksual dengan etika dan profesionalisme yang sepatutnya, bersesuaian dengan peringkat umur pelajar. Saya percaya, masa depan mereka, tanggungjawab kita bersama.

Dan akhir sekali, ingin saya tegaskan bahawa adalah amat penting untuk pihak Kementerian Pendidikan menyediakan plan bagaimana untuk mendidik kanak kanak kurang upaya mengenai pendidikan seksual komprehensif di sekolah sekolah pendidikan khas. Mengapa saya memilih untuk memfokuskan kepada golongan ini?

Pertama, mereka merupakan golongan utama mangsa gangguan seksual dalam kalangan kanak kanak oleh kerana pelaku mengambil kesempatan atas keistimewaan mereka. Menurut sebuah kes yang dilaporkan, seorang pekebun dijatuhkan hukuman bersalah atas enam pertuduhan mengikut Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan dan Seksyen 14(b) Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 atas kesalahan merogol dua kanak-kanak kurang upaya berusia 14 tahun sebanyak enam kali di sebuah sekolah khas di Sarawak.

Kedua, adalah kerana mereka juga mampu menjadi pelaku kerana kapasiti pemikiran mereka yang istimewa. Terdapat sebuah kes di Petaling Jaya di mana pelaku yang memiliki kad Orang Kurang Upaya memaksa mangsa untuk menonton beberapa video klip lucah di dalam telefon bimbit pelaku dan selepas itu, mangsa dipaksa untuk meniru adegan yang sama.

Maka Tuan Yang Di Pertua,

Demi memastikan kes sebegini tidak lagi berlaku, pihak kerajaanlah selain ibu bapa yang bertanggungjawab untuk mengajar batas batas sentuhan kepada anak anak istimewa ini.

Warga Dewan yang mulia, tiada apa yang saya pinta melainkan agar suara belia terus diperkasa, mohon untuk terus mencadang. Assalamualaikum, sekian terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih kepada perwakilan P.006 Kubang Pasu

atas ucapan perbahasan sebentar tadi. Bagi meneruskan sesi perbahasan, kini saya menjemput saudara perwakilan P.206 Tanjung Manis, Arif Adam bin Patahul Arifin bagi mengisi ruang perbahasan. Saudara dipersilakan.

TUAN ARIF ADAM BIN PATAHUL ARIFIN [P.206 TANJUNG MANIS]: Terima kasih Tuan Speaker Dewan. Bismillah, Assalamualaikum dan Salam Bumi Kenyalang buat sidang dewan sekalian. Nama saya adalah Arif Adam Bin Patahul Arifin dan saya mewakili kawasan Parlimen P.206 Tanjung Manis daripada kumpulan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Hari ini, saya ingin menyatakan pendirian saya dalam menyokong satu usul iaitu Dewan Ini Percaya Bahawa Pendidikan Seksual Perlu Diterapkan Dalam Kalangan Kanak-Kanak Sebagai Pendedahan Awal Mengelak Golongan Ini Menjadi Mangsa Gangguan Seksual Dengan Ilmu Asas Yang Dimiliki.

Sidang dewan sekalian, dari Januari hingga Jun 2020, seramai 1721 kanak-kanak menjadi mangsa jenayah seksual menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika itu iaitu Yang Berhormat Siti Zailah Mohd Yusoff. Bayangkan, di bawah usia 18 tahun, kebanyakan daripada mereka adalah adik-adik kita dan kes rogol mencatat jumlah paling tinggi dengan 651 kes, cabul pula adalah 344 kes, sumbang mahram 106 kes, luar tabii 106 kes dan sebagainya. Tatkala kita sedang berdebat mengenai usul ini di dalam dewan pada hari ini, realitinya masih ramai kanak-kanak diluar sana yang masih tidak sedar bahawa mereka ada kemungkinan merupakan mangsa gangguan seksual. Atas dasar saya melihat sendiri, saya mendengar rintihan hati kecil berkenaan keadaan kanak-kanak ini yang diperlakukan sedemikian, maka saya menyokong sepenuhnya usul yang dibawa rakan-rakan perwakilan sekalian dimana kita sewajarnya menerapkan pendidikan seksual dalam kalangan kanak-kanak. Tegasnya sidang dewan, usul ini penting untuk diperjuangkan kerana pendidikan seksual dapat mengajar kanak-kanak untuk mengenal pasti garis pemisah antara pengantunan atau gangguan seksual kanak-kanak dan hubungan yang platonik iaitu hubunhan yang tidak berunsur seksual. Pembezaan ini membolehkan kanak-kanak tersebut sedar bahawa dirinya sedang diantun atau diganggu dan mereka sekurang-kurangnya boleh melakukan tindakan sewajarnya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Maka, dalam konteks hujahan saya pada hari ini, prioriti bagi usul ini sewajarnya demi mengawal naratif berkenaan seksualiti ini sebelum individu-individu yang tidak bertanggungjawab di sekeliling kanak-kanak ini menanamkan naratif yang songsang. Masyarakat perlu sedar bahawa pendidikan seksul lebih luas daripada apa yang berlaku di dalam bilik tidur seperti yang disangka oleh sesetengah pihak. Ia melibatkan emosi, fikiran, sosial dan spiritual di samping fizikal. Oleh itu, pendidikan seks komprehensif, atau istilah yang digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu comprehensive sexuality education (dengan izin tuan speaker) adalah sangat diperlukan.

Bangkitnya saya akan memberikan 2 hujahan sokongan dimana hujah pertama adalah “pendidikan seksual membentuk nilai kasih pada diri sendiri” serta hujahan kedua adalah “pendidikan seksual memperkasa hubungan sejahtera”.

Hujah Pertama: Pendidikan seksual membentuk nilai kasih pada diri sendiri.

Sidang dewan sekalian, kanak-kanak kini perlu berkeupayaan serta beradaptasi untuk mengenal pasti ancaman-ancaman di sekeliling mereka walaupun pendidikan seksual masih tabu dalam masyarakat sehingga ia dianggap sebagai suatu topik yang memalukan dan tidak boleh dibicarakan secara terbuka. Realitinya, masih ramai ibu bapa atau orang dewasa yang mengajar kanak-kanak untuk memberikan nama panggilan kepada bahagian sulit walaupun sesetengah menganggap ini perkara yang kecil sahaja. Namun, salah satu langkah dalam memperkasakan kanak-kanak dengan ilmu pendidikan seksual adalah amat penting untuk memastikan mereka memanggil bahagian sulit dengan nama sebenar. Alat sulit perlu dipanggil dengan nama sebenar dalam bahasa percakapan masing-masing atau bahasa saintifik, bukan dengan nama yang merujuk kepada makanan atau benda lain.

Maka, antara kaedah kanak-kanak ini perlu didedahkan dengan pendidikan seksual secara formal mahupun tidak formal adalah merangkumi menerusi visual, mendengar maklumat sama ada formal dan tidak formal serta diajar apa yang boleh dan tidak boleh. Kanak-kanak ini adalah individu yang mempunyai maruah, perlu dihormati dan mendengar semua apa yang disampaikan. Melalui pendidikan seksual ini, ianya akan perlahan membentuk rasa kasih terhadap diri mereka dimana mereka tahu seandainya ada sebarang ancaman kelak, ianya dihadiri bersama niat yang mahu mengambil kesempatan ke atas mereka.

Hujah Kedua: Pendidikan seksual memperkasa hubungan sejahtera.

Tuan Yang Di-Pertua, kita tidak mahu kanak-kanak yang menjadi mangsa terus duduk menyembunyikan diri. Kita enggan melihat diri mereka terseksa menahan sepi dimana mereka menganggap diri mereka sudah tiada tempat disisi komuniti. Maka, menerusi pendidikan seksual, ianya secara tidak langsung membentuk satu jaringan komuniti yang saling memberikan sokongan secara mental mahupun fizikal terutama diantara keluarga dan mangsa. Pendidikan seksual bukan hanya terhad dalam mendalami topik berkenaan seksualiti, namun pendidikan ini harus menekankan juga peranan dalam menjaga kanak-kanak yang sudah menjadi mangsa. Kita mahu mereka sedar, mereka adalah insan yang layak diperjuangkan keadilan mereka. Keadilan buat mereka termaktub didalam Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dimana akta ini telah digubal bertujuan memberi perlindungan lebih baik kepada kanak-kanak, melindungi kepentingan dan kebajikan mereka, serta mengadakan pencegahan berkesan bagi kesalahan seksual terhadap golongan itu. Mereka adalah permata yang bakal menyinari negara, dan kita tidak mahu cahaya itu terus malap tanpa secebis harapan.

Maka warga dewan yang saya hormati sekalian,

Dasarnya pada hari ini, saya, Arif Adam Bin Patahul Ariffin selaku perwakilan P.206 Tanjung Manis menyokong usul yang dibawa hari ini. Diharap ahli-ahli Dewan lain turut menyokong usul ini juga kerana indahnya sesebuah negara dek dipacu oleh generasi muda yang berteraskan nilai keadilan buat semua rakyat. Sekian terima kasih. Saya mohon untuk terus mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih kepada saudara perwakilan P.206 Tanjung Manis. Kerana ada masa berbaki lagi, suka untuk saya ingatkan kepada semua para perwakilan masa yang diberikan untuk berbahas selama 7 minit, 4 minit adalah masa perbahasan dan 3 minit adalah untuk celahan ataupun izin laluan sekiranya ada persoalan kepada pembahas. Ini untuk perwakilan yang ingin mengajukan soalan atau celahan, boleh buka mic anda dan pihak sekretariat akan maklumkan saya dan akan berikan laluan sekiranya pembahas menjemput beri keizinan untuk mencelah.

Baik, dengan itu, terima kasih kepada saudara perwakilan P.206 Tanjung Manis, seterusnya saya menjemput P.020 Pengkalan Chepa, saudara Amir Zikri, untuk mengisi ruang perbahasan. Baik dipersilakan.

TUAN MUHAMMAD AMIR ZIKRI [P.020 PENGKALAN CHEPA]:

Baik, terima kasih Tuan Yang-Dipertua.

Assalamualaikum dan selamat sejahtera, saya ucapkan kepada ahli-ahli perwakilan yang bersidang, nama saya Muhammad Amir Zikri bin Mohd Kamal Baharin, mewakili Kawasan parlimen P.020 Pengkalan Chepa daripada kumpulan Kementerian Pendidikan.

Tampil berbahas hari ini saya ingin menyokong perbahasan usul yang dibawa pada pagi ini iaitu usul Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki.

Warga dewan yang dimuliakan,

Apabila kita bercakap soal pendidikan seksual, rakyat Malaysia akan terus berfikir serong seolah-olah pendidikan seksual itu sepatutnya tidak diajar kepada kanak-kanak terutamanya di sekolah. Suka saya ingatkan bahawa usul ini adalah usul yang sangat penting kerana ia melibatkan masa depan generasi akan datang.

Definisi pendidikan seksual sebenarnya lebih luas daripada makna harfiah itu sendiri. Pendidikan seksual terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Pendidikan anatomi badan (pertumbuhan manusia, reproduktif, kesihatan diri), budaya (komuniti, kesedaran), dan lain-lain. Namun, dalam

pendidikan arus perdana iaitu sekolah, silibus sekolah hanya menekankan tentang Pendidikan anatomi di mana ia diajar di dalam subjek sains sekolah menengah. Persoalannya, adakah perkara yang hanya ditekankan di dalam satu bab sahaja mampu membantu anak-anak ini daripada gangguan secara seksual oleh manusia-manusia yang rakus? Pada pandangan saya, tidak.

Tuan Speaker,

Kita bercakap soal anak-anak yang giat membesar. Pertumbuhan “akil baligh” kanak-kanak berlaku di umur 8 sehingga 15 tahun dimana perempuan mendahului lelaki dalam hal ini. Oleh itu, sebelum mereka mencapai umur ini, mereka perlu didedahkan dengan pendidikan seks sebagaimana contoh sentuhan daripada jantina berlainan, orang lebih dewasa, malah ahli keluarga sendiri. Dengan kepesatan teknologi yang kita miliki hari ini, kanak-kanak mengetahui tentang perkara ini terlalu awal, mengambil contoh kes yang tular baru-baru ini di media sosial, keluhan guru prasekolah dimana dia diberitahu oleh ibu bapa pelajar, seorang pelajar lelaki ingin membuat perkara tidak senonoh bersama rakan perempuannya. Hal ini mungkin boleh diatasi sekiranya kita mengambil tindakan untuk mengajarkan pendidikan seksual kepada mereka.

Mengambil maklum kerisauan ibu bapa sekiranya kerajaan melaksanakan pendidikan seksual di sekolah adalah satu perkara yang ekstrem, maka saya mencadangkan untuk pendidikan seks ini boleh digabungkan di dalam subjek Sains dan Pendidikan Jasmani. Sebagai contoh, adakan satu minggu khas di dalam sebulan untuk subjek-subjek ini mengajar tentang pendidikan seks dimana subjek Sains boleh menekankan tentang perubahan hormon ketika “puberty” (dengan izin Tuan Speaker) dan sistem reproduktif manusia, manakala bagi subjek Pendidikan Jasmani, ia boleh menekankan tentang gaya hidup, penjagaan diri, dan perkara yang boleh atau tidak boleh diambil mudah oleh anak-anak ini. Namun harus diingatkan bahawa, guru juga perlu mempunyai sikap profesional dalam mengajarkan subjek ini.

Sidang dewan yang saya hormati,

Apa yang ingin ditekankan bahawa saya ingin pendidikan seksual ini diberi penekanan yang lebih dari menjadi satu “nilai tambah” dalam subjek Sains dan Pendidikan Jasmani. Pendidikan seksual perlu dilaksanakan dengan membentuk satu silibus baru. Oleh kerana Pendidikan ini bukanlah perkara yang boleh diambil ringan, maka pihak kerajaan melalui kementerian terbabit seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu berganding bahu, mencari ahli-ahli yang berkebolehan untuk merancang dan membina silibus yang sesuai untuk diterapkan di sekolah. Kita bercakap soal Pendidikan yang amat penting oleh kerana menurut rekod PDRM dari 2018 sehingga 2020, sebanyak 6,897 kes jenayah seksual yang melibatkan jenayah rogol, sumbang mahram, luar tabii, cabul kehormatan dan lain-lain jenayah yang melibatkan kanak-kanak dan remaja.

Saya mengharapkan pihak kerajaan mampu untuk melaksanakan perkara ini dalam masa yang terdekat. Anak-anak ini adalah masa depan negara dan aset yang penting bagi negara ini. Sekiranya dari sudut negatifnya sudah terlalu kehadapan, ada baiknya kita pun bergerak seiring dengan perkembangan ini bagi membendung peningkatan statistik yang lebih buruk.

PUAN NOOR AMIRAH AISYAH [P.055 LENGGONG]: Mohon mencelah.

TUAN MUHAMMAD AMIR ZIKRI [P.020 PENGKALAN CHEPA]: Ya sila.

TUAN YANG DI-PERTUA: Perwakilan yang mana tadi?

PUAN NOOR AMIRAH AISYAH [P.055 LENGGONG]: P.055 Lenggong.

TUAN YANG DI-PERTUA: P.055 Lenggong, okay.

PUAN NOOR AMIRAH AISYAH [P.055 LENGGONG]: Baik, soalan saya terhadap perwakilan P.020 Pengkalan Chepa yang mencadangkan untuk pendidikan seksual ini digabungkan dalam subjek Sains dan Pendidikan Jasmani. Pertama, perkara ini sudah dilakukan, contohnya dalam sains biologi, pendidikan islam, pendidikan moral dan sebagainya, tetapi masyarakat kita masih lagi tidak peka dengan gangguan seksual. Itu yang pertama. Kedua, pendidikan jasmani selalunya tidak diberikan perhatian dan kelas ini digantikan dengan subjek lain. Jadi soalan saya kepada P.020 Pengkalan Chepa, perwakilan P.020, bagaimana untuk kita atasi perkara ini?

TUAN MUHAMMAD AMIR ZIKRI [P.020 PENGKALAN CHEPA]: Baik terima kasih kepada perwakilan P.055 Lenggong. Baiklah, jadi apabila kita bercakap tentang kesedaran, Lenggong bercakap tentang soal kesedaran, betul? Baik. Kesedaran masyarakat ini boleh diatasi sekiranya pihak kerajaan mengambil serius tentang perkara selain dari pendidikan, iaitu perkara dimana, perkembangan di media sosial, apabila menerapkan pelaksanaan, penguatkuasaan undang-undang sendiri dan lebih serius dalam mengatasi gangguan seksual itu sendiri dan juga tentang kesedaran tentang gangguan seksual itu sendiri. Seperti saya sendiri melihat satu advertisement--

TUAN YANG DI-PERTUA: Minta izin, perwakilan P.020 Pengkalan Chepa, saya berikan masa 15 saat lagi untuk menjawab soalan.

TUAN MUHAMMAD AMIR ZIKRI [P.020 PENGKALAN CHEPA]: Baik dengan itu, saya akan menjawab pertanyaan Lenggong dalam chat, saya ingin menggulung perbualan saya dahulu, boleh Lenggong? Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta masa tambahan?

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, silakan.

TUAN MUHAMMAD AMIR ZIKRI [P.020 PENGKALAN CHEPA]: Baik, jadi untuk usul ini, saya ambil kata-kata daripada Confucious, “Only the wisest and stupidest of men never change”, dengan izin Tuan Speaker. Kita perlu mengubah persepsi masyarakat tentang pendidikan seksual untuk masa depan generasi akan datang.

Oleh itu, saya Muhammad Amir Zikri Bin Mohd Kamal Baharin perwakilan P.020 Pengkalan Chepa daripada kumpulan Kementerian Pendidikan Dewan Muda Malaysia menyokong usul ini.

Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Okay, terima kasih perwakilan P020 Pengkalan Chepa, seterusnya, saya menjemput dari perwakilan P.096 Kuala Selangor, Ain Husniza Saiful Nizam untuk mengisi ruang perbahasan, dipersilakan.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Terima kasih, Tuan Yang Di-Pertua. Salam sejahtera saya ucapkan kepada tuan speaker. Nama saya adalah Ain Husniza Saiful Nizam dan saya mewakili kawasan Parlimen P.096 Kuala Selangor daripada kumpulan Kementerian Pendidikan.

Warga dewan yang mulia,

Tampil berbahas pada hari ini, saya berpendirian bagi menyokong usul yang berbunyi dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki. Usul yang dibawa kritikal dalam langkah untuk melindungi kepentingan dan hak asasi kanak-kanak yang merupakan golongan paling terdedah dan berisiko tinggi menjadi mangsa gangguan seksual.

Sebelum memulakan hujah, saya ingin mencadangkan perhalusan terhadap usul yang dibawa. Saya mencadangkan pertambahan frasa jenayah seksual disamping frasa gangguan seksual untuk menegaskan bahawa sebarang perlakuan seksual kepada kanak-kanak merupakan jenayah dan salah dari segi undang-undang. Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun. Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) skop jenayah seksual terhadap kanak-kanak juga telah diluaskan dengan menyenaraikan: pornografi, pengantunan seksual dan amang seksual sebagai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

Tuan Yang Di-Pertua, berikut merupakan cadangan saya.

Untuk pengetahuan semua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pendidikan seksual secara tidak seragam dalam subjek (PEERS) ataupun dikenali sebagai subjek

Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial sejak 1989 LAGI di sekolah menengah dan sejak 1994 di sekolah rendah. Maka saya ingin mencadangkan perkara-perkara seperti berikut:

1. Kepentingan merangka semula subjek (PEERS) sebagai subjek teras yang berdiri sendiri seperti subjek Bahasa Melayu, dan lain-lain. Statistik membabitkan kes kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Ketua Hakim negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat menyatakan tahun 2020 dan 2021 menyaksikan peningkatan pendaftaran kes jenayah seksual sebanyak 42 peratus. Namun, penerapan pendidikan subjek PEERS yang sedia ada merentas kurikulum subjek yang berbeza-beza dan tidak cukup komprehensif. Melalui cadangan ini, penerapan pendidikan seksual di dalam sekolah dapat diperkasakan dengan kurikulum yang lebih seragam. Mangsa seringkali tidak tahu akan hak asasi mereka, serta langkah-langkah yang sewajarnya diambil. Dengan keseragaman PEERS, pelajar akan memahami hak asasi mereka dengan lebih mendalam. Mereka juga akan berani untuk tampil bersuara melaporkan pemangsa-pemangsa tersorok tersebut.

2. Subjek ini akan diajar pada pelajar Darjah Tiga. Dengan penggunaan peranti digital yang semakin meluas. Tidak dapat dinafikan, apa-apa informasi kini dapat dicari di hujung jari sahaja. Ini adalah realiti. Kanak-kanak kini terdedah kepada pelbagai jenis bahan-bahan berunsur seksual dan pornografi di alam maya tanpa mengira umur. Data polis menunjukkan bahawa pelbagai aplikasi media sosial popular seperti Telegram, Tik Tok dan Twitter menyumbang kepada perlakuan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Ini membuktikan kepentingan pendidikan seksual didedahkan kepada kanak-kanak pada peringkat awal.

3. Guru yang mengajar subjek PEERS akan melalui kursus peka jantina dan dilatih terlebih dahulu. Pada tahun lepas sekitar bulan April terdapat isu dimana seorang pelajar perempuan mendakwa guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan beliau telah mengeluarkan kata-kata lucu dan lawak rogol ketika mengajar salah satu daripada pengisian subjek PEERS tentang topik amang seksual. Rentetan daripada isu itu, timbul sebuah gerakan dengan izin #MakeSchoolASaferPlace yang menunjukkan skala isu gangguan seksual di sekolah-sekolah kita. Isu ini menunjukkan—

TUAN SHAFIK BIN SABDALI [P.170 TUARAN]: Izin laluan, Yang di-Pertua.

TUAN YANG DI-PERTUA: Terpulang kepada perwakilan Kuala Selangor.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Izinkan saya menghabiskan perbincangan saya terlebih dahulu?

TUAN YANG DI-PERTUA: Okay, boleh.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Rentetan daripada isu itu, timbul sebuah gerakan dengan izin #MakeSchoolASaferPlace yang menunjukkan skala isu gangguan seksual di sekolah-sekolah kita. Isu ini menunjukkan bahawa bukan sahaja pengisian sesuatu silibus penting, namun cara guru menyampaikan kepada pelajar. Apabila guru itu tidak dilatih, kata-kata dan kelakuan yang tidak bersesuaian akan bercanggah dengan matlamat subjek tersebut. Latihan ini memastikan guru-guru tersebut bersedia untuk menyampaikan ilmu yang mustahak ini.

4. Silibus subjek ini haruslah merangkumi aspek-aspek asas seperti:

Kepekaan jantina,

Takrifan dan jenis-jenis gangguan ataupun jenayah seksual,

Hak Asasi Individu,

Akta-akta yang melindungi mereka,

Sistem Reproduktif,

Langkah-langkah melindungi diri ataupun cara melapor.

Para perwakilan dan pemerhati sekalian, dengan ini saya mengharapkan bahawa usul ini akan mewujudkan suasana yang lebih selamat untuk pelajar di dalam sekolah ataupun dengan izin #MakeSchoolASaferPlace. Maka saya, Ain Husniza Saiful Nizam selaku perwakilan P.096 Kuala Selangor menyokong usul yang dibawa hari ini. Diharap ahli-ahli Dewan lain turut menyokong usul ini juga. Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, tadi ada celahan dari Tuaran, kalau tak silap. Boleh kemukakan celahan anda, atau soalan.

TUAN SHAFIK BIN SABDALI [P.170 TUARAN]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, perwakilan P.096, saya ada soalan, apa pendekatan awal yang bakal digunakan untuk memahami anak-anak di peringkat sekolah rendah sedangkan mentaliti anak-anak di sekolah rendah ini masih mentah dan belum lagi bersedia untuk menerima pendidikan seksual? Terima kasih.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Seperti awal di dalam perbahasan saya, saya sudah nyatakan mengapa pentingnya kita mendedahkan pendidikan seksual kepada kanak-kanak pada peringkat awal kerana lebih awal kita mendedahkan pendidikan seksual, lebih banyak kanak-kanak terselamat. Adakah kanak-kanak yang berada di umur yang mentah tidak layak untuk menerima pendidikan seksual yang merupakan sebenarnya perlindungan kepada mereka untuk melindungi diri daripada gangguan-gangguan seksual. Itulah jawapan saya, terima kasih.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Mohon izin laluan, Tuan Speaker.

TUAN YANG DI-PERTUA: Perwakilan mana eh?

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Perwakilan P034 Setiu.

TUAN YANG DI-PERTUA: Okay, saya bagi 10 saat untuk kemukakan soalan.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Baik terima kasih. Perwakilan Kuala Selangor, saya ada satu soalan. Saya rasa kerisauan masyarakat awam berkenaan dasar ini adalah pelajar sekolah rendah, terutamanya pelajar Tahun 3 sudah mempunyai terlalu banyak subjek untuk diterapkan. Mereka mempunyai 9 hingga 12 subjek. Jadi untuk kita menambah lagi satu subjek, bukankah itu akan menjadi satu beban dan bukankah peruntukkan untuk pendidikan seksual yang kini diterapkan dalam subjek sains dan pendidikan jasmani sudah mencukupi ataupun kita boleh menambahbaik konteks akademik dalam subjek tersebut. Mohon penjelasan daripada perwakilan Kuala Selangor.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Pada saya, pendidikan seksual bukanlah sesuatu beban tetapi sesuatu yang wajib diajar kepada pelajar-pelajar ini kerana ia merupakan satu ilmu asas untuk mereka melindungi diri mereka dari menjadi mangsa. Selain itu, pada pendapat saya, kita juga boleh memperbaiki isi-isi kerana sekarang ini pendidikan seksual yang diterapkan tidak cukup komprehensif dan tidak merangkumi aspek-aspek yang diperlukan dalam, dengan izin, CSE atau comprehensive sexuality education. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih kepada perwakilan yang mencelah dan perwakilan P.096 Kuala Selangor.

Untuk persoalan yang ada tadi untuk perwakilan Pengkalan Chepa tadi, soalan dari Lenggong, kalau ada masa nanti selepas semua pembahas berbahas, kita boleh kembali ke soalan itu.

Baik saya akan menjemput perwakilan P.118 Lahad Datu, saudari Christyne Surindai untuk mengisi ruang perbahasan. Dipersilakan.

PUAN CHRISTYNE SURINDAI [P.118 LAHAD DATU]: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang Dipertua dan ahli-ahli yang terhormat sekalian. Nama saya ialah Christyne Surindai Moosom dan saya mewakili kawasan Parlimen P.188 Lahad Datu dan daripada kumpulan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Pendirian saya tegas untuk berbahas pada hari ini bahawa saya ingin menyokong usul yang berbunyi Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki.

Ahli-ahli perwakilan sekalian,

Setiap hari, kita selalu mendengar dan membaca kes jenayah seksual tidak kira di surat khabar atau platform media sosial. Izinkan saya kongsi kisah Carol yang berlaku di negeri Sabah. Carol adalah seorang kanak perempuan di sebuah kampung pedalaman dan pergi ke sekolah berasrama. Carol tidak suka pulang ke kampung semasa cuti sekolah kerana dia dan adik perempuannya selalu diganggu oleh lelaki dalam keluarganya. Dalam salah satu kejadian, Carol telah dirogol. Carol tidak tahu apa yang dia perlu lakukan. Dia memberitahu ibu dan mak cik nya tentang hal tersebut, tetapi mereka berkata bahawa perbuatan itu normal dan dia tidak boleh dikongsi kepada orang lain. Apabila Carol kembali ke sekolah, dia memberitahu cikgunya tetapi cikgunya berfikir bahawa perkara itu adalah perkara biasa dan tidak serius. Bayangkan perbuatan ini selalu berlaku terutamanya di kawasan pedalaman, yang bergenerasi dan telah menjadi sebuah budaya di kampung tersebut.

Para perwakilan yang saya hormati,

Hujah saya pertama ialah gangguan seksual dianggap normal di dalam masyarakat kita. Masyarakat kita masih menderita daripada gangguan seksual di setiap lapisan generasi. Seperti kisah Carol yang mana ibu dan dirinya sendiri adalah mangsa rogol. Apabila perlakuan ini tidak dilaporkan dan dicegah, lama-kelamaan gangguan seksual dianggap normal dan menjadi budaya. Malahan, dalam kisah Carol dan di kebanyakan kes, mangsa selalunya diganggu secara seksual dan lama kelamaan mereka dirogol. Laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan sebanyak 6,897 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja bagi tempoh tiga tahun antara 2018 hingga 2020. PDRM menegaskan bahawa kes jenayah seksual kepada remaja dan kanak-kanak terus meningkat walaupun negara kita dilanda pandemik COVID-19. Statistik ini turut menganggarkan 6 orang kanak-kanak dan remaja menjadi mangsa jenayah seksual setiap hari di negara kita sejak 3 tahun lalu. Laporan ini dapat menunjukkan bahawa kegiatan jenayah seksual masih tidak dibendung, apa lagi mangsa yang mendapat gangguan seksual.

Tuan Speaker,

Seperti dalam kisah Carol, gurunya ingat gangguan seksual Carol hadapi adalah biasa dan tidak serius. Ini menunjukkan guru-guru juga kurang sedar tentang bahaya gangguan seksual. Di sekolah, tidak ada mekanisme respon atau prosedur untuk melindungi pelajar yang diganggu secara seksual. Guru-guru di sekolah sepatutnya diberi pengetahuan tentang gangguan seksual dan cara untuk memberi bantuan kepada pelajar kerana mereka adalah barisan hadapan di sekolah. Apabila mangsa gangguan seksual ini tidak dibantu, mereka menjadi buntu dan merasakan mereka tidak dipedulikan. Hal ini mengganggu emosi dan kesihatan mental mereka yang akhirnya boleh mengakibatkan mereka tidak mampu mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Warga dewan yang saya muliakan,

Saya juga turut mencadangkan agar pendidikan seksual diajar di sekolah. Kurikulum di sekolah seharusnya merangkumi pendidikan yang holistik. Ia harus memberi perhatian kepada jasmani, fizikal dan mental pelajar agar ia boleh membantu kanak-kanak untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya. Tambahan itu, di sekolah juga mereka mengalami pertumbuhan minda serta menghabiskan banyak masa mereka bersama orang lain. Bayangkan jika Carol mempelajari tentang pendidikan seksual sewaktu di sekolah, bukankah ia boleh membantu dan memampukan dia untuk melindungi dirinya daripada dirogol atau menjadi buntu? Kanak-kanak perlu menjaga diri mereka dan mereka turut berhak mengetahui hak mereka. Penerapan pendidikan seksual kepada kanak-kanak di awal usia mereka akan membantu mereka untuk mengenal pasti “boundaries” (dengan izin) dan menyatakan tidak dengan yakin. Hanya dengan perubahan yang kecil seperti dalam usul ini, pelaburan yang kita lakukan akan menjangkau impak yang besar dan jauh sekali. Bukankah ini dapat membantu mereka menjadi seorang remaja yang sejahtera dan seterusnya seorang ibu dan bapa yang baik? Ini juga akan mendorong kepada pembentukan keluarga yang makmur dan lebih menepati slogan Keluarga Malaysia yang dilaung-laungkan oleh pihak Kerajaan.

Ahli-ahli perwakilan sekalian,

Saya juga menggesa kepada semua dalam persidangan ini terutamanya perwakilan lelaki untuk turut sama-sama menyokong usul ini. Saya percaya anda semua adalah lelaki yang bertanggungjawab, telus dan anda juga seperti saya yang ingin memegang peranan untuk melahirkan generasi yang lebih baik dan sejahtera. Malah, sebagai wanita yang mewakili generasi muda, lelaki yang mempunyai ciri-ciri beginilah yang kami hormati dan inginkan dalam pasangan hidup kami.

Maka saya, Christyne Surindai Moosom, selaku wakil kawasan P.188 Lahad Datu menyokong usul yang dibawa hari ini Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki. Saya berharap ahli-ahli Dewan lain turut menyokong usul ini juga. Sekian, terima kasih. Saya memohon menyokong.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk buat pencelahan.

TUAN YANG DI-PERTUA: Okay, silakan.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Selamat petang dan salam sejahtera kepada perwakilan Lahad Datu dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua, saya Batu Kawan ingin bertanya satu soalan kepada perwakilan Lahad Datu mengenai satu perkara yang dibangkitkan dalam teks perbahasan tadi. Tadi Lahad Datu menggesa semua perwakilan lelaki DMM untuk menyokong perbahasan beliau. Saya ada memerhatikan bahawa Lahad Datu ada menyatakan bahawa kes-kes

pencabulan seksual di negara ini biasanya melibatkan pelaku lelaki dan mangsa wanita. Tetapi, ada juga kes dimana pencabul itu wanita, mangsa itu lelaki, atau dalam kes-kes ekstrim, pelaku dan mangsa kedua-dua wanita ataupun pelaku dan mangsa kedua-dua itu lelaki. Tetapi saya rasa Lahad Datu hanya fokus kepada hubungan dimana pelaku itu lelaki dan mangsa itu wanita. Jadi apakah pendapat Lahad Datu mengenai pencabulan seksual yang dilakukan oleh pelaku wanita terhadap mangsa lelaki. Adalah pelaku wanita perlu menerima hukuman jenayah yang setimpal seperti perogol lelaki atau pelaku jenayah seksual lelaki.

TUAN YANG DI-PERTUA: Saya harap soalan tersebut jelas, saya berikan Lahad Datu 20 saat untuk menjawab.

PUAN CHRISTYNE SURINDAI [P.118 LAHAD DATU]: Minta maaf Yang di-Pertua, saya tak berapa jelas dengan soalan daripada P.046 tadi. Boleh saya bertanya apakah soalan utama yang ingin ditanyakan?

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Maaf Lahad Datu kerana soalan saya tidak jelas, soalan utama saya ialah adakah Lahad Datu bersetuju bahawa pelaku jenayah seksual wanita perlu menerima hukuman yang setimpal seperti pelaku jenayah seksual lelaki?

PUAN CHRISTYNE SURINDAI [P.118 LAHAD DATU]: Bagi pendapat saya, kalau seseorang itu buat kesalahan, kita perlulah berlaku adil bila memberi hukuman yang setimpal. Tetapi pada hari ini, konteks yang kita bincangkan adalah pendidikan seksual untuk anak-anak di sekolah dan saya ikut statistik dimana kebanyakan statistik gangguan seksual ataupun rogol lebih dilakukan kepada mangsa kanak-kanak wanita. Oleh itu, teks perbahasan saya lebih kepada usul yang dikemukakan hari ini.

TUAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada perwakilan Lahad Datu dan perwakilan Batu Kawan, soalan lebih lanjut, kalau ada masa kita akan kembali selepas semua perbahasan membahas. Baik seterusnya saya menjemput perwakilan dari P.021 Kota Bharu, saudara Nik Ahmad Nuri bin Nik Ismail untuk mengisi ruang perbahasan. Dipersilakan.

TUAN NIK AHMAD NURI BIN NIK ISMAIL [P.021 KOTA BHARU]: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

Saya Nik Ahmad Nuri Bin Nik Ismail mewakili kerusi P.021 Kota Bharu daripada kumpulan Kementerian Dalam Negeri dengan penuh takzim berdiri di dalam yang mulia ini untuk membahaskan satu usul iaitu “Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki”.

Warga dewan sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak ini merupakan satu kes yang serius di negara kita dan perkara ini perlu bersama-sama kita mencari jalan penyelesaiannya bagi melindungi kanak-kanak ini terus menjadi mangsa jenayah seksual dan kita tidak mahu kes ini berlarutan hingga merosakkan imej dan maruah mereka. Perbuatan jenayah dan salah laku seksual yang melibatkan kanak-kanak ini juga adalah antara gejala kemerosotan dan keruntuhan akhlak yang membimbangkan masyarakat kita. Lebih-lebih lagi kes ini melibatkan orang yang beragama Islam. Jelas di dalam agama juga melarang perbuatan zina ini yang secara terang-terangan haram di dalam agama Islam.

Allah SWT telah berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 32: Wa laa taqrabuz zinaaa innahoo kaana faahishatanw wa saaa'a sabeelaa

Yang bermaksud: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan), Surah Al-Isra', ayat 32.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli Dewan Yang Dikasihi Sekalian,

Merujuk data yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum ini sebanyak 11,914 kes gangguan seksual sejak 2018 hingga Ogos 2021 dengan 90 peratus pemangsa ialah mereka yang dikenali dan antara modus operandinya menampilkan watak yang baik. Manakala statistik jenayah seksual ke atas kanak-kanak pada tahun 2020 sehingga 30 Jun 2020 yang direkodkan PDRM adalah sebanyak 1,721 kes. Antara 2020 dan 2021 pula menyaksikan peningkatan pendaftaran kes ini sebanyak 42 peratus. Ini bermakna, setiap lapisan masyarakat perlu sedar bahawa pendidikan seksual sangat perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak bermula di bangku sekolah lagi. Pendidikan seksual ini bukan hanya apa yang berlaku di dalam bilik tidur seperti yang kita sangkakan akan tetapi ia lebih luas daripada apa yang kita fikirkan yakni melibatkan fizikal, emosi, fikiran, sosial dan spiritual. Oleh itu, pendidikan seks komprehensif atau istilah yang digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu comprehensive sexuality education (CSE) adalah sangat diperlukan.

Tuan yang dipertua, ahli dewan yang dikasihi sekalian,

Bagi mengelakkan dan membendung kes seksual yang melibatkan kanak-kanak di negara kita, saya cadangkan supaya pendidikan—

TUAN YANG DI-PERTUA: Sekejap eh, Kota Bharu, ada yang ingin mencelah?

TUAN NIK AHMAD NURI BIN NIK ISMAIL [P.021 KOTA BHARU]: Izingkan saya menghabiskan teks saya terlebih dahulu.

TUAN YANG DI-PERTUA: Okay, baik.

TUAN NIK AHMAD NURI BIN NIK ISMAIL [P.021 KOTA BHARU]: Maka cadangan saya supaya pendidikan seksual diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah.

Pucuk pangkalnya adalah, ibu bapa dan masyarakat perlu memainkan peranan yang sangat penting dengan memberi perhatian terhadap anak masing-masing supaya mereka tidak terlibat dalam pergaulan bebas yang boleh memberi kesan kepada masa depan mereka. Di samping itu, berikan didikan agama yang mantap dan berterusan kepada anak-anak agar mereka terhindar daripada jenayah seksual ini.

Maka, saya Nik Ahmad Nuri Bin Nik Ismail mewakili kerusi P.021 Kota Bharu menyokong usul pada hari. Sekian terima kasih. Mohon untuk terus mencadang. Assalamualaikum.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, tadi siapa yang ingin mencelah tadi? Lenggong ke? Eh bukan.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Tuan Speaker, ingin mencelah.

TUAN YANG DI-PERTUA: Sekejap, sekejap, yang pertama tadi, Kubang Pasu eh?

PUAN 'ALYAAH HANI ANUAR [P.006 KUBANG PASU]: Kubang Pasu, ya.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, silakan.

PUAN 'ALYAAH HANI ANUAR [P.006 KUBANG PASU]: Perwakilan Kota Bharu, pertama ingin saya tegaskan disini bahawa agama Islam bukanlah satu-satu agama di Malaysia, jadi saya ingin meminta pendapat Kota Bharu tentang, seperti Kota Bharu ada nyatakan tadi tentang kejahilan pengetahuan mereka serta isu mandi wajib, adakah perlu untuk kita masukkan pengetahuan tersebut dalam silibus sedangkan di Malaysia bukanlah Islam satu-satu agama yang dianuti. Mohon respon.

TUAN NIK AHMAD NURI BIN NIK ISMAIL [P.021 KOTA BHARU]: Baik, terima kasih kepada Kubang Pasu atas soalan yang diberikan. Baik, pada pandangan saya, untuk berkaitan dengan apa yang diajarkan dalam agama Islam itu, kita berikan kepada orang yang beragama Islam, dan saya pun telah bertanya kepada kawan saya yang non-Muslim. Kalau ikutkan, dalam ajaran non-Muslim juga, seperti agama Kristian, mereka juga diajarkan untuk mandi sekiranya keluar air mani tersebut. Saya harap dapat menjawab persoalan.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Mohon izin laluan, Tuan Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA: Tadi Bukit Gantang dulu, saya bagi Bukit Gantang.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Baik.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi saudara Kota Bharu. Saya ingin tanyakan soalan. Adakah Kota Bharu boleh memberikan penjelasan atau huraian tentang peranan ibu bapa dan masyarakat, selain dari pendidikan agama sahaja? Minta izin, terima kasih.

TUAN NIK AHMAD NURI BIN NIK ISMAIL [P.021 KOTA BHARU]: Baik, terima kasih Bukit Gantang, kita melihat juga peranan utama sebenarnya terletak pada ibu bapa. Baik, sekiranya kalau ikutkan pendidikan yang utama atau pendidikan awal sebelum kanak-kanak atau anak-anak ini masuk ke alam persekolahan, pendidikan sebenarnya bermula pada ibu bapa. Jadi peranan ibu bapa atau tanggungjawab ibu bapa perlulah memainkan peranan yang sangat penting dengan memberikan pendedahan awal yang bagaimana? Sebagai contoh, jika ada seseorang yang mendekati anak-anak kita, mungkin peranan kita sebagai ibu bapa adalah untuk memberitahu mereka untuk menjauhi diri dari seseorang yang tidak kita kenal menghampiri kita. Saya harap itu menjawab soalan.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, tadi Setiu ke?

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Betul, Yang di-Pertua.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, dipersilakan. Mohon ringkaskan soalan.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Saudara Kota Bharu, berkenaan kaedah implementasi yang berkaitan dengan cara untuk mandi wajib dan semua yang berkaitan dengan akil baligh, tajuk perbahasan hari ini, objektifnya adalah untuk mengelak golongan kanak-kanak dari menjadi mangsa gangguan seksual berdasarkan ilmu asas yang dimiliki. Jadi bagaimana ilmu asas ini boleh melindungi mereka dari menjadi mangsa gangguan seksual? Mohon penjelasan.

TUAN NIK AHMAD NURI BIN NIK ISMAIL [P.021 KOTA BHARU]: Baik, terima kasih atas persoalan. Baik, apa yang saya beritahu tadi adalah berkenaan dengan, dalam agama Islam sebenarnya ada pendidikan seksual yang diberikan kepada anak-anak, bermula di bangku persekolahan lagi. Jadi, setiap pendidikan atau asas ilmu yang dimiliki, seperti apa yang saya beritahu tadi, pendedahan awal yang bagaimana, jadi jika seseorang itu, sama juga, setiap guru harus memainkan peranan dengan memberitahu murid-murid, sebagai contoh, jika ada seseorang yang tidak dikenali, atau orang luar dari kita, ingin mendekati atau cuba untuk menyentuh anak-

anak itu, mungkin guru-guru patut memberitahu untuk mengelakkan dari menghampiri. Kedua adalah guru-guru juga boleh memberitahu bahawa tahap bagi orang itu melihat tubuh badan kita, sebagai contoh, ada tempat yang dimana kita boleh melihat dan ada tempat dimana kita tidak boleh melihat. Jadi benda itu mungkin sudah menjadi satu pendedahan awal yang diberikan kepada anak-anak.

TUAN YANG DI-PERTUA: Okay terima kasih kepada perwakilan daripada Kota Bharu. Seterusnya saya menjemput perwakilan P.039, saudara Muhammad Fakhrudin bin Nordin untuk mengisi ruang perbincangan.

TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN NORDIN [P.039 DUNGUN]:

*Melati kuntum tumbuh melata,
Sayang Merbah dipohon cemara,
Assalamualaikum mulanya kata,
Saya sembah pembuka bicara.*

Terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua Dewan. Assalamualaikum dan salam transformasi saya ucapkan kepada semua ahli perwakilan dewan muda malaysia yang sudi berkumpul di dewan yang mulia ini. Nama saya Muhammad Fakhrudin Bin Nordin mewakili P039 Dungun daripada kumpulan Kementerian Pertanian. Demi melindungi anak watan, Saya ingin menyokong usul pada hari ini iaitu dewan ini percaya bahawa Pendidikan Seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal bagi mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki.

Tuan Yang Di Pertua,

Pendidikan seksual pada asasnya bertujuan untuk mengetahui diri sendiri dari aspek seksual dan membolehkan seseorang itu memahami apa yang berlaku pada dirinya sejak dilahirkan hingga dewasa. Yang mana ini membabitkan penjelasan, bimbingan serta kaunseling mengenai aspek-aspek pemahaman seksual, iaitu penjagaan kesihatan organ reproduktif, tingkah laku yang tidak diinginkan berhubung dengan perkara seksual dan bahayanya penyakit-penyakit berkaitan. Sejak awal perkembangan psikologi, seksualiti telah dipandang sebagai suatu kuasa dalaman yang utama dalam mengarah dan mempengaruhi gaya hidup seseorang. Namun begitu sehingga kini perkara yang berkaitan dengan seksual masih merupakan suatu isu yang penuh dengan kontroversi dan sukar dibincangkan. Ini mungkin kerana norma-norma masyarakat timur telah diajar begitu.

Seperti yang kita tahu para perwakilan sekalian, kanak-kanak merupakan tunjang belakang negara yang akan membawa pembaharuan dari segi ekonomi dan dasar yang holistik kepada negara kita. Kita tidak tahu bahawa ada dari kalangan mereka yang akan menjadi pemimpin yang gagah di persada dunia. Bayangkan, disebabkan isu-isu yang melibatkan gangguan seksual kepada kanak-

kanak itu masih diteruskan maka ini akan memberi impak yang negatif bukan sahaja pada negara malahan kesihatan mental kanak-kanak tersebut akibat daripada trauma yang mereka hadapi.

Warga dewan yang dihormati,

Kesalahan seksual terhadap kanak-kanak adalah masalah serius yang perlu kita tangani dengan segera bagi mengelakkan daripada bercambah dengan begitu lebat dari semasa ke semasa. Menurut laporan Harian Metro pada 18 Ogos 2020, kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak sebanyak 1721 kes direkodkan dalam tempoh Januari hingga Jun yang lalu. Antara kes yang paling tinggi dalam jenayah seksual pada tahun 2020 yang lalu adalah kes rogol direkodkan sebanyak 651 kes diikuti dengan kes cabul 344 kes, kes sumbang mahram 106 kes, luar tabii 106 kes dan kesalahan di bawah kesalahan-kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak 2017 (Akta 792) sebanyak 514 kes. Sebagaimana yang kita tahu, The Economist Intelligent Unit (dengan izin tuan speaker) pada tahun 2019 telah menyenaraikan kedudukan Malaysia berada di tempat ke-23 daripada 60 negara dalam usaha melindungi kanak-kanak dari jenayah seksual. Yang mana banyak inisiatif pelbagai pihak telah dilaksanakan bagi melindungi kanak-kanak ini namun tindakan-tindakan kerajaan pada masa ini hanyalah bagaikan mencurahkan air ke daun keladi. Oleh itu, berdirinya saya sebagai perwakilan ingin mengemukakan 2 cadangan demi mengekang gangguan seksual menjadi barah terhadap kanak-kanak pada masa akan datang.

Pertama adalah cadangan untuk mewujudkan sistem Pendidikan seksual di peringkat awal Sekolah. Pendidikan seksual perlu diperkenalkan mengikut peringkat umur supaya mereka dapat memahami perkara seperti perbezaan lelaki dan perempuan, jaga kebersihan diri, dan menjaga kehormatan diri. Saya juga tidak menafikan bahawa Pendidikan sivik sudah pun mengajar tentang cara untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa jenayah seksual tetapi ia tidaklah begitu jelas seperti silibus yang ada dalam Pendidikan seksual. Yang Berhormat sekalian, Kanak-kanak harus mempunyai pemahaman asas bahawa sesetengah orang adalah heteroseksual, homoseksual atau biseksual, dan terdapat pelbagai ekspresi jantina. Jantina tidak ditentukan oleh kemaluan seseorang. Mereka juga harus tahu apakah peranan seksualiti dalam perhubungan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kanak-kanak harus diajar asas tentang akil baligh menjelang akhir usia ini, kerana sebilangan kanak-kanak akan mengalami beberapa perkembangan akil baligh sebelum umur 10 tahun. Bagi tempoh keluarnya haid bagi Wanita menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan adalah seawal 9 tahun. Kementerian Pendidikan Malaysia memainkan peranan utama bagi menekankan isu Pendidikan Seksual dalam silibus sekolah kerana pentingnya pengetahuan awal kanak-kanak tentang seksual yang sihat dan yang memberi impak negatif kepada diri kanak-kanak. Mereka bukan sahaja harus belajar tentang perubahan yang akan mereka alami,

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin laluan.

TUAN YANG DI-PERTUA: Minta maaf Dungun, ada yang mohon izin laluan.

TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN NORDIN [P.039 DUNGUN]: Minta maaf, saya perlu habiskan teks saya dahulu.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik.

TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN NORDIN [P.039 DUNGUN]: Mereka bukan sahaja harus belajar tentang perubahan yang akan mereka alami, tetapi tentang fungsi tubuh manusia dari dua jantina dan tidak sepatutnya diasingkan dalam silibus pembelajaran. Kanak-kanak juga harus tahu tentang kepentingan kebersihan dan penjagaan diri semasa akil baligh. Perbincangan yang lebih awal akan menyediakan mereka untuk perubahan yang akan berlaku semasa akil baligh dan akan meyakinkan mereka bahawa perubahan ini adalah normal dan sihat. Pemahaman kanak-kanak tentang pembiakan manusia harus diteruskan.

Maka warga dewan yang dimuliakan,

Seterusnya, bagi mengukuhkan semua perkara di atas yang telah mereka pelajari, pra-remaja harus diajar tentang seks dan kontraseptif yang lebih selamat pada peringkat umur 9 hingga 12 tahun dan harus mempunyai maklumat asas tentang kehamilan dan jangkitan seksual (STI). Oleh itu, Mekanisme Pendidikan seksual di sekolah perlulah selari dengan tuntutan agama. Menurut Abdullah Nasih Al Ulwan, ada tiga tahap silibus yang dikemukakan oleh beliau iaitu pertama Tahap Tamyiz (Mumayyiz) ketika berusia 7 hingga 10 tahun.

TUAN YANG DI-PERTUA: Saudara Dungun, saya berikan 15 saat lagi untuk menamatkan pembahasan, kemudian untuk pencilahan tadi.

TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN NORDIN [P.039 DUNGUN]: Sedangkan kelab Prostar pada hari ini masih menjalankan tugas mereka memberi kesedaran berkenaan dengan dadah yang mana dadah ini subjektifnya perkara jenayah, mengapa tidak kita kekalkan dan teruskan usaha untuk mewujudkan Pendidikan seksual pada peringkat sekolah rendah lagi.

Maka saya, Muhammad Fakhrudin Bin Nordin selaku perwakilan P.039 Dungun menyokong usul dibawa hari ini. Diharap ahli-ahli dewan lain turut menyokong usul ini juga. Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang, Tuan Yang di-Pertua.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, perwakilan Kuala Selangor.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Terima kasih. Perwakilan Dungun ada menyebut tentang memperkenalkan sistem pendidikan seksual mengikut peringkat umur. Bolehkah perwakilan Dungun memberikan contoh-contoh tajuk yang akan disertakan dalam silibus mengikut peringkat umur sesuai yang dikatakan ini?

TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN NORDIN [P.039 DUNGUN]: Baik terima kasih kepada perwakilan P.096, seperti yang kita tahu, dalam silibus yang dikatakan oleh Abdullah Nasih Al Ulwan, seperti yang saya jelaskan tadi, dia ada beberapa tahap dari usia 7 hingga 10 tahun dan yang kedua, dari umur 10 hingga 14 tahun. Antara contoh yang saya sebutkan tadi adalah tahap Tamyiz atau Mumayyiz. Itu adalah dalam lingkungan 7 hingga 10 tahun sebab kita perlu memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak mengikut tahap pembelajaran mereka. Kalau kita memberikan pendedahan secara detail, dia akan membuatkan kanak-kanak itu berasa confused dan berat, erti kata membebankan sebab itu bila kita nak bersilibus, kita perlu ikut step-by-step, dengan izin di tahap sekolah rendah mahupun pra persekolahan. Jika tahap yang kita melihat adalah 10 hingga 14 tahun, iaitu tahap baligh, sebab itulah apabila kita ingin mewujudkan pendidikan seksual, kita perlu ada tahap-tahap tersendiri bagi memecahkan silibus mengikut tahap persekolahan. Saya harap menjawab persoalan P096.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya menjelaskan soalan saya dengan mendalam?

TUAN YANG DI-PERTUA: Boleh.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Saya faham apa yang perwakilan Dungun maksudkan tentang tahap-tahap yang berikutnya namun saya bertanyakan tentang contoh-contoh tajuk yang disertakan, contohnya dalam tahap Tamyiz, apa tajuk yang disertakan dalam tahap itu.

TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN NORDIN [P.039 DUNGUN]: Terima kasih kepada P.096. Lupa saya nak sebutkan. Seperti yang kita tahu, tahap Tamyiz, atau Mumayyiz, dalam lingkungan 7 hingga 10 tahun, kita akan mendedahkan silibus tentang identiti diri, organ biologi, perbezaan antara lelaki dan perempuan, pemisahan tempat tidur, serta cara memberikan izin sebelum masuk ke bilik ibu bapa. Ini yang tahap satu, ini untuk tahap yang pertama, iaitu lingkungan 7 hingga 10 tahun. Bagi yang tahap kedua, iaitu Muraqahah, iaitu 10 hingga 14 tahun, pada silibus itu, kita akan memberikan pendedahan tentang fungsi biologi secara ilmiah, penutupan aurat bagi yang Muslim, akhlak, cara pergaulan dan mengajar kaifiat mandi wajib bagi Muslim. Tahap ketiga pula ialah lingkungan 14 hingga 16 tahun, iaitu tahap baligh. Mereka akan mempelajari tentang bahayanya dan keburukan zina dari sudut agama jika mereka Muslim, dan psikologi dan emosi. Silibus ini akan menguntungkan kanak-kanak kerana mendapat pendedahan awal, hasil dari usaha pelaksanaan pendidikan seksual di peringkat sekolah rendah lagi. Adakah itu menjawab soalan saudara?

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Baik, terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik terima kasih saudara perwakilan daripada Dungun, seterusnya saya menjemput saudara Wan Khairun Sofea, perwakilan P.133 Tampin untuk mengemukakan perbahasan. Dipersilakan.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua. Assalamualaikum dan selamat sejahtera kepada para perwakilan Dewan Muda Malaysia, para pemerhati dan penonton sekalian. Terlebih dahulu izinkan saya perkenalkan diri saya. Nama saya Wan Khairun Sofea perwakilan DMM mewakili kawasan P.133 Tampin mewakili kumpulan Kementerian Pendidikan.

Tuan Speaker,

Tatkala, anak-anak kecil sedang bergembira menyanyi sambil bermain di taman permainan. Bukan untuk Aminah (nama gelaran diberi), dia telah menghabiskan sisa baki zaman kanak-kanaknya untuk memuaskan nafsu kerakusan seorang insan bergelar lelaki. Memetik keratan akhbar Utusan Malaysia pada 18 Mei 2021, seorang remaja perempuan berusia 18 tahun telah didapati menjadi mangsa rogol bapa kandungnya sendiri hampir SETIAP hari semenjak dia masih berusia enam tahun. Bayangkan jika Aminah ini adalah anak perempuan kita sendiri. Sanggupkah kita melihat harga dirinya diteroka sesuka hati hanya kerana Aminah merupakan seorang anak muda yang tidak pernah didedahkan dengan pendidikan seksual?

Warga dewan yang dihormati,

Tahukah anda, dianggarkan secara purata, 4,000 remaja perempuan hamil bawah 18 tahun dilaporkan setiap tahun berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia? Ini bukan sekadar angka yang dilaporkan untuk sajian dada-dada akhbar nasional, tetapi ini adalah realiti nasib 4000 remaja wanita yang mempunyai cita-cita yang tinggi untuk meneruskan kelangsungan hidup namun terhenti akibat terjerumus dalam kancah hubungan seks bawah umur.

PUAN SITI ZALEHAH ABDULLAH [P.082 INDERA MAHKOTA]: Izin celahan.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Izinkan saya menggulungkan perbahasan saya terlebih dahulu.

Kerana apa pendidikan seks masih dipandang enteng oleh masyarakat kita?

Oleh itu Tuan Speaker, saya Wan Khairun Sofea perwakilan DMM mewakili kawasan P.133 Tampin menyokong usul yang dibawa hari ini. Diharap ahli-ahli Dewan lain turut senada dan sependapat dengan saya dalam menyokong usul ini juga kerana ini adalah nasib anak-anak muda kita dan kita harus lakukan perubahan. Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih perwakilan P.133 Tampin. Ada 3 celahan saya nampak disini. Yang pertama adalah perwakilan Indera Mahkota, kalau saya tak silap.

PUAN SITI ZALEHAH ABDULLAH [P.082 INDERA MAHKOTA]: Betul.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, kemudian Batu Kawan.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Betul, Yang di-Pertua.

TUAN YANG DI-PERTUA: Jadi dipersilakan Indera Mahkota untuk mengemukakan soalan.

PUAN SITI ZALEHAH ABDULLAH [P.082 INDERA MAHKOTA]: Baik, terima kasih Tuan Yang diPertua. Pendidikan gangguan seksual di Malaysia tidak akan berjaya. Kerana apa? Kita di Malaysia terlalu memberikan fokus kepada 'do not be harassed' berbanding 'do not harass'. Mohon pandangan.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Terima kasih perwakilan Indera Mahkota. Ya, saya bersetuju, kita lebih fokus kepada mangsa gangguan seksual daripada pihak yang melakukan jenayah seksual itu sendiri. Dan itulah pentingnya mengapa saya bawakan usul saya tadi, mengapa ibu bapa itu memainkan peranan penting kerana, kalau boleh saya tambah, ibu bapa memainkan peranan penting bukan sahaja untuk mengajar anak-anak ini mengenal erti maruah diri mereka tetapi juga apabila ibu bapa mendedahkan mereka kepada pendidikan seksual. Contohnya, kita beri situasi, minta maaf, seorang lelaki dan perempuan. Secara umumnya, sering kali kita ada stigma dimana hanya mangsa wanita yang menjadi mangsa seksual namun lelaki juga akan menjadi penjenayah seksual tersebut. Apabila ibu bapa mengambil inisiatif tersendiri, dengan memberikan ajaran kepada anak-anak lelaki mereka seawal tahun jagung dengan mengatakan bahawa hubungan antara lelaki dan wanita itu ada batasannya, maka ia akan menjadi lebih efektif dan inilah ibu bapa harus menawarkan kata-kata positif kepada anak-anak mereka, harus memberi ajaran pada usia setahun jagung

TUAN YANG DI-PERTUA: Mohon ringkaskan.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Kerana untuk melenturkan buluh itu harus biarlah dari rebungunya. Sekian terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik saya persilakan perwakilan Batu Kawan.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Terima kasih Tampin. Soalan saya kepada Tampin ialah Tampin ada membangkitkan isu dimana banyak remaja perempuan hamil sebelum nikah tetapi saya pun rasa adanya ramai wanita atau gadis perempuan, mereka rasa mereka sudah boleh memikul tanggungjawab untuk menjadi ibu muda. Adakah pendidikan seksual yang dicadangkan Tampin akan menerapkan tajuk tentang perkahwinan dan juga kehamilan sebab ada juga remaja perempuan yang rasa mereka sudah bersedia menjadi ibu. Jadi kita pun tidak boleh menghalang mereka berkahwin dan berumahtangga. Apakah pendapat Tampin?

TUAN YANG DI-PERTUA: Sebelum Tampin menjawab, saya hadkan satu lagi pencilahan selepas ini. Kalau ada masa kita akan kembali. Silakan, Tampin.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Terima kasih Batu Kawan. Ya kita dapat tahu sekarang ramai wanita muda yang hamil dan ya, kalau boleh, kita juga boleh menerapkan didalam kurikulum itu sendiri bukan sahaja cara-cara untuk menjaga wanita, untuk menjaga dalam proses kehamilan itu, tapi kita juga boleh menerapkan kurikulum tentang pentingnya sebagai wanita untuk menjaga diri kerana apa? Kerana kita harus tahu rata-rata kes dimana wanita hamil sebelum mereka berusia matang adalah kerana mereka masih tidak mendapat idea yang penuh tentang pendidikan seks itu sendiri. Jadi mereka yang tidak mempunyai idea penuh ini mereka beranggapan bahawa hamil itu adalah jalan keluar. Hamil itu adalah jalan senang kerana mereka masih lagi tidak mempunyai pendapat yang penuh. Jadi oleh itu, saya juga boleh menegaskan bahawa pendidikan seksual bukan sahaja boleh didalam konteks pada masa sekarang tapi kita boleh juga lakukan pada 3 peringkat iaitu sebelum, sekarang, dan juga recovery, bagaimana pula dengan mangsa-mangsa wanita yang telah hamil kemudian. Dan dengan itu kami boleh melihat inisiatif kerajaan dengan mewujudkan pusat-pusat bagi mereka yang sudah hamil secara terlanjur, pusat-pusat penjagaan bayi, dan usaha ini kita harus sambut dengan baik kerana kita sekarang terlalu fokus akan satu jalan penyelesaian sahaja tetapi kita boleh melihat kepada 3 perspektif yang berbeza seperti yang saya telah bicarakan sebentar tadi. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, Bukit Gantang, silakan. Mohon ringkaskan soalan.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Tampin. Saya ingin mengetahui cara atau langkah yang boleh diambil oleh guru-guru di sekolah untuk mewujudkan ruang selamat, dengan izin, safe space, untuk pelajar lelaki dan pelajar perempuan bersama-sama. Adakah Tampin berasa bahawa pemisahan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan merupakan satu langkah yang efektif untuk mewujudkan ruang selamat ini? Terima kasih.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Terima kasih, Bukit Gantang. Jawapan yang mudah: tidak, kerana dengan memisahkan mereka kita bukan mengajar mereka untuk

mempertahankan hak diri, tetapi kita mengajar mereka untuk lagi menjarakkan diri mereka antara satu sama lain. Kalau saya boleh mengambil satu contoh seperti apa yang berlaku di Rusia, mereka menggabungkan murid-murid ini dengan menerapkan modul programme-centric, yang diberikan nama Dance for Life iaitu menerapkan pendidikan seksual dalam elemen seni seperti tarian, muzik dan sketsa secara kreatifnya dan ini merupakan aktiviti yang inklusif, yang boleh disertai oleh pelbagai golongan pihak, sama ada kamu perempuan atau lelaki. Dan ini juga kerana remaja pada zaman sekarang memerlukan sesuatu yang, dengan izin Tuan Speaker, Simple Compact, and Fun. Kalau kita asyik membebaskan mereka, maka sama sahaja seperti mencurahkan air keatas daun keladi. Jadi, tidak ada gunanya kita memisahkan kerana dengan menggabungkan kedua-dua pihak ini, iaitu wanita dan lelaki, kita dapat menjalankan sesi pembelajaran secara terus dan akan memudahkan kerja semua pihak. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik terima kasih kepada saudara perwakilan Tampin. Seterusnya, saya menjemput perwakilan dari P.069 Parit, saudara Sasvitaswarubiny untuk mengemukakan perbahasan. Dipersilakan.

SASVITASWARUBINY A/P PREMKUMAR [P.069 PARIT]: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Salam sejahtera, saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan para perwakilan Dewan Muda Malaysia sekalian. Nama saya ialah Sasvitaswarubiny Premkumar dan saya mewakili kawasan Parlimen P.069 Parit dan juga merupakan kumpulan Kementerian Pertanian.

Warga dewan sekalian, tampil berbahas pada hari ini saya berpendirian bagi menyokong usul yang diperdebatkan pada hari ini iaitu Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal untuk mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki. Usul ini adalah amat penting kerana pendidikan seksual mampu memberi pengetahuan awal tentang tubuh badan seseorang kanak-kanak selepas mencapai akil baligh atau dewasa, sentuhan baik serta tidak baik dan sebagainya. Menurut sebuah laporan mengenai Hak Asasi Manusia yang dikeluarkan oleh Jabatan Dalam Negeri Amerika Syarikat, Malaysia mencatatkan sebanyak 28,741 kes rogol antara tahun 2005 hingga 2014. Daripada jumlah ini sahaja, dianggarkan 10 orang wanita dirogol setiap hari, dan separuh daripadanya adalah remaja berumur di bawah 16 tahun. Perkara ini amat membimbangkan dan perlu diberi penekanan.

Tuan Speaker, usul yang dibawa adalah penting untuk keselamatan dan masa depan setiap kanak-anak di negara kita. Perkara ini berlandaskan dua hujah sokongan:

Yang pertama, pentingnya kesihatan mental kanak-kanak untuk mencapai keputusan baik dalam pelajaran mereka dan yang kedua, gangguan seksual yang dialami mengakibatkan trauma yang dihadapi oleh kanak-kanak turut menjejaskan masa depan mereka terutamanya dari aspek sosial.

Disebabkan kes-kes melibatkan kanak-kanak dalam penderaan seksual dan kes rogol semakin

meningkat, pendidikan seksual mesti diambil berat supaya dapat mengajar kanak-kanak cara-cara untuk menghindari diri daripada terlibat atau menjadi mangsa dalam kes-kes berkenaan.

Sidang dewan yang saya hormati, maka adalah penting supaya perkara ini dilakukan agar kanak-kanak dapat berasa selamat dan selesa untuk berada di mana-mana sahaja mereka berada selain daripada rumah, sekolah, pusat tuisyen atau tapak latihan sukan.

Pendirian penghujahan saya tegas bahawa usul ini bukan lagi isu picisan yang boleh ditolak tepi, tetapi harus dipandang dengan lebih serius. Setiap individu yang terbabit dalam kes rogol akan mengalami kesan fizikal, mental dan spiritual. Di samping itu, ibu bapa perlulah sedar bahawa pendidikan seksual sebenarnya bukan menggalakkan gejala seksual sebaliknya pendidikan tersebut boleh memberi amaran dan pengetahuan kepada kanak-kanak untuk menjaga diri dan maruah mereka daripada apa sahaja yang boleh mendatangkan bahaya kepada diri mereka.

Oleh itu Tuan Speaker, saya Sasvitaswarubiny Premkumar selaku wakil kawasan P.069 Parit menyokong usul yang dibawa hari ini. Di harap ahli-ahli Dewan lain turut seirama dan sependapat dengan saya dalam menyokong usul ini juga.

Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Kalau tidak ada soalan, saya teruskan. Terima kasih saudari perwakilan Parit. Seterusnya saya menjemput perwakilan daripada P.125 Kapit, saudara Khairi Ajan untuk mengemukakan perbahasan

TUAN KHAIRI AJAN [P.125 KAPIT]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali ingin saya menzahirkan rasa penghargaan kerana telah mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul pada kali ini. Saya mewakili kawasan Parlimen P.215 Kapit ingin mengucapkan selamat sejahtera kepada ahli-ahli di Dewan yang lain.

Saya ingin mengambil kesempatan ini dengan menyokong usul 'Dewan Ini Percaya Bahawa Pendidikan Seksual Perlu Diterapkan Dalam Kalangan Kanak-Kanak Sebagai Pendedahan Awal Bagi Mengelak Golongan Ini Menjadi Mangsa Gangguan Seksual Dengan Ilmu Asas Yang Dimiliki'. Usul ini amat penting untuk diketengahkan kerana seperti yang kita acap kali dengar di corong-corong radio, lihat di kaca-kaca televisyen, baca di dada-dada akhbar, masalah gangguan seksual tak lekang dek masyarakat kita. Ada sahaja kes yang dilaporkan setiap masa terutamanya melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Ahli - ahli dewan sebentar tadi telah panjang lebar menghuraikan dan membahaskan perkara ini dengan terperinci, jadi izinkan saya menyentuh sedikit juga tentangnya. Sebagai sebahagian daripada Ahli Kabinet Kementerian Sukan & Seni, saya ingin mengingatkan bahawa perkara yang melibatkan gangguan seksual ini bukan sahaja melibatkan kanak-kanak, malah ia turut melibatkan atlet-atlet di bawah seliaan akademi dan sekolah sukan di Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti yang tular di media sosial pada suatu masa dahulu, selepas perwakilan P.096 Kuala Selangor dengan beraninya mendedahkan gangguan seksual yang dialaminya (yang mana saya berasa amat bangga dan kagum akan keberanian beliau), izinkan saya juga mengimbas kembali pengalaman cerita mengenai seorang bekas perenang negara, Cindy Ong Pick Yin yang turut merasai situasi pahit yang sama di awal usia. Bayangkanlah, cita-citanya tidak lain tidak bukan hanyalah untuk mewakili Malaysia, demi mengharumkan nama negara di persada antarabangsa, dengan membanting kudrat dan tenaga di awal usia, namun diperlakukan dengan sebegitu rupa oleh seseorang yang seperti setan bertopengkan manusia. Oleh hal yang demikian, saya ingin tegaskan di sini bahawa semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk memberi kesedaran serta mendidik kanak-kanak dari terus diambil kesempatan.

Warga dewan yang saya hormati,

Saya ingin tekankan di sini bahawa pendidikan seksual ini perlu bermula tidak lain tidak bukan daripada ibu bapa kanak-kanak itu sendiri. Peranan dan tanggungjawab ini perlu digalas dengan sepenuhnya kerana siapa lagi anak-anak ini ingin percaya jikalau bukan kedua ibu bapa mereka sendiri? Ibu bapa seharusnya mendidik anak-anak mereka tentang consent (dengan izin). Mereka perlu diperjelaskan tentang hak atau privasi mereka sebagai individu. Hal ini demikian kerana dengan adanya kesedaran tentang consent atau privasi, anak-anak kita sudah dapat menilai batas perhubungan antara mereka dengan seseorang individu yang lain.

Misal kata, mereka akan sedar bahawa tidak sesuai jika seorang bapa mahu menumpang tidur di bilik anaknya perempuannya yang sudah remaja. Ataupun, jika seorang guru memanggil pelajar untuk berjumpanya bersendirian tanpa berteman. Ini, secara langsung akan memberi kesedaran untuk menilai baik-buruk sesuatu situasi itu.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berbalik kepada kisah Cindy Ong sebentar tadi, beliau dengan kesalnya menyatakan bahawa ramai antara mangsa gangguan seksual ini tidak menyedari dirinya telah diantun atau (grooming - dengan izin). Rata-rata pemangsa salah laku ini hanya berselindung di balik sifatnya yang ramah dan mesra. Sikap yang terlalu baik seperti memberi hadiah atau barangan dengan kerap serta memuji seseorang kanak-kanak secara berlebihan juga merupakan salah satu perwatakan yang ada pada seorang pemangsa. Apatah lagi mereka yang sering kali melontarkan lawak-lawak yang berbaur lucah. Pepatah pun pernah mengingatkan kita, 'di luar bagai madu, di dalam bagai hempedu'. Ya, memang tidak dapat dinafikan, lain orang lain perangnya, tetapi jika pendidikan seksual ini diterapkan sejak bangku sekolah lagi, kesedaran dan kewaspadaan ini dapat dikecapi di mana kanak-kanak tersebut dapat menilai limitasi antara seorang guru dengan murid, jurulatih

dengan pemain malah limitasi antara ibu bapa dengan anaknya sendiri. Setiap perhubungan itu ada batasnya.

Di samping itu, pemerksaan kanak-kanak atau children empowerment (dengan izin) hanya dapat direalisasikan melalui pendidikan seksual. Kanak-kanak perlu dilengkapkan dengan kemahiran serta pengetahuan ini agar mereka dapat membuat penilaian serta keputusan demi kesihatan dan kesejahteraan diri mereka sendiri. Ini amat penting kerana ia membolehkan kanak-kanak ini sendiri menjadi agen perubahan dan memberi impak yang positif kepada persekitaran mereka pada masa hadapan. Mereka juga perlu diyakinkan, diberi jaminan serta perlindungan penuh apabila mereka tampil ke hadapan untuk melaporkan kepribadian durjana si pelaku kepada pihak berkuasa. Di zaman moden ini, terdapat pelbagai platform terutamanya media sosial yang luas digunakan oleh masyarakat seantero dunia. Oleh hal yang demikian, tidak sepatutnya ada lagilah cerita-cerita berkaitan gangguan seksual ini di mana pihak berkuasa hanya menutup sebelah mata sahaja. Namun, ada juga mangsa yang terpaksa disuruh memaafkan dan melupakan si pelaku dengan begitu sahaja. Ibarat kata sang pujangga, destar habis, kopian luluh.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai penutup perbahasan, saya ingin tekankan sekali lagi bahawa ianya adalah peranan setiap lapisan masyarakat untuk membendung gangguan seksual ke atas kanak-kanak ini. Saya juga sarankan kementerian-kementerian berkaitan untuk berganding bahu menggembeleng tenaga untuk membentuk dan mewujudkan satu model pembelajaran yang khusus dan efektif demi menjaga kebajikan serta keselamatan kanak-kanak dari gangguan seksual. Sebelum saya mengundurkan diri—

TUAN YANG DI-PERTUA: Sekejap, ada celahan.

TUAN KHAIRI AJAN [P.125 KAPIT]: Boleh saya mengakhirkan perbahasan saya dahulu, sikit sahaja lagi.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, boleh.

TUAN KHAIRI AJAN [P.125 KAPIT]: Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya memberikan sedikit nasihat kepada ahli-ahli Dewan disini dan saya amat yakin apa yang saya ingin sampaikan akan mendapat persetujuan dari majoriti ahli-ahli perwakilan. Kepada para perwakilan, terutamanya dalam kalangan kementerian saya sendiri, jika tekad dan kudrat tidak dapat diusahakan dan di tumpukan dalam program ini, undurkanlah diri, usahlah berdalih. Usahlah duduk hanya untuk menumpang nama, tetapi tidak sudi membuat apa-apa. Mungkin ungkapan saya ini mengguris dada, namun siapa makan cili terasalah pedasnya. Maka saya memohon ahli-ahli dewan sekalian untuk menyokong usul yang dibawa ini demi menjamin keselamatan masa depan generasi yang akan datang daripada dibelenggu masalah gangguan seksual.

Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang.

YANG DI-PERTUA: Terima kasih perwakilan Kapit. Yang saya nampak tadi, perwakilan Kuala Selangor kemudian Setiu. Saya akan beri jalan kepada Kuala Selangor, kemudia Setiu. Tolong ringkaskan.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Perwakilan Kapit ada menyebutkan tentang peranan ibu bapa dalam menerapkan pendidikan seksualiti. Malangnya, bukan semua kanak-kanak mempunyai keistimewaan tersebut. Jadi apakah sokongan yang boleh kita berikan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini dan adakah kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa ini tidak layak menerima pendidikan seksualiti setimpal seperti kanak-kanak lain? Teirma kasih

TUAN KHAIRI AJAN [P.125 KAPIT]: Sudah tentunya, jika kanak-kanak yang kurang bernasib baik, yang tidak mempunyai ibu bapa, pernanan ini akan atau patut dimainkan oleh guru-guru atau penjaga-penjaga mereka sendiri. Ya, perlu diterapkan di awal usia yang muda supaya sikap “consent” ini dapat diterapkan dari awal usia. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Seterusnya, saya persilakan perwakilan dari Setiu.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saudara dari Kapit, tadi saudara mencadangkan bahawa pelajar harus diyakinkan bahawa mereka akan diberikan jaminan serta perlindungan penuh sekiranya mereka tampil kehadapan untuk menyuarkan keperibadian durjana si pelaku. Tetapi saudara, sekiranya mangsa tersebut menyampaikan aduan kepada guru berkenaan gangguan seksual yang dilakukan oleh guru lain ataupun dari ahli keluarga, tetapi takut untuk menyampaikan aduan kepada pihak berkuasa atau pihak polis, adakah guru ataupun seorang dewasa mempunyai autoriti untuk melaporkan kes tersebut kepada polis walaupun pelajar tersebut tidak memberi persetujuan penuh untuk dilaporkan? Mohon penjelasan

TUAN KHAIRI AJAN [P.125 KAPIT]: Ya, bagi pada pendapat saya, ya. Tentunya sudah, semestinya perlu dilakukan dengan sebegitu rupa. Kerana walaupun tanpa persetujuan pelajar itu, kalau kita tidak laporkan, sudah semestinya guru ini memperlakukan dengan kerap. He will repeat his offense. Sebagai guru, tenaga pelajar, jurulatih, ibu bapa, siapa saja. Takkan kalau nampak, kita tahu, kita dengar, kita lihat, kita perlu memainkan peranan kita utnuk melaporkan supaya pelaku seksual ini dapat meringkuk ke muka pengadilan. Masuk penjara-lah. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Seterusnya, saya menjemput perwakilan Kubang Pasu.

PUAN ‘ALYAAH HANI ANUAR [P.006 KUBANG PASU]: Adakah saya jelas?

TUAN KHAIRI AJAN [P.125 KAPIT]: Ya, ya.

PUAN 'ALYAAH HANI ANUAR [P.006 KUBANG PASU]: Okay. Sebentar tadi perwakilan Kapit ada menerangkan tentang kepentingan peranan ibu bapa dan tidak dapat dinafikan dalam pengimplimentasian sexual education, dengan izin, kita menitikberatkan golongan ibu bapa. Namun kita dapat sedar bahawa terdapat dua jenis ibu bapa, pertama yang menerima, kedua yang menolak. Jadi apakah cadangan Kapit tentang bagaimanapun kerajaan mahu mendidik yang menolak untuk memberikan kebenaran agar anak-anak mereka boleh dididik dengan pendidikan seksual. Mohon respon.

TUAN KHAIRI AJAN [P.125 KAPIT]: Ibu bapa ini, kalau dia sendiri tak nak participate, dengan izin, atau memberikan pendidikan seksual, baik jangan jadi ibu bapa-lah. Senang cerita. Sebab, consent ini amat penting. Amat penting. Jadi ibu bapa perlu dididik juga kalau pergi ke kelas seperti kursus-kursus kahwin, misal kata, perlu diberi pendidikan juga dan kesedaran juga kepada ibu bapa, guru, anak-anak seperti yang saya cakap sebentar tadi, Kubang Pasu, ia melibatkan semua pihak. Seperti tepuk tangan, kita tidak boleh tepuk satu tangan, tak berbunyi. Semua pihak harus memainkan peranan. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik terima kasih perwakilan daripada Kapit dan pencelahan dari perwakilan lain. Seterusnya saya menjemput perwakilan daripada P.170 Tuaran, saudara Shafik bin Sabdali, untuk mengisi ruang perbahasan. Baik, dipersilakan.

TUAN SHAFIK SABDALI [P.170 TUARAN]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum dan selamat sejahtera kepada Perwakilan Dewan Muda Malaysia yang saya muliakan. Nama saya MOHD SHAFIK SABDALI dan saya mewakili kawasan P.170 Tuaran daripada kumpulan Kementerian Perpaduan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin menyokong usul pada hari ini iaitu Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki.

Usul ini penting kerana perkara ini akan membuka ruang minda masyarakat betapa pentingnya pendidikan seksual diterapkan sejak kanak-kanak lagi. Sekali gus usul ini akan memberi ruang kepada kanak-kanak di Malaysia untuk memahami bahawa pendidikan seksual bukanlah perkara kecil yang boleh dipersendakan dan digunakan sebagai bahan lawak. Memperhalusi perkara ini, saya percaya bahawa setiap orang muda suatu hari nanti akan membuat keputusan untuk mengubah corak hidup mereka. Hal ini adalah termasuk tentang kesihatan seksual dan reproduktif mereka. Namun kajian menunjukkan bahawa majoriti remaja kekurangan pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan tersebut secara bertanggungjawab, menyebabkan mereka terdedah kepada paksaan, jangkitan seksual dan kehamilan yang tidak diingini.

Warga dewan yang saya hormati,

Status quo berdasarkan statistik berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang merekodkan sebanyak 11,914 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja bagi tempoh 4 tahun antara 2018 hingga Ogos 2021. Daripada jumlah ini 90% adalah mereka yang dibawah umur. Pada 25 November 2021 Jabatan Perangkaan Negara mengeluarkan kenyataan media tentang kes jenayah yang berlaku dalam tahun tersebut dan menyatakan bahawa peningkatan 99.5 peratus kepada 20,805 aduan berbanding 2019 dengan jumlah aduan 10,426 tentang gangguan seksual terhadap kanak-kanak, di sekolah, di universiti bahkan di tempat kerja. Hari ini saya tertarik untuk menarik perhatian semua agar membolehkan pendidikan seksual diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal kepada mereka.

Saya teruskan kepada hujah sokongan saya yang pertama iaitu memperluaskan konteks pendidikan seksual kanak-kanak bagi meningkatkan struktur pengetahuan mereka. Saya pasti semua yang melalui zaman persekolahan tahu dan faham bahawa di Malaysia, pendidikan seksual telah wujud di sekolah. Hal ini melalui Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial yang merentasi beberapa mata pelajaran termasuk Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Ini adalah antara usaha daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang harus dipuji dan digalakkan. Namun perlu diteliti kerana tentunya pelaksanaan matapelajaran ini harus dinilai dari semasa ke semasa. Mengapa saya katakan sedemikian, hari ini persoalan yang mungkin akan timbul tentang pelaksanaannya, ialah:

1. Sejauh manakah kandungannya relevan dan sesuai dengan latar belakang serta umur pelajar?
2. Bagaimana impak dan kesan daripada subjek tersebut?
3. Adakah guru-guru yang mengajar diberikan latihan yang mencukupi?

Tuan Yang di-Pertua dan warga dewan yang saya muliakan,

Melihat kepada pertambahan kes rogol atau cabul dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan kanak-kanak hari ini, proses pelaksanaan ini perlu dimulakan di peringkat prasekolah lagi. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman menjelaskan bahawa kes rogol mencatatkan kesalahan seksual tertinggi apabila sebanyak 5,030 kes direkodkan diikuti cabul (3,364 kes), aib (1,320 kes), luar tabii (964 kes), sumbang mahram (984 kes), rogol berkumpulan (244 kes) dan sebar bahan lucah (209 kes) pada awal 2020 hingga November 2021. Apabila diteliti, Data polis mendapati pelbagai aplikasi media sosial digunakan remaja serta kanak-kanak antaranya WhatsApp, WeChat, Instagram, Facebook, MiChat, Telegram, Bigo, Messenger, BeeTalk, Litmatch, TikTok dan Twitter yang menyumbang kepada perlakuan jenayah seksual ini.

Tuan Speaker, rentetan daripada perkara tersebut.

Saya faham masih wujud mentaliti masyarakat bahawa pendidikan seksual terlalu awal diajar

ketika kanak-kanak. Namun, Pendidikan seks dapat mengajar kanak-kanak untuk mengenal pasti garis pemisah antara pengantunan seksual kanak-kanak atau (dengan izin TYDP) child sexual grooming dan hubungan yang platonik iaitu tidak berunsur seksual. Pembezaan ini membolehkan kanak-kanak tersebut sedar bahawa dirinya sedang diantun dan boleh melakukan tindakan sewajarnya. Jika kanak-kanak itu tidak tahu tentang kewujudan istilah pengantunan seksual kanak-akan lebih sukar untuk kanak-kanak tersebut mengelakkan diri daripada menjadi mangsa pengantunan kerana hakikatnya hanya jauh hari mengenal manikam. Disebabkan itu warga dewan sekalian, Prioriti kita sekarang ialah untuk mengawal naratif berkenaan tentang seksualiti ini sebelum individu-individu yang tidak bertanggungjawab di Internet menanamkan naratif yang songsang. Masalah ini takkan hilang jika kita mendiadakan diri jangan sorokkan kepala dalam pasir dan Kita harus bertindak sebelum nasi menjadi bubur.

Maka melihat perkara ini pendidikan seksual yang diterapkan kepada kanak-kanak bukan hanya memperkenalkan tentang anatomi badan manusia semata-mata tetapi kenalkan kepada kanak-kanak isu, kes dan jenayah yang berlaku kepada mereka bahkan memberikan pendedahan tentang golongan penjenayah pedofilia yang kemaruk melakukan gangguan seksual terhadap kanak-kanak. Melalui hal ini saya yakin dan percaya kanak-kanak akan lebih terjaga, faham dan tahu apa yang mereka perlu jaga dan pertahankan untuk maruah diri sendiri kerana Pendidikan seksualiti yang komprehensif merangkumi maklumat tepat secara saintifik tentang perkembangan manusia, anatomi dan kesihatan reproduktif, serta maklumat tentang kontraseptif, bersalin dan jangkitan kelamin (STI), termasuk HIV. Akhir sekali warga dewan yang saya muliakan, Melentur buluh biarlah dari rebungunya, Usul ini perlu disokong demi memastikan kanak-kanak di Malaysia tidak ketinggalan dan mempersiapkan mereka tentang pendidikan seksual kerana betapa mahalnyanya maruah dan diri mereka agar terus terjaga dan terpelihara.

Maka saya, Mohd Shafik Sabdali selaku wakil kawasan P.170 Tuaran menyokong usul yang dibawa hari ini dan saya berharap ahli-ahli perwakilan Persidangan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia lain turut menyokong usul ini juga. Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih saudara Tuaran. Ada celahan boleh kemukakan? Okay takda, eh?

HANFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Izin celahan?

TUAN YANG DI-PERTUA: Setiu? Baik. Silakan.

HANFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Saudara perwakilan Tuaran, ada menjelaskan bahawa prioriti kita sekarang adalah untuk mengawal naratif negatif dan naratif tidak bertanggungjawab daripada pihak luar terutamanya yang kita lihat dari internet tetapi pendidikan seksual ini diterapkan di sekolah. Jadi adakah sebarang langkah mitigasi supaya kita boleh mendidik pelajar sekolah untuk tidak menerima naratif-naratif negatif ini dan untuk mereka

boleh mengenal pasti naratif mana yang betul dan naratif apakah yang salah. Mohon penjelasan.

TUAN SHAFIK BIN SABDALI [P.170 TUARAN]: Terima kasih kepada saudara perwakilan P.034. Daripada apa yang saya katakan dari awal iaitu pendidikan seksual perlu diterapkan daripada kanak-kanak kerana kita melihat isu-isu yang berlaku di media sosial. Disebabkan isu, antara perkara yang harus diterapkan semasa pendidikan seksual ini dilaksanakan ialah untuk memperkenalkan kepada mereka tentang isu-isu dan jenayah yang berlaku ke kanak-kanak akan membolehkan mereka tahu dan faham bahawa perkara tersebut akan menyebabkan diri mereka menjadi salah satu mangsa kepada gangguan seksual seperti jenayah pedofilia yang kemaruk melakukan jenayah seksual melalui media sosial. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Masih ada masa, ada sesiapa yang ingin mencelah?

PUAN CHRISTYNE SURINDAI [P.188 LAHAD DATU]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah.

TUAN YANG DI-PERTUA: Ya Lahad Datu, silakan. Mohon ringkaskan.

PUAN CHRISTYNE SURINDAI [P.188 LAHAD DATU]: Saya mahu bertanya kepada P170 Tuaran tentang poin tadi tentang mahu mengenalkan tentang isu-isu atau kes-kes jenayah seksual untuk kanak-kanak. Kalau boleh saya minta respon, kalau kita ajar tentang kes-kes seperti ini kepada kanak-kanak, tidak kah isu subjek seperti ini terlalu berat untuk kanak-kanak belajar? Mohon penjelasan.

TUAN SHAFIK SABDALI [P.170 TUARAN]: Terima kasih, P188. Sebenarnya untuk memperkenalkan pendidikan jenayah seksual kepada kanak-kanak tentang kes dan jenayah ini bukanlah daripada darjah 1 sehingga darjah 3. Ia memerlukan fasa-fasa pelaksanaannya. Sebagaimana saya katakan dari awal, pelaksanaannya adalah dari pra-sekolah sehingga ke peringkat sekolah menengah. Dari sini kita akan melihat bagaimana pelaksanaan pendidikan seks ini akan menyebabkan kanak-kanak ini faham daripada awal mereka sekolah sehingga akhir mereka sekolah mereka akan terjaga.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik terima kasih, perwakilan dari Tuaran. Baik, saya ingin menjemput perwakilan seterusnya daripada P.055 Lenggong, saudara Noor Amirah Aisyah untuk mengisi ruangan perbincangan. Silakan.

PUAN NOOR AMIRAH AISYAH [P.055 LENGGONG]: Baik, boleh dengar suara saya?

TUAN YANG DI-PERTUA: Boleh.

PUAN NOOR AMIRAH AISYAH [P.055 LENGGONG]: Okay, baik.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum wbt dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang Dipertua, ahli-ahli dewan yang bersidang, pewaris tonggak kepimpinan Malaysia, para pemerhati serta hadirin sekalian. Saya Noor Amirah Aisyah Binti Zaiffri dan saya mewakili kawasan Parlimen P.055 Lenggong daripada Kementerian Hal Ehwal Belia dan Kanak-Kanak.

Gangguan seksual. Isu ini sudah menjadi buah mulut masyarakat dunia sejak dahulu lagi. Perkara ini sudah lama membarah dalam masyarakat dunia. Tetapi yang menjadi persoalannya, adakah ada tindakan dari segenap pihak berkaitan isu ini? Jika ada pendidikan, tindakan dan pengimplementasian undang-undang, bagaimana kes gangguan seksual yang direkodkan tahun demi tahun semakin meningkat? Adakah kita sedar perkara ini berlaku?

Pada hari ini, saya ingin menyokong usul yang berbunyi Dewan Ini Percaya Bahawa Pendidikan Seksual Perlu Diterapkan Dalam Kalangan Kanak-Kanak Sebagai Pendedahan Awal Mengelak Golongan Ini Menjadi Mangsa Gangguan Seksual Dengan Ilmu Asas Yang Dimiliki.

Warga dewan yang saya hormati,

Mengapa usul ini penting? Berikut merupakan hujahan fakta saya :

Pertama, menurut laporan kenyataan Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat 11,914 kes gangguan seksual yang direkodkan dalam tempoh empat tahun iaitu dari 2018 sehingga Ogos 2021 di Malaysia. Ini tidak termasuk dengan kes yang didiamkan atau tidak dilaporkan. Sebanyak 6,897 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja bagi tempoh tiga tahun antara 2018 sehingga 2020. Berdasarkan laporan ini dianggarkan seramai enam kanak-kanak dan remaja menjadi mangsa jenayah seksual setiap hari di Malaysia.

Kedua, menurut Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Binti Ahmad selaku Pengerusi Rancangan Sarjana Kaunseling & Pensyarah Psikologi Kaunseling (PPIP) Universiti Sains Malaysia, menerusi hasil temubual yang diperoleh bersama mangsa terlibat ialah mangsa menyatakan bahawa mereka tidak tahu bahawa gangguan seksual adalah suatu kesalahan. Mangsa hanya faham tentang hal ini pada tahun enam semasa di sekolah rendah selepas guru mengajar mata pelajaran Sains dan Pendidikan Pendidikan Islam.

Tuan Yang Dipertua, apa punca sebenarnya pencetus permasalahan ini berlaku?

Pertama sekali kita perlu tahu apakah permasalahan dalam isu ini melalui persepsi masyarakat kita yang menganggap isu ini perkara yang taboo (dengan izin) atau sesuatu perkara yang jarang menjadi topik perbualan. Perkara ini dipandang enteng, didiamkan dan dianggap sebagai isu picisan. Masyarakat menganggap jika Pendidikan Seksual diajar di sekolah, lebih mendedahkan mereka kepada perkara-perkara negatif yang menjurus kepada gejala seksual. Selain itu, masyarakat

kita masih tidak tahu apa itu gangguan seksual dan tidak dapat membezakan jenis-jenis gangguan seksual. Di samping penguatkuasaan undang-undang yang lemah, terdapat juga persamaan daripada permasalahan ini iaitu pendidikan. Masyarakat kita tidak dididik tentang Pendidikan Seksual yang betul dan akhirnya menyebabkan masalah-masalah ini berlaku.

Maka Tuan Yang Dipertua, berikut merupakan cadangan saya,

Di sini kita perlu lihat, pelaku perlu diberi hukuman setimpal namun hukuman kepada pelaku perlu diberi perhatian seiring dengan Pendidikan. Bagaimana untuk kita elakkan isu ini daripada berlaku dan kaedah untuk membantu mangsa gangguan seksual yang masih hidup untuk menerima realiti dan menangani trauma akibat kejadian ini. Saya sentiasa percaya semuanya perlu mula dengan Pendidikan, sama ada Pendidikan formal atau tidak formal, Pendidikan di sekolah atau di rumah. Pendidikan itu penting. Tidak wujud usia yang terlalu muda untuk memulakan topik ini. Usia kanak-kanak adalah usia di mana individu masih lagi belajar mengenai kehidupan dan persekitaran. Mereka masih lagi naif berkaitan hal-hal ini. Kita sebagai orang di sekeliling mereka perlu dedahkan perkara yang boleh dan tidak boleh, daripada mereka yang melakukan carian di Internet. Ini lebih membimbangkan. Setiap mereka yang terbabit dalam kes ini akan mengalami kesan fizikal, mental dan spiritual. Ia bukan akan hilang dalam sehari dua malahan mungkin bertahun-tahun atau seumur hidup.

Warga dewan sekalian,

Adakah anda semua masih ingat, Isu Nurin Jazlin, jenayah seksual yang sangat tragis yang berlaku kepada seorang insan yang baru ingin mengenali dunia. Adakah kita ingin membiarkan jenayah seksual yang menjurus kepada kematian ini sia-sia sahaja? Pertama, tanggungjawab ibu bapa. Kanak-kanak ibarat kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya. Ibu bapa perlu bersikap lebih terbuka dalam isu sebegini. Misalnya, ibu bapa boleh ajar bahagian peribadi tidak boleh disentuh oleh sesiapa. Tidak boleh ambil gambar, video bagi mengelakkan kanak-kanak daripada golongan pedofilia. Perkara paling penting ialah mendekati kanak-kanak ini dan ajar mereka untuk tidak berahsia dengan ibu bapa.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

PUAN NOOR AMIRAH AISYAH [P.055 LENGGONG]: Izinikan saya menghabiskan dahulu, Perkara yang perlu dielakkan oleh ibu bapa ialah berasa kekok dan segan untuk membicarakan mengenai Pendidikan seksual. Hal ini menyebabkan setiap pertanyaan kanak-kanak mengenai perkara berkaitan seksual sering diendahkan dan tidak dijawab. Contoh isu yang tular baru-baru ini apabila seorang kanak-kanak bertindak untuk menceritakan kepada ibu bapanya berkenaan gangguan seksual yang dilakukan oleh seorang pemandu van. Bapa kanak-kanak berkenaan melakukan pendedahan bahawa anaknya berani untuk bercerita atas sebab

mereka sebagai ibu bapa sering mengingatkan tentang sentuhan, gangguan seksual. Mari saya bawa anda semua ke negara Eropah. Negara yang mempunyai kehamilan remaja terendah seperti Itali, Jerman dan Switzerland mengamalkan pendidikan seksual yang komprehensif dengan pengiktirafan United Nation sebagai hak asasi manusia.

Pendidikan seksual yang komprehensif mengajar golongan kanak-kanak dan remaja bukan hanya tentang perkembangan tubuh badan manusia tetapi juga membahas topik peranan dan identiti jantina, kesihatan seksual, persetujuan, pantang-larang dan juga hubungan. Ia juga mengajar mereka tentang isu sosial, apa yang harus dilakukan jika dirogol, mitos seksual, bagaimana seksualiti dipaparkan di dalam media, di mana mereka boleh mendapatkan bantuan dan lain-lain, akhirnya mewujudkan tempat selamat di mana mereka boleh bertanya tentang soalan mengenai perkara yang berkaitan dengan seksual.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengapa saya ingin memperjuangkan isu ini? Kerana kanak-kanak ini yang menjadi penentu masa depan negara. Kita masih belum terlambat. Cadangan saya ialah kita aplikasikan PENDIDIKAN SEKSUAL UNTUK SEMUA! Malaysia masih perlu bekerja keras untuk mewujudkan persekitaran dan ruang yang selamat dimana anak-anak boleh selesa berbual tentang kebimbangan, bertanya soalan dan belajar tentang topik seksual dan jantina. Konklusinya, ini bukan tugas spesifik hanya untuk satu pihak, tetapi ini tugas kita semua, tiada yang terkecuali. Kita perlu amalkan toleransi sifar terhadap gangguan seksual.

Di sini, saya juga ingin menggesa kerajaan untuk melaksanakan Rang Undang-Undang Anti Gangguan Seksual. Undang-undang gangguan seksual yang baik tidak seharusnya eksklusif untuk insiden gangguan seksual yang berkaitan dengan pekerjaan. Ia harus memberi perlindungan kepada masyarakat yang berhadapan dengan gangguan seksual.

TIADA LAGI PENANGGUHAN DALAM ISU INI. HARUS SEKARANG DAN BERMULA DENGAN KITA. Maka, saya Noor Amirah Aisyah Binti Zaiffri selaku perwakilan Parlimen P055 Lenggong daripada kumpulan Kementerian Hal Ehwal Belia dan Kanak-Kanak menyokong usul pada hari. Sekian terima kasih. Mohon untuk terus mencadang. Assalamualaikum.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih Lenggong. Saya teruskan ke Setiu, dan saya hadkan ke satu soalan sahaja.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Baik. Saudari perwakilan Lenggong. Melihat kepada skop pada hari ini, mesti terdapat tentangan daripada ibu bapa yang tidak bersehaluan dengan pengenalan pendidikan seksual. Jadi apakah langkah spesifik yang mungkin pihak guru atau kerajaan boleh mengambil untuk mengawal dan menghadap tentangan ini. Terima kasih.

PUAN NOOR AMIRAH AISYAH [P.055 LENGGONG]: Baik, terima kasih kepada perwakilan Setiu. Jadi untuk menjawab soalan ini, ada beberapa perkara yang kita perlu lihat daripada permasalahan yang saya katakan sebentar tadi. Masalah utama masyarakat kita adalah stigma, adalaha persepsi masyarakat kita yang sebenarnya apabila kita katakan pendidikan seksual, terus kepada perkara-perkara negatif sedangkan perkara ini yang perlu diubah terlebih dahulu-- stigma masyarakat kita. Jadi apa yang kita harus lakukan dahulu adalah untuk mengubah persepsi masyarakat kita untuk kita memperkenalkan pendidikan seksual ini supaya pada akhirnya ibu bapa tahu bahawa pendidikan seksual itu mengajar perkara-perkara yang boleh elakkan anaknya dari menjadi mangsa gangguan seksual. Jadi saya rasa itu perkara utama yang perlu dilakukan oleh kerajaan disamping guru-guru yang pada akhirnya akan tahu apa itu gangguan seksual dan akhirnya kita boleh menjadi negara Malaysia yang mengamalkan pendidikan seksual dan jenayah seks boleh dibanteras, hadirin-hadirat sekalian. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih perwakilan dari Lenggong. Seterusnya saya jemput perwakilan P.073 Pasir Salak, saudari Ho Shu Xin untuk mengisi ruang perbahasan. Pasir Salak boleh mula.

PUAN HO SHU XIN [P.073 PASIR SALAK]: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua Speaker Dewan. Salam sejahtera saya ucapkan kepada para hadirin. Nama saya Ho Shu Xin dan saya mewakili kawasan Parlimen P.073 Pasir Salak dan juga daripada kumpulan Kementerian Pendidikan.

Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin menyatakan bahawa kandungan yang akan saya senaraikan nanti telah dipetik daripada sumber seperti Malaysiakini, The Star dan juga saluran YouTube BBK Network.

Tuan Speaker dan warga dewan sekalian,

Saya ingin menyokong usul yang berbunyi dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedeahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki. Pertama, saya akan menyampaikan kepada warga dewan apakah masalah-masalah yang wujud dalam pendidikan seksual di Malaysia pada hari ini. Kedua, saya akan menjelaskan bagaimana masalah tersebut menjejaskan golongan terkesan. Akhir sekali, saya akan mencadangkan jalan penyelesaian untuk memastikan pendidikan seksual yang komprehensif di seluruh negara.

Warga dewan yang dimulikan,

Pertama sekali, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun, iaitu merujuk kepada pelajar sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Berdasarkan statistik 2018, dijangka bahawa 18,000 remaja Malaysia yang bawah umur hamil tanpa nikah setiap tahun, dan

juga menyebabkan masalah bayi terbiar. Cuba bayangkan, sejumlah 18,000 orang remaja wanita yang perlu menjaga bayi mereka dan tidak berpeluang untuk bersekolah demi mengejar impian mereka sendiri. Oleh itu, pendidikan seksual yang efektif tidak boleh ditangguh lagi.

Jelas sekali bahawa kita berada dalam budaya dan agama yang sangat menentang kehamilan sebelum perkahwinan dan juga terdapat undang-undang yang tidak membenarkan pengguguran bayi secara konsensual. Jadi, situasi ini membuat kami bertanya-tanya, kenapa pelbagai masalah sosial ini masih wujud di Malaysia? Sudah tentu, ini disebabkan oleh kegagalan pendidikan seksual di Malaysia. Tapi sebenarnya, kursus pendidikan seksual di Malaysia dirangka dengan baik. Sebagai contoh, pakar pendidikan seksual, Wu Qiming, memuji kerangka pendidikan seksual kerana ianya bukan sahaja mengenai organ reproduktif, tetapi juga merangkumi pelbagai aspek lain seperti hubungan romantis, kontraseptif, perpisahan, cara menghormati jantina lain, dan cara bergaul dengan kawan baik — kandungan buku teks kita amat sejajar dengan standard buku panduan pendidikan seksual yang dikeluarkan oleh Tabung Pendudukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Speaker,

Walaupun buku teks ditulis dengan lengkap, ada sesetengah orang yang berpendapat bahawa pengetahuan seksual yang dipelajari masih tidak cukup untuk membantu mereka membuat keputusan yang bertanggungjawab. Selain itu, 1 daripada 4 orang juga berpendapat bahawa pendidikan kesihatan dan seksual hanya adalah untuk mengajar mereka melakukan hubungan seks. Perkara yang saya sebutkan tadi — hubungan romantis, kontraseptif, perpisahan, dan juga cara menghormati jantina lain — semua topik penting ini telah diabaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini membuktikan bahawa ianya bukan masalah silibus, tetapi masalah lain seperti profesionalisme guru dan penguatkuasaan serta pemantauan Kementerian Pendidikan.

Guru menghadapi banyak cabaran dalam menyampaikan pendidikan seksual. Sebagai contoh, sesetengah guru tidak berasa selesa membincangkan seksualiti secara terbuka di dalam bilik darjah kerana mereka berasa diri sendiri bukan orang yang paling sesuai untuk bercakap mengenainya. Sesetengah guru berpendapat bahawa pengajaran tentang seksualiti harus menjadi tanggungjawab ibu bapa kerana ia melibatkan nilai peribadi dan agama yang mungkin berbeza dalam kalangan keluarga. Oleh itu, mereka teragak-agak untuk mengajar subjek tersebut. Selain itu, guru menghadapi kesukaran untuk menerangkan dan menjawab soalan pelajar kerana kekurangan pengetahuan dan kemahiran. Guru dibekalkan dengan sumber yang tidak mencukupi untuk membantu pengajaran mereka. Ada yang takut menggunakan sumber dalam talian tambahan seperti video kerana kandungannya mungkin tidak tepat atau tidak sesuai. Oleh itu, mereka hanya membaca kandungan buku teks, dan akhirnya, mereka tidak dapat menjawab soalan pelajar. Tambahan pula, masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran Pendidikan Kesihatan, iaitu 30 minit seminggu, tidak mencukupi untuk menghabiskan silibus. Guru memerlukan lebih masa untuk memudahkan aktiviti dalam bilik darjah dan menjawab pertanyaan pelajar. Justeru, tidak

hairanlah walaupun pendidikan seksual telah diterapkan dalam sistem pendidikan arus perdana selama bertahun-tahun, 90 peratus pelajar universiti mendakwa bahawa mereka tidak pernah mempelajarinya di sekolah menurut satu tinjauan yang dijalankan pada tahun 2011 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

Para perwakilan yang saya hormati,

Laporan CNA Insider pun menunjukkan bahawa kandungan pendidikan seksual dalam Pendidikan Islam adalah sangat asas dan kebanyakan pelajaran diajar dengan pantang sebagai titik permulaan. Akibatnya, ramai yang berasa seks adalah pantang larang, ianya kotor dan tak boleh disentuh. Sebagai kesannya, sesetengah remaja wanita yang mengalami kehamilan yang tidak dijangka tidak berani meminta bantuan orang lain. Dalam temu bual The Star Rage dengan ibu tunggal yang hamil tanpa nikah, dia menyatakan bahawa dia tidak mengetahui kaedah kontraseptif. Sebagai mangsa kekurangan pengetahuan seksual, dia juga tidak ingin mengajar bayi perempuannya tentang seks pada masa nanti dan hanya ingin bergantung pada pendidikan seksual di sekolah semata-mata.

Maka tuan Speaker, ini cadangan solusi saya,

Untuk menambah baik penyampaian pendidikan seksualiti di sekolah kita, Kementerian Pendidikan perlu memperkasakan guru untuk mengajar pendidikan seksualiti. Pertama, latihan wajib mesti disediakan untuk semua guru Pendidikan Kesihatan dalam perkhidmatan. Mereka perlu mempelajari apa itu pendidikan seksual dan mengapa ia perlu diajarkan di sekolah, dan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan seperti menggunakan jenaka yang tidak sesuai dan metafora yang tidak relevan. Mereka juga mesti dibimbing tentang cara untuk mengatasi rintangan dalaman, menentang mitos, membincangkan topik sensitif, menggalakkan pelajar pemalu, dan mengendalikan soalan dan komen yang sukar.

Kedua, guru mesti dilengkapi dengan sumber yang mencukupi dan kaedah pengajaran yang berkesan. Mereka perlu tahu di mana untuk mencari bahan tambahan seperti video dan modul interaktif yang selamat dan boleh dipercayai untuk menambah pengajaran mereka.

Ketiga, sistem pemantauan dan penilaian yang lebih mantap harus diwujudkan untuk memastikan pelaksanaan pendidikan seksualiti yang berkesan di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Bidang untuk penambahbaikan mesti dikenal pasti secara berkala untuk mengemas kini latihan guru.

Keempat, ibu bapa harus dimaklumkan dan terlibat dalam pendidikan seksualiti supaya mereka kurang meragui dan lebih menyokong subjek tersebut. Guru juga lebih yakin untuk mengajar apabila mendapat kepercayaan daripada ibu bapa. Jika ibu bapa mula bercakap tentang seksualiti di rumah, pelajar akan lebih terbuka untuk bertindak balas dan berinteraksi apabila ia diajar di dalam kelas juga.

Oleh hal yang demikian,

Marilah kita melihat contoh negara lain. Pendidikan seksual Belanda bermula seawal umur 7 tahun, di mana pelajar mempelajari nama bagi bahagian badan yang berbeza dan kanak-kanak berumur 8 tahun mula membincangkan stereotaip jantina. Apabila mereka berumur 11 tahun, pelajar Belanda sepatutnya dapat membincangkan pembiakan, seks lebih selamat dan penderaan seksual. Data menunjukkan bahawa pendekatan Belanda terhadap pendidikan seksualiti adalah sangat berkesan. Belanda merupakan salah satu negara yang mempunyai kadar kehamilan remaja terendah di dunia dan 90% orang menggunakan kontraseptif pada kali pertama mereka melakukan hubungan seksual. Ini membuktikan bahawa pendidikan seksualiti yang komprehensif pada usia muda membantu mengelakkan kehamilan yang tidak diingini.

Kementerian Pendidikan mesti memperkasakan guru dengan pengetahuan yang mencukupi dan kemahiran yang berkesan untuk mengajar pendidikan seksualiti. Usul ini adalah penting kerana pendidikan seksual yang lengkap dan berkualiti mampu melahirkan generasi yang matang, saling menghormati antara jantina yang berlainan. Sebagai kesannya, kanak-kanak dapat bertumbuh besar dan menerima pendidikan dalam persekitaran persekolahan yang lebih selamat. Pendidikan seksualiti yang berkesan tidak boleh ditangguhkan lagi.

Maka saya, Ho Shu Xin selaku wakil kawasan P.073 Pasir Salak menyokong usul yang dibawa hari ini. Diharap ahli-ahli Dewan lain turut menyokong usul ini juga.

Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Tuan Speaker, mohon izin mencelah.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, saya nampak yang pertama dari Kuala Selangor, kemudian Bukit Gantang. Jadi saya menjemput Kuala Selangor untuk mengemukakan soalan. Mohon ringkaskan.

PUAN AIN HUSNIZA SAIFUL NIZAM [P.096 KUALA SELANGOR]: Perwakilan Pasir Salak ada menyebut tentang implementasi pendidikan seksual di negara Belanda yang memang diketahui lebih progresif dan liberal. Jadi saya ingin bertanya apakah penyesuaian yang boleh dibuat kepada silibus untuk lebih sesuai diimplementasi di negara kita. Terima kasih.

PUAN HO SHU XIN [P.073 PASIR SALAK]: Terima kasih atas soalan itu. Saya ingin kata bahawa sebenarnya kita juga ada persatuan yang ada hubungan dengan ibu bapa seperti PIBG di

setiap sekolah. Jadi melalui persatuan ini, kita boleh mendapatkan pendapat ibu bapa dan juga melibatkan mereka dalam proses implementasi pendidikan seksual ini supaya semua pihak juga setuju dengan pendidikan seksual yang akan dilancarkan di sekolah. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya, Bukit Gantang.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima kasih Yang diPertua, terima kasih juga Pasir Salak atas pembahasan tadi. Saya tidak bersetuju dengan pendapat Pasir Salak bahawa kajian anda menunjukkan 1 daripada 4 orang berpendapat bahawa pendidikan kesihatan dan seksual adalah untuk mengajar bagaimana untuk melakukan hubungan seks. Saya berpendapat bahawa guru-guru di sekolah kita biasanya mengabaikan topik romantik kerana ingin mengelakkan kewujudan hubungan romantik antara pelajar. Apakah pandangan Pasir Salak dalam isu ini? Terima kasih.

PUAN HO SHU XIN [P.073 PASIR SALAK]: Mohon maaf, tadi talian saya lambat sikit. Boleh ulang soalan?

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, boleh ulangkan tapi ringkas?

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Baik, jadi tadi Pasir Salak cakap bahawa pendidikan seksual hanya wujud untuk mengajar anak-anak kita tentang melakukan hubungan seksual. Tetapi saya dapati bahawa guru di sekolah kita sering mengabaikan topik romantik kerana ingin mengelakkan hubungan romantik berlaku di sekolah. Apakah pandangan Pasir Salak?

TUAN YANG DI-PERTUA: Sudah dapat soalan, Pasir Salak?

PUAN HO SHU XIN [P.073 PASIR SALAK]: Ya, jadi kita memang faham dari perspektif guru itu kerana mereka tidak ingin ada hubungan romantik berlaku di sekolah. Tetapi topik hubungan romantik hanya harus diajar kepada pelajar yang berfikiran lebih matang seperti pelajaran Tingkatan 3-5 yang boleh melakukan tindakan rasional dan boleh bertanggungjawab terhadap keputusan mereka sendiri. Terima kasih.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik terima kasih Pasir Salak. Seterusnya kita ingin menjemput perwakilan daripada P.080 Raub, saudara Shaqif Saifulizam untuk mengisi ruang perbincangan. Dipersilakan.

TUAN SHAFIQ SAIFULIZAM [P.080 RAUB]: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Salam sejahtera dan Assalamualaikum saya ucapkan kepada ahli-ahli perwakilan Dewan Muda Malaysia sekalian. Nama saya Syaif bin Saifulizan dan saya mewakili kawasan Parlimen P.080 Raub serta suara dari kumpulan Kementerian Perdagangan Luar Negeri.

Pertama sekali, saya ingin menyokong dengan sepenuh hati usul yang dikemukakan iaitu Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki. Usul ini vital dan penting dalam usaha murni pihak kerajaan dalam memastikan keselamatan kanak-kanak di Malaysia dari predator seksual yang semakin membarah di tanah air.

Ahli-Ahli Dewan sekalian,

Susulan penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak pada tahun 2017, harus diakui bahawa kita kini perlu menilai semula keberkesanan polisi tersebut lantaran isu jenayah gangguan seksual yang saban hari meningkat dalam kalangan mujtama umum. Berdasarkan akhbar *The Straits Times*, satu dari sepuluh kanak-kanak di Malaysia atau 750,000 telah mengalami masalah gangguan seksual dan ini sudah mencapai suatu tahap yang amat memimbankan. Kanak-kanak alaf baharu ini lebih mudah terdedah kepada gangguan seksual melalui platform laman sosial seperti Tiktok, Twitter dan Instagram tanpa disedari sama sekali dan ini amat memimbankan kerana ibu bapa kurang memainkan peranan. Berdasarkan satu kajian, hanya 34.4 peratus daripada ibu bapa di Malaysia yang menggunakan aplikasi kawalan laman sesawang bagi anak-anak mereka. Ingat warga dewan sekalian, kanak-kanak diibaratkan kain sutera yang putih suci dan ibu bapa lah yang berperanan mencorakkannya dengan warna-warni kehidupan dan tanpa peranan mereka, ekosistem perlindungan yang diwujudkan melalui undang-undang yang telah dilaksanakan tidak mampu berkesan dalam menangkis isu gangguan seksual sama sekali.

Tuan Speaker,

Justeru, apakah cadangan saya dalam menangani hal ini? Hujah pertama saya adalah dengan memperkenalkan pendidikan seksual sebagai subjek yang wajib dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja sejak awal umur. Ini bermaksud mewujudkan silibus baharu khas dengan buku teks yang lengkap mengandungi ilmu asas pendidikan seksual khususnya dari segi mengenal pasti jenis-jenis dan bentuk gangguan seksual. Contoh terbaik yang dapat kita nilai adalah melalui saudara-saudara kita di negara Eropah seperti negara Belanda yang menerapkan pendidikan seksual seawal umur 4 tahun di negara mereka. Warga dewan sekalian, kita juga perlu sedar status quo kini melihat pendidikan seksual diterapkan hanya melalui sisipan dalam beberapa mata pelajaran dan hanya dijadikan subtopik kecil dalam subjek seperti Sains, Pendidikan Jasmani & Kesihatan serta Pendidikan Moral. Natijahnya dan implikasi negatifnya, pendidikan seksual ini dipandang remeh oleh para pelajar dan anggota masyarakat. Hal ini berlaku lantaran tiada kesedaran tentang betapa pentingnya ilmu asas pendidikan seksual ini kerana hanya ditekankan dalam silibus beberapa kali sahaja. Bayangkan jika subjek Bahasa Melayu diajar hanya sebagai sisipan dalam subjek lain, sudah tentu kepentingan penggunaan bahasa kebangsaan tidak dapat ditekankan dalam kalangan masyarakat.

Warga dewan yang saya hormati,

Selain itu, hujah kedua saya pada hari ini adalah berkenaan dengan budaya baharu yang mampu diwujudkan melalui usul yang diketengahkan pada hari ini. Pertama sekali, saya yakin dan percaya bahawa suatu budaya di mana perbincangan hal-hal pendidikan seksual dapat dinormalisasikan dalam masyarakat. Warga dewan sekalian, melalui polisi ini, kita mampu mendidik kanak-kanak dan membiasakan mereka untuk sering mengadakan perbincangan yang berkaitan pendidikan seksual bersama ibu-bapa mereka. Mungkin kerana sikap ingin tahu mahupun kerana tujuan ingin berjaya dalam peperiksaan, perbincangan yang lebih mendalam sudah tentu terjamin yang dapat meningkatkan lagi ilmu mereka. Sebagai contoh yang jelas, anak-anak kini akan lebih sedar jika mereka diganggu dari segi seksual dan ini akan memberi impak positif dalam kehidupan mereka, lebih-lebih lagi memandangkan 95 peratus dari kes gangguan seksual kanak-kanak melibatkan ahli keluarga atau orang yang dikenali. Justeru, tidak hairanlah kita dapat melahirkan generasi kanak-kanak yang lebih peka mengenai keselamatan mereka dan berani menyuarakan pendapat mereka jika menjadi mangsa gangguan seksual.

Maka saya, Syaqqif bin Saifulizan selaku wakil kawasan P.080 Raub menyokong usul yang dibawa hari ini. Diharap warga dewan lain turut menyokong usul yang diketengahkan pada hari ini juga. Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Mohon izin laluan, Tuan Yang di-Pertua.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, silakan. Mohon ringkaskan.

PUAN HANIFAH BINTI MOHD ROFIQ [P.034 SETIU]: Baik. Saudara perwakilan Raub, adakah contoh aktiviti yang boleh menggalakan perbincangan dan penglibatan antara pelajar bersama ibu bapa mereka berkenaan pendidikan seksual? Terima kasih.

TUAN SHAFIQ SAIFULIZAM [P.080 RAUB]: Sebab usul yang dibawa pada hari ini adalah berkenaan pengenalan pendidikan seksual seperti contohnya peperiksaan yang ingin dipelajari. Mungkin kanak-kanak ini akan bertanya kepada ibu bapa tentang fakta-fakta yang diperlu tahu untuk berjaya dalam peperiksaan tersebut. Mungkin motivasi dan niat mereka adalah untuk berjaya dalam peperiksaan. Tapi saya percaya ini diibaratkan kita dapat berjaya menyelesaikan dua masalah dalam satu masa dimana mereka dapat mengenal fakta baharu dan menerima ilmu asas pendidikan seksual disamping mengeratkan hubungan bersama ibu bapa.

TUAN MUHAMMAD MAHDIYEN NAFIZ BIN MOHD AZIZI [P.111 KOTA RAJA]: Tuan Speaker, izinkan laluan.

TUAN YANG DI-PERTUA: Sebelum itu, saya nampak perwakilan daripada Tampin.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Ya saya.

TUAN YANG DI-PERTUA: Silakan. Mohon ringkaskan.

PUAN WAN KHAIRUN SOFEA [P.133 TAMPIN]: Terima kasih, Tuan Speaker. Buat perwakilan Raub, saya ada satu soalan, sebentar tadi perwakilan Raub ada menyatakan bahawa pendidikan seksual harus diterapkan dalam silibus dan juga berpaksikan dalam buku teks. Jadi adakah maksud perwakilan Raub bahawa pendidikan seksual itu harus bergantung kepada buku teks sedangkan kita tahu dalam konteks pendidikan zaman sekarang, kita tidak boleh bergantung dengan sepenuhnya dengan buku teks kerana ia tidak didapati sebagai efektif dengan keseluruhannya. Jadi bolehkah perwakilan Raub menjelaskan selanjutnya?

TUAN SHAFIQ SAIFULIZAM [P.080 RAUB]: Terima kasih perwakilan Tampin dengan persoalan tersebut. Saya percaya dengan kewujudan buku teks, ia boleh digunakan sebagai modal dan asas bagi guru-guru di Malaysia untuk menggunakan dan mendidik kanak-kanak akan fakta-fakta yang betul. Sebab sebelum ini kita tidak ada silibus yang tepat dalam mendidik kanak-kanak kita dalam segi pendidikan seksual. Dengan wujudnya silibus dan buku teks khas yang tersendiri, kita dapat memastikan bahawa ilmu yang perlu disampaikan, seperti penggunaan media sosial yang selamat. Jika kita tiada buku-buku teks dalam silibus pendidikan seksual ini, ini akan memberikan bahaya, kerana mereka akan harus literally depend, dengan izin, Tuan Yang diPertua, keatas guru, untuk mereka mengintepretasikan subjek ini dan saya percaya itulah implikasi yang lebih negatif untuk masyarakat yang akan wujud kemudian.

TUAN MUHAMMAD MAHDIYEN NAFIZ BIN MOHD AZIZI [P.111 KOTA RAJA]:
Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bertanya soalan?

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, kita teruskan dengan Kota Raja.

TUAN MUHAMMAD MAHDIYEN NAFIZ BIN MOHD AZIZI [P.111 KOTA RAJA]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya untuk Raub. Saya tertarik dengan hujah Raub untuk memperkenalkan pendidikan seksual sebagai subjek wajib untuk dipelajari seperti mana hujah yang diketengahkan oleh Kuala Selangor sebentar tadi. Jadi soalan saya, tidakkah Raub merasa bahawa subjek yang sedia ada pun sudah membebankan pelajar? Jadi apakah pelan induk supaya kita tidak menekankan pelajar dengan silibus baharu lagi dan pertambahan bertimbun buku teks? Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

TUAN SHAFIQ SAIFULIZAM [P.080 RAUB]: Terima kasih atas soalan dari perwakilan Kota Raja, pertama sekali saya percaya bahawa penabahan subjek baharu ini mungkin membebankan, jadi justeru kita harus memperincikan masa dan waktu yang sesuai, contoh memendekkan masa subjek lain atau menambahkan waktu pembelajaran sekolah, ini perlu diperhalusi oleh pihak kerajaan lebih lanjut untuk kita menyelesaikan masalah ini. Yang kedua,

saya setuju ia mungkin menjadi satu beban atau masalah tapi this is a fair trade off, dengan izin, Yang diPertua, untuk kita menyelesaikan masalah dengan memperkenalkan pendidikan seksual kepada golongan kanak-kanak di Malaysia supaya mereka mampu untuk protect themselves, dengan izin Tuan Yang diPertua, daripada gangguan seksual dan kes-kes pedofilia. It is a fair trade off, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik terima kasih kepada perwakilan dari Raub, seterusnya saya menjemput perwakilan P.041 Kepala Batas, Khor Yi Thing, untuk mengisi ruang perbahasan. Dipersilakan.

PUAN KHOR YI THING [P.041 KEPALA BATAS]: Terima kasih Tuan Yang Dipertua Speaker Dewan. Salam sejahtera dan salam persidangan saya ucapkan kepada semua. Saya Khor Yi Thing, perwakilan P.041 Kepala Batas daripada Kementerian Sains dan Inovasi Dewan Muda Malaysia ingin menyokong sepenuhnya gagasan usul yang diperdebatkan pada hari ini.

Usul yang dibawa adalah penting dalam agenda dan usaha membanteraskan stereotaip terhadap peranan dalam masyarakat mengikut jantina.

Pertama, demi kemajuan sektor sains dan inovasi dalam negara, akan saya bantangkan ketidaksamaan sumbangan dan penglibatan tenaga kerja antara jantina yang menjadi punca mendesakkan pelaksanaan pendidikan seksualiti dalam kalangan kanak-kanak.

Kedua, stigma dan norma sosial serta undang-undang yang membenarkan perkahwinan di bawah umur 18 tanpa pelaksanaan pelan pendidikan dan kebajikan yang komprehensif terus menekankan kepentingan pendidikan seksualiti pada masa ini.

Sebelum saya memulakan hujah sokongan saya, saya ingin mencadangkan penghalusan terhadap usul yang dibawa oleh saudari Idayu Mumtaz. Pendidikan seksualiti telah diterapkan dalam negara kita melalui pendidikan jasmani dan kesihatan Tahun 4 dan ke atas serta melalui subjek sains. Ketiadaan kurikulum komprehensif dan tenaga kerja yang terlatih dan terbuka kepada perubahan amat membimbangkan implementasi pendidikan seksualiti yang berkesan.

Maka penghalusan yang saya ingin cadangkan adalah pendidikan seksualiti digital yang komprehensif dan selaras dengan UNESCO pendidikan seksual komprehensif. Cadangan ini akan meningkatkan kebolehcapaian kanak-kanak kepada kandungan berkualiti dan tenaga kerja atau ibubapa yang tidak terlatih turut dapat mendidik secara berkesan. Menurut kajian UNICEF, belia dilaporkan mahukan maklumat tentang seks yang melangkaui amaran risiko kehamilan dan STI. Adalah amat penting kita mendidik dengan maklumat yang tepat daripada kanak-kanak dan belia kita terpedaya oleh maklumat dan budaya yang mengelirukan.

Tuan Yang Dipertua,

Ketidaksamaan tenaga kerja antara jantina dapat diperhatikan dengan amat jelas dalam semua sektor pekerjaan. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk Malaysia pada 2021 dianggarkan 32.7 juta dan budak perempuan dan wanita terdiri daripada separuh populasi di Malaysia. Walaupun trend penyertaan wanita dalam pendidikan tinggi mendahului lelaki sejak tahun 2015, malangnya, kejayaan yang diraih wanita dalam pendidikan tinggi tidak diterjemahkan kepada pekerjaan.

Selain daripada sektor pendidikan, wanita tidak dilihat terlibat secara besar-besaran dalam tenaga kerja baik sebagai pemimpin korporat, undang-undang, akademik, ekonomi atau politik terutamanya bidang STEM jika dibandingkan dengan jumlah graduan wanita.

Warga dewan yang dihormati,

Stereotaip terhadap peranan masyarakat mengikut jantina merupakan halangan yang paling tertera dalam usaha mendorong penglibatan anak perempuan dan wanita dalam perkembangan ekonomi negara. Persoalan saya ialah, populasi Malaysia terdiri daripada separuh perempuan dan separuh lelaki, untuk melahirkan masyarakat yang mengutamakan kepelbagaian sebagai peneraju ekonomi, apakah cara yang lagi berkesan selain pendidikan seksualiti yang dapat memupuk jati diri yang tidak ternilai?

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga hari ini, media masih membongkarkan kes perkahwinan di bawah 18 tahun. Menurut laporan UNICEF, pendapatan isi rumah yang rendah dan kemiskinan, kekurangan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif (SRH), serta kekurangan kemahiran keibubapaan adalah salah satu faktor menyebabkan perkahwinan kanak-kanak. Kegagalan kerajaan dahulu untuk meningkatkan had umur perkahwinan kanak-kanak ke 18 tahun pada tahun 2019 telah membuktikan stigma masyarakat yang mencabarkan. Statistik daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merekodkan permohonan perkahwinan bawah umur dari tahun 2013 hingga 2018 adalah sebanyak 5,823 dengan 974 dicatatkan di Sarawak. Selain pendidikan seksualiti digital, pendekatan di luar talian terutamanya untuk kawasan pedalaman harus diutamakan untuk memperjuangkan agenda kesedaran seksualiti.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Mohon mencelah.

PUAN KHOR YI THING [P.041 KEPALA BATAS]: Izinkan saya untuk habiskan perbahasan saya.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, baik.

PUAN KHOR YI THING [P.041 KEPALA BATAS]: Warga dewan yang dihormati, kita tidak mahu anak kita seumpama “katak di bawah tempurung”. Untuk melahirkan anak muda yang berkemampuan berfikir kritis dan membuat keputusan yang bijaksana, mereka harus mengenali stigma dan norma masyarakat serta undang-undang negara yang dapat menentukan nasib mereka.

Maka saya, Khor Yi Thing, selaku perwakilan P.041 Kepala Batas daripada kumpulan Kementerian Sains dan Inovasi, menyokong usul supaya pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki.

Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, teruskan celahan, Batu Kawan. Saya bagi sepuluh saat untuk kemukakan soalan.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Selamat pagi, Kepala Batas. Tadi Kepala Batas mengaitkan ketidaksamaan gender, dengan izin, Tuan Speaker, di tempat kerja, dengan keperluan untuk mengenalkan pendidikan seksual kepada kanak-kanak dan remaja. Namun, ketidaksamaan gender, dengan izin, Tuan Speaker, di tempat kerja pun tidak disebabkan oleh diskriminasi jantina semata-mata.

TUAN YANG DI-PERTUA: Mohon untuk teruskan lebih soalan.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Ya, baik. Saya mahu bertanya, kalau golongan wanita memutuskan untuk tidak bekerjaya selepas melahirkan anak, adakah ia dilihat sebagai satu fenomena yang tidak sepatutnya berlaku ataupun adalah wajar untuk semua wanita untuk terus bekerjaya walaupun sudah berkeluarga. Adakah mereka kalau memutuskan untuk tidak bekerjaya selepas berkeluarga, adakah akan disifatkan sebagai satu fenomena ketidaksamaan jantina. Mohon pencerahan.

PUAN KHOR YI THING [P.041 KEPALA BATAS]: Terima kasih. Jawapan yang ringkas ialah tidak, kerana tidak membenarkan wanita yang berkeluarga untuk mempunyai pilihan untuk sambung bekerja ataupun memberikan kepentingan kepada keluarga. Tapi syaratnya ialah mereka mempunyai kesedaran diri terhadap kepentingan seksualiti disini. Ada satu kajian juga yang mengatakan wanita yang bekerja dapat melahirkan anak-anak yang lebih berkemampuan dalam perkembangan ekonomi juga. Itu respons saya.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih. Kita akan teruskan dengan pembahas seterusnya. Saya persilakan pembahas daripada P.111 Kota Raja, saudara Mahdiyen Nafiz, dipersilakan.

TUAN MAHDIYEN NAFIZ AZIZI [P.111 KOTA RAJA]: Cubaan suara. Adakah suara saya jelas, Tuan Speaker?

TUAN YANG DI-PERTUA: Ya jelas. Sila.

TUAN MAHDIYEN NAFIZ AZIZI [P.111 KOTA RAJA]: Baik terima kasih, Tuan Speaker. Asalamualaikum, Da Jia Hao Yeppedi Irukinge Vanakam. Selamat sejahtera bagi semua perwakilan Dewan Muda Malaysia. Nama saya adalah Nafidz Azizi dan selaku anak muda mewakili P.111 Kota Raja daripada kumpulan Kementerian Perpaduan Negara.

Saya menyokong usul bahawasanya dewan yang mulia ini iaitu “Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki”. Saya percaya bahawa selepas perbahasan sidang dewan yang mulia ini, usul ini bakal diluluskan.

Warga dewan yang saya hormati, usul ini adalah penting kerana perkara ini hangat diperbincangkan dan diperdebatkan di semua platform seperti media sosial, media massa dan juga dalam komuniti masyarakat. Meskipun begitu, sehingga hari ini kita masih tidak mempunyai cara, pendekatan dan kaedah yang bersifat kontijensi untuk kita muktamadkan dalam menentukan sistem pendidikan seksual yang berkesan untuk diterapkan dalam silibus di sekolah.

Tuan Yang Dipertua, dan sidang dewan yang dimuliakan,

Sebelum saya pergi jauh lagi, izinkan saya terlebih dahulu tuan yang dipertua untuk memberikan definisi usul ini secara literal agar semua perwakilan tidak terkial-kial untuk mencari asas perjuangan kita pada hari ini. Pendidikan seksual merujuk kepada kursus formal tentang pengajaran pembiakan atau reproduktif yang diperkenalkan dalam kurikulum sekolah. Dinyatakan juga bahawa pendidikan seksual pada asasnya bertujuan untuk mengetahui diri sendiri dari aspek seksual dan membolehkan seseorang itu memahami apa proses yang berlaku dalam dirinya sejak dilahirkan sehinggalah menggapai alam dewasa. Meskipun tahun 2022, kita masih lagi berhadapan dengan pelbagai stigma dan juga tanggapan yang buruk mengenai pendidikan seksual yang akibatnya sehingga hari ini kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak masih lagi di tahap merisaukan serta kita juga masih dibelenggu dengan cara manakah yang paling sesuai untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak dalam pendidikan seksual yang mahu diterapkan. Ini adalah masalah utama yang perlu kita fokuskan hari ini. Maka, adalah penting supaya Dewan Muda Malaysia menyokong usul perbahasan kita pada hari ini.

Para perwakilan sekalian,

Pendidikan Seksual sebagai pendidikan teras di sekolah.

Hujah pertama saya ialah menjadikan pendidikan seksual sebagai bahan penting dalam subjek teras di sekolah. Dalam subjek Bahasa Malaysia kita boleh menjadikan satu tajuk berkaitan Seksualiti di dalam silibus mata pelajaran. Sebagai contoh, bagi murid sekolah rendah elemen yang boleh diterangkan dalam tajuk tersebut adalah sentuhan selamat dan pengurusan diri. Ini boleh menjadikan mereka lebih memahami, mendapat maklumat yang tepat dan didikan yang betul apabila dijadikan pembelajaran yang formal. Begitu juga dengan subjek lain seperti Bahasa Inggeris. Adakah ianya perlu diperincikan di dalam subjek pendidikan kesihatan? Semestinya ya tetapi adakah ianya akan membebankan pelajar? Tidak.

Perkasa Pendidikan Seksual dalam 5 dimensi.

Hujah kedua saya adalah dalam pendidikan yang diperkenalkan tentang seksual mestilah mengandungi dimensi yang boleh menjadi tunjang dalam subjek yang diajar. Bagi saya, 5 dimensi yang boleh kita terapkan adalah:

1. Fizikal
2. Akal
3. Emosi
4. Sosial
5. Spiritual

Setiap dimensi ini mempunyai peranan yang berbeza untuk kita mengajar dan mendidik. Pembahagian ini juga membantu untuk subjek pendidikan kesihatan lebih perincian setiap satu untuk diajarkan di sekolah dan memudahkan kanak-kanak dalam memahaminya dengan mudah. Dengan pengenalan dalam kita memberi literasi dan didikan yang betul dapat membantu mengurangkan kes jenayah seksual di Malaysia demikian kerana kanak-kanak lebih mengetahui bahawa bahagian-bahagian yang tidak patut disentuh oleh sesetengah pihak. Dalam kita menitikberatkan pendidikan seksual ini ianya juga adalah salah satu cara dan perkara penting juga untuk kita mengurangkan berlakunya jenayah seksual ini supaya tidak akan menjadi normalisasi dalam masyarakat kita.

Maka saya, Nafidz Azizi selaku wakil kawasan P.111 Kota Raja menyokong usul yang dibawa hari ini. Diharap ahli-ahli dewan lain turut menyokong usul ini juga.

Sekian, terima kasih. Saya Mohon mencadang.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih, Kota Raja. Mungkin kita boleh teruskan. Perwakilan mana yang ingin mencelah tadi? Teluk Intan?

TUAN DEISIGAN SHAMMUGAM [P.076 TELUK INTAN]: Ya, Teluk Intan, betul. Saya ingin bertanya kepada Kota Raja pasal seksualiti. Macam mana pendidikan seksual di Malaysia

akan meliputi warga dari komuniti LGBTQ? Itu sahaja.

TUAN MAHDIYEN NAFIZ AZIZI [P.111 KOTA RAJA]: Baik, terima kasih. Seperti yang saya nyatakan dalam perbahasan saya tadi, kita perlu memahami, dalam kita menerapkan pendidikan seksualiti dalam silibus kita, kita ada lima dimensi dimana fizikal, akal, emosi, sosial, dan spiritual. Jika ingin bercanggah dengan salah satu daripada dimensi yang kita mahu ikut ini, maka saya rasa, dan saya rasa ramai juga perwakilan yang setuju, kita menghormati LGBTQ tapi kita tidak menerapkan dalam silibus sekolah. Tetapi apa yang kita cuba sampaikan kepada kanak-kanak, lebih-lebih lagi yang di ambang remaja, semestinya mereka ingin tahu tentang sosial mereka. Jadi apa yang mereka perlu terapkan adalah mengenali tentang identiti mereka sendiri. Itu jawapan saya.

TUAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih, Kota Raja. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pembahas dan para perwakilan yang telah mengambil bahagian secara substantif dan berstruktur dalam sesi pembahasan mahupun pencelahan sebentar tadi.

Para perwakilan sekalian, selaras dengan Peraturan Mesyuarat Parlimen Digital, Perkara 23 dan Perkara 16, kini saya ingin maklumkan bahawa usul sesi satu persidangan Dewan Muda Malaysia kali yang pertama yang berbunyi “Dewan ini percaya bahawa pendidikan seksual perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak sebagai pendedahan awal mengelak golongan ini menjadi mangsa gangguan seksual dengan ilmu asas yang dimiliki” akan dibacakan buat kali ketiga. Yakni, iaitu sesi undian. Seperti pihak sekretariat telah maklumkan diucapkan awal persidangan, undian usul akan dibuat oleh para perwakilan Dewan Muda Malaysia secara belah bahagi melalui pautan undian yang akan dikemukakan oleh pihak Sekretariat. Para perwakilan Dewan Muda Malaysia boleh mengundi di pautan borang yang telah diberikan oleh pihak Sekretariat dalam masa tiga minit bermula daripada sekarang.

USUL YANG DIKEMUKAKAN

**DEWAN INI PERCAYA BAHAWA PENDIDIKAN SEKSUAL PERLU DITERAPKAN
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK SEBAGAI PENDEDAHAN AWAL MENGELAK
GOLONGAN INI MENJADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL DENGAN ILMU ASAS
YANG DIMILIKI**

Usul dibentangkan, dan diundi secara belah bahagi untuk bacaan ketiga

Dewan mengundi secara belah bahagi: Suara Ya 50, Suara Tidak 0, Bekecuali 2

Usul diterima dan dibaca untuk kali ketiga

TUAN YANG DI-PERTUA: Perwakilan Dewan Muda Malaysia sekalian, mesyuarat ini akan ditangguhkan pada pukul satu petang untuk sesi kedua yang akan dipengerusikan oleh saudari Rifayah, selaku Timbalan Yang di-Pertua Dewan Muda Malaysia. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta maaf dari pihak saya sendiri dan pihak Sekretariat dan kami ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan para penonton yang tidak berbelah bahagi. Dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini dan perwakilan diminta berkumpul untuk bersidang semula jam satu petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam dua belas tengah hari

LAPORAN PENYATA RASMI DEWAN MUDA MALAYSIA

PERSIDANGAN PERTAMA

Bil. 2

Sabtu

9 April 2022

DEWAN MUDA MALAYSIA

Sabtu, 9 April 2022

Mesyuarat disambung semula pada jam satu petang

[Timbalan Yang di-Pertua Dewan Muda Malaysia mempengerusikan majlis]

PEMBUKAAN SESI KEDUA

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN MUDA MALAYSIA:
Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya, Nurul Rifayah binti Muhammad Iqbal, merupakan Timbalan Speaker Dewan atau Timbalan Yang Di-Pertua persidangan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia pada hari ini. Selamat datang saya ucapkan pada semua. Para perwakilan, para pemerhati dan penonton sekalian, izinkan saya membuat beberapa pengumuman penting.

Pertama sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua tujuh ratus dua puluh lapan pemerhati dan penonton di luar sana bersama-sama kita pada hari ini yang amat bersejarah. Pelaksanaan persidangan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia ini merupakan kesinambungan atas kejayaan pelaksanaan persidangan seumpamanya sebelum ini, iaitu Parlimen Digital yang telah berlangsung pada tahun lepas.

Sehubungan dengan itu, saya mewakili pihak penganjur, iaitu UNDI18 dan UNICEF Malaysia serta Sekretariat, ingin mengucapkan terima kasih kepada kesemua dua ratus dua puluh dua perwakilan Dewan Muda Malaysia yang dipilih mewakili dua ratus dua puluh dua kawasan Parlimen masing-masing yang melibatkan dua puluh dua kumpulan Kementerian. Untuk makluman semua, Dewan Muda Malaysia ialah satu program kepimpinan dan literasi politik yang akan berjalan dalam tempoh dua tahun.

Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan penglibatan para belia dalam bidang politik. Antara aktiviti yang akan diadakan termasuk bengkel penggubalan polisi, sesi panel eksklusif dan simulasi persidangan Parlimen. Dua ratus dua puluh dua belia telah dipilih, dan mereka akan ditempatkan ke dua puluh dua kumpulan Kementerian serta setiap peserta akan mewakili kerusi kawasan pemilihan raya yang terdapat di Malaysia, sama seperti Dewan Rakyat.

Sehingga hari ini, perjalanan program Dewan Muda Malaysia telah berlangsung selama sembilan bulan, sejak pelancarannya pada Julai tahun lalu. Para perwakilan dan penonton sekalian, terdapat dua sesi usul yang akan dibahaskan pada hari ini, di mana sesi persidangan perbahasan usul pertama telah berlangsung pada pukul sembilan pagi sehingga dua belas tengah hari sebentar tadi dan kini, persidangan akan bersambung semula. Sesi persidangan perbahasan kedua yang akan berlangsung sehingga pukul empat petang.

Justeru, selaku Timbalan Speaker Dewan pada hari ini, saya mengharapkan semua perwakilan dan penonton yang menyaksikan secara langsung melalui empat platform media sosial iaitu di laman Facebook UNDI18, UNICEF Malaysia, Parlimen Digital dan Dewan Muda Malaysia akan dapat kekal memberikan tumpuan sepanjang persidangan sehingga ke akhir acara nanti. Suka untuk saya ingatkan bahawa di akhir sesi perbahasan setiap usul, bacaan ketiga bagi sesi undian sama ada usul diterima atau ditolak Dewan akan dilakukan secara berbelah bahagi melalui pautan Google Form yang akan dihantar oleh pihak Sekretariat di chatbox. Setiap perwakilan dan pemerhati yang telah mendaftar juga berhak mengundi seorang pembahas terbaik bagi setiap usul yang akan membawa pulang wang tunai sebanyak seribu ringgit pada akhir perbahasan setiap usul.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada jurubahasa kita pada sesi petang hari ini, iaitu Puan Wan Zuraidah dan Puan Goh Soo Leng. Peranan anda adalah amat penting untuk membantu rakan-rakan kelainan upaya di luar sana untuk memahami intipati persidangan Parlimen Digital Dewan Muda Malaysia.

USUL YANG DIBAWA KE DALAM PERSIDANGAN

DEWAN INI PERCAYA BAHAWA KERAJAAN PERLU MEWUJUDKAN PELAN MITIGASI BANJIR YANG EFEKTIF DALAM MENANGANI PERUBAHAN IKLIM YANG AKAN MENJADI LEBIH TERUK PADA MASA HADAPAN

Bacaan Kali Yang Kedua

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Kini, tibalah saat yang dinantikan oleh setiap pembahas. Suka untuk saya ingatkan sekali lagi bahawa masa perbahasan yang diperuntukkan kepada setiap pembahas ialah tujuh minit termasuk tiga minit akhir iaitu mini keempat sehingga minit ketujuh bagi sesi celahan atau izin laluan. Sila rujuk ke datapan masa yang dipaparkan di skrin bagi melancarkan aturan persidangan.

Justeru, selaras dengan Peraturan Mesyuarat Parlimen Digital Perkara 17 ataupun tujuh belas, maka usul “Dewan ini percaya bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan” akan dibacakan buat kali yang kedua. Untuk itu, saya ingin menjemput pembahas pertama bagi usul sesi kedua bagi membuka sesi perbahasan.

Dijemput Saudari Ummi Khalilah, perwakilan P. 038, Hulu Terengganu, untuk menyampaikan perbahasan beliau. Dipersilakan.

PUAN UMMI KHALILAH [P.038 HULU TERENGGANU]: Assalamualaikum W.b.t. dan salam sejahtera, saya ucapkan kepada Timbalan Yang Di-Pertua dan seterusnya perwakilan yang bersidang. saya Umami Khalilah binti Azman mewakili parlimen 0.38 Hulu Terengganu daripada kumpulan Kementerian Perpaduan Negara.

Warga dewan sekalian, setiap tahun kita akan berdepan dengan situasi banjir yang tidak berkesudahan di pantai Timur. Tahun pula 2021 dan 2022 ribuan rakyat Selangor terjejas akibat banjir hingga meragut nyawa. Maka selaku anak belia yang cakna akan nasib masyarakat kita, saya menyokong usul dewan pada hari ini iaitu “kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan.”

Sebelum saya bergerak kepada cadangan elok terlebih dahulu saya mendefinisikan usul perdebatan pada harini.

Timbalan Yang Di-Pertua, pelan mitigasi banjir – adalah satu rancangan yang perlu untuk digerakkan oleh kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak untuk mengurangkan risiko banjir pada masa hadapan. Pelan mitigasi ini perlu bersifat jangka masa panjang yang boleh mengurangkan risiko banjir di seluruh kawasan yang terjejas banjir dan membolehkan masyarakat mengetahui maklumat banjir dengan jelas dan terperinci. Benar kita sudah ada lambakan pelan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan contohnya bantuan pasca banjir, pembaikan sistem longkang dan sebagainya namun perkara ini bersifat sementara dan tidak pernah temui titik penyelesaian.

Maka sebab itu lah cadangan saya untuk pihak kerajaan pada harini kita perlu menetapkan satu pelan mitigasi banjir yang mencakupi 3 rintisan iaitu pertama rintisan 1 : sebelum banjir. Rintisan 2 : semasa banjir, dan rintisan 3 pasca banjir. Ketiga-tiga rintisan ini adalah usaha dan tindakan dalam mitigasi banjir bagi mengurangkan risiko banjir yang memberi manfaat jangka masa panjang kepada masyarakat.

Para perwakilan dan pemerhati sekalian, kita sudah berada dalam dunia VUCA singkatan kepada volatility, uncertainty, complexity, and ambiguity (dengan izin) yang bergerak selari dengan pembangunan globalisasi dan teknologi serta penciptaan alatan canggih. Maka, teknologi ini perlu diaplikasikan dalam mitigasi banjir ini secara menyeluruh dalam setiap rintisan.

Pertama, Rintisan 1: sebelum banjir.

Antara punca berlakunya banjir adalah kerana kemusnahan alam sekitar yang tidak terkawal di negara kita disebabkan kerakusan manusia yang bersifat mementingkan diri. Maka, bagi mengenal pasti dan mengawal pembangunan yang mengakibatkan kemusnahan alam sekitar ini termasuk pembalakan haram, satu teknologi yang menggunakan dron dan internet benda (IOT) perlu diwujudkan bagi mengambil data grafik tentang kemusnahan yang berlaku dan membolehkan tindakan sewajarnya diambil oleh kerajaan. Penggunaan teknologi ini membolehkan kita mengesan kemusnahan alam yang berlaku dengan cepat dan pantas serta memantau secara holistik keseluruhan kawasan di Malaysia.

Bukan itu sahaja, bagi memastikan maklumat banjir disampaikan dengan lebih awal kerajaan perlu mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta jabatan Metereologi bagi mencipta alat ramalan dan preskripsi teknologi kecerdasan buatan AI, yang menggunakan satelit dan Teknologi IOT bagi memantau dan memberi amaran banjir yang tepat dan terperinci. Kita tidak ingin pisang berbuah dua kali bila mana kelewatan dan ketidakupayaan teknologi semasa yang telah menyebabkan amaran banjir di Selangor yang berlaku baru-baru ini di kesan dengan lambat sehingga ramai yang terperangkap dalam banjir.

Rintisan 2: semasa Banjir.

Warga dewan yang mulia,

Berdepan dengan banjir, kita tidak boleh lari dengan kemusnahan harta benda dan juga kehilangan dokumen penting. Perkara ini perlu dipandang serius oleh pihak kerajaan apabila kerajaan sewajarnya mencipta satu teknologi yang membolehkan satu infrastruktur kalis air dibina bagi menyimpan barang-barang seperti dokumen peribadi dan barang-barang berharga. Perkara ini penting bagi membolehkan setiap daripada mangsa banjir tidak akan kerugian banyak perkara, Kerana menurut penganalisis ekonomi berkata, setiap isi rumah telah kerugian lebih daripada 20 ribu ringgit setiap keluarga termasuklah perabot dan sebagainya. Maka teknologi yang digabungkan dengan kepakaran kejuruteraan perlu dihasilkan bagi menyelamatkan barang-barang yang berharga bagi mengurangkan risiko kerugian.

Rintisan 3: Pasca Banjir.

Bagi membersihkan kawasan terjejas banjir kita perlu untuk kurangkan tenaga kerja manusia terutamanya bagi tugas-tugas2 pembersihan. Contohnya untuk membersihkan tanah dan menghilangkan lumpur di dalam rumah. Kalau hari ini kita masih menggunakan tenaga manusia untuk membersihkan kawasan terjejas banjir hingga memakan masa yang lama bagi membersihkan sesuatu kawasan. Banyak tenaga manusia yang diperlukan. Maka cadangan saya, dengan kepakaran yang ada seharusnya di Malaysia sudah menghasilkan sistem pengalihan lumpur yang efisien,

juga alatan membersih elektronik yang tidak perlu lagi bergantung harap kepada berus, penyapu dan pencangkul namun sebaliknya alatan elektronik bagi membolehkan aktiviti pembersihan dijalankan dengan baik dan berkesan.

Rintisan-rintisan inilah yang sangat diperlukan dalam mitigasi banjir yang perlu untuk dilaksanakan.

Sengaja saya ingin bawakan anda terbang ke negara Amerika Syarikat yang mengatasi banjir yang berlaku di negara tersebut dengan kepakaran teknologi yang canggih contohnya. Surveillance Technology (dengan izin) yang menggunakan dron yang memantau kawasan banjir. Flood Mapping Technology (dengan izin) yang menggunakan sensor untuk mengesan kawasan berisiko banjir dan memberi amaran awal kepada masyarakat, Connectivity Technology (dengan izin) talian komunikasi yang berkesan agar mangsa banjir boleh berhubung dengan pihak atasan dengan cepat . Kesannya, risiko banjir di negara itu telah berkurang sebanyak 45% pada tahun 2020. Semua perkara ini perlu untuk kita adaptasi di negara kita mengikut kesesuaian dalam negara kita. Maka demi kesejahteraan rakyat, mohon untuk terus mencadang. Assalamualaikum, sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih kepada perwakilan Dewan Muda Malaysia, iaitu Ummi Khalilah daripada Hulu Terengganu atas perbahasan sebentar tadi. Bagi meneruskan sesi perbahasan, kini saya menjemput Saudara Muhammad Haziq dari P.118 Setiawangsa untuk mengisi ruang perbahasan. Dipersilakan.

TUAN MUHAMMAD HAZIQ JAMALUDDIN [P.118 SETIAWANGSA]: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya Haziq Jamaludin, perwakilan P118 Setiawangsa daripada Kementerian Tenaga Kerja dan Sumber Manusia. Saya mohon izin untuk mengemukakan beberapa hujah saya bagi menyokong usul ini.

Puan Timbalan Yang di-Pertua,

Saya percaya apabila kita membahaskan tentang isu banjir ini, hakikat yang perlu kita terima adalah bencana banjir merupakan kejadian azali dan ruji yang dihadapi negara kita. Bencana ini bukan kejadian terpencil atau rawak yang berlaku sekali-sekala, malah lebih dari seratus tahun yang lalupun kita sudah punyai rekod kejadian banjir besar. Rekod bertulis terawal pada 1887, banjir besar di Kelantan. Sejak kita merdeka, sudah berpuluh kejadian banjir direkodkan, itu tidak termasuk ratusan kejadian banjir kilat di Lembah Klang.

Dan setiap kali bencana banjir terbaru terjadi, setiap kali itu jugalah bencana tersebut menjadi lebih teruk dari yang sebelumnya. Banjir pada Disember dan Januari lepas merupakan antara yang paling teruk sehingga digelar bajir seratus tahun. Lebih 48 orang maut dan 71 ribu rakyat terpaksa dipindahkan.

Ini menimbulkan satu persoalan, apa sudah jadi dengan semua inisiatif pengurusan banjir negara? Kita punyai 65 tahun untuk menyediakan pelan pengurusan banjir yang efektif, lebih dari cukup tempohnya, tetapi kenapa sehingga sekarang, semua pelan yang kita buat masih gagal mengawal impak banjir yang kita hadapi?

Timbalan Yang Di-Pertua,

Saya akui kerajaan tidak berdiam diri dalam isu pengurusan bencana banjir. Benar sememangnya ada pelan-pelan mitigasi banjir yang dirangka dan dilaksanakan. Hal ini kita tidak nafikan. Cuma, jika kita teliti;

1971, negara kita sudah menubuhkan Jawatankuasa Bencana dan bantuan Banjir Negara, tujuannya untuk melakukan perancangan mengelakkan musibah banjir dalam negara.

1982, kita sudah melaksanakan kajian menyeluruh Sumber Air Negara yang dalam masa yang sama mengkaji tentang inisiatif kawalan banjir khususnya di kawasan Lembah Klang.

2015, kita tubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Dan yang terbaru kita laksanakan lagi kajian baru; Pengurusan Banjir Ribut di Kawasan Urban Negara.

Jika tentang bajet, sudah berbilion ringgit kita laburkan khusus untuk pelaksanaan projek-projek mitigasi banjir ini. Dari RMK 2, tahun 1971-75, RM 14 juta. RMK 3, naik kepada RM 56 juta. RMK 4, RM 141 juta, lompat kepada RMK 8, RM 2.7 bilion dan dianggarkan sepanjang 2005 ke 2020, lebih RM17 bilion anggaran pelaburan yang sepatutnya sudah kita laksanakan untuk projek mitigasi banjir sahaja.

Malah tahun ini sahaja, bulan lepas kerajaan Selangor umumkan peruntukan RM 58 juta untuk pelaksanaan projek mitigasi banjir. Kerajaan Pahang umum RM 20.36 juta.

Sekarang cuba kita bandingkan. Semenjak tahun 1971 itu juga, dan setelah segala pelan dan rancangan yang saya sebutkan tadi kita lakukan;

2003, banjir kilat paling teruk melanda KL;

2006, banjir besar di Selangor dan Johor;

2007, 3 kejadian banjir besar pada Januari, Jun dan Disember di Johor, KL dan Pantai Timur,

2010, Kedah dan Perlis pula alami banjir besar;

2014, antara banjir paling besar dalam sejarah, hampir seluruh semenanjung tenggelam;

Dan yang terbaru, 2021, Disember dan Januari lepas, Johor, Pahang, Terengganu, hampir 2 bulan ditenggelami air.

Jadi saya mahu tekankan sekali lagi, apa sudah jadi pada kajian Sumber Air Negara, Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang sudah dinaiktaraf menjadi NADMA, Kajian Pengurusan Banjir Ribut Kawasan Urban Negara, dan berbilion ringgit pelaburan yang saya telah saya sebutkan pun tadi?

NADMA ditubuhkan pada 2015. Objektifnya sebagai badan siap siaga negara menghadapi bencana banjir. Tetapi tahun 2021, kita masih 'terkejut' dengan malapetaka banjir beberapa bulan lepas.

Ini sebenarnya yang lebih mengejutkan. Mengapa dengan segala pelan dan kajian yang saya senaraikan sebentar tadi, kita masih 'dikejutkan' dengan banjir 2021 lepas? Seharusnya kita tidak lagi 'terkejut', sepatutnya kita sudah cukup bersedia.

Timbalan Yang Di-Pertua,

Untuk merungkai misteri mengapakah seribu satu pelan yang kita sudah laksanakan ini tidak membuahkan hasil, saya mohon juga untuk mengemukakan beberapa buah fikir yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan kelak.

Kita akui terdapat beberapa faktor utama yang menjurus kepada kejadian banjir di negara kita. Sekiranya dikawasan bandar, kelemahan pelan perancangan infrastruktur dan perparitan antara faktor yang masih belum diselesaikan. Jika di luar bandar, aktiviti penggondolan kawasan tadahan hujan secara besar-besaran yang tidak terkawal. Di Pahang dan Kelantan, tanah seluas negeri Melaka sudah gondol dibalak. Faktor-faktor ini, saya percaya, kerajaan lebih dari sedar, tak perlu saya tekankan kerana sudah terlalu jelas faktor-faktor ini wajib didepani.

Tetapi ini bukan faktor terbesar mengapa negara kita kerap mengalami bencana banjir ini. Faktor utamanya adalah kerana hakikat geografi negara kita sebagai negara monsoon yang menerima taburan hujan tropika yang tinggi, yang kini sedang merasakan impak negatif kesan perubahan iklim.

Puan Timbalan Yang di-Pertua,

Perubahan iklim ini nyata. Ya, apa yang sedang kita alami sekarang adalah kesan perubahan iklim. Selagi kita tidak menerima hakikat ini, selagi itu segala bentuk pelan yang kita rangka, selengkap dan secanggih manapun, tidak akan berjaya kerana tidak mengambil kira faktor banjir diluar jangka pada masa depan yang disebabkan perubahan iklim ini.

Kita sendiri di negara ini sebenarnya boleh merasakan kesan ini. Contohnya perubahan corak

musim tahunan yang berlaku dalam negara kita. Beberapa tahun lepas, tempoh separuh tahun pertama bermula Februari ke Mei ini dianggap musim kemarau, sehinggakan hampir seluruh negeri Selangor terpaksa bercatu air. Kini, bulan Mac dan April hampir setiap hari hujan dengan lebatnya turun di Lembah Klang.

Ini adalah hal yang paling mustahak yang perlu didepani bermula sekarang. Malah seharusnya bukan baru dimulakan sekarang, sepatutnya 10 tahun lepas kita sudah bermula untuk tampil dengan pelan yang mengambil kira faktor perubahan iklim sebagai indikator utama segala perancangannya.

Puan Timbalan Yang di-Pertua,

Atas kesedaran inilah, molek kiranya kerajaan mengambil kira dengan utama dan serincinya faktor perubahan iklim ini didalam pelan mitigasi banjir baru yang sedang dirangka kerajaan sekarang.

Saya puji usaha kerajaan dalam pengumuman baru-baru ini untuk tampil memperbaharui NADMA. Kerajaan bercadang untuk menambah lagi staf dalam agensi ini, serta menambah bidang kuasa NADMA. Jika sebelum ini sekadar diperingkat persekutuan, selepas ini juga wujud diperingkat negeri dan daerah.

Ini semua bagus sekali. Tetapi, sewajarnya bukan ini yang menjadi keutamaan.

Saya mahu tanyakan;

Dalam kajian *Climate Change Scenarios in Malaysia: Engaging the Public* oleh Dr Haliza Abdul Rahman, salah seorang penganalisis perubahan iklim di Universiti Putra Malaysia, menjangkakan, dalam tempoh 10 tahun akan datang, akibat peningkatan suhu global yang akan dirasai oleh negara kita juga, dijangka jumlah taburan hujan yang akan diterima negara akan meningkat 4 kali ganda. Maksudnya, jika benar jangkaan ini terjadi, lebih 100 km persegi kawasan semenanjung berpotensi tenggelam sepanjang lebih 4 bulan setiap tahun. Maksudnya separuh daripada semenanjung tanah air akan banjir selama hampir separuh tahun setiap tahun.

Jadi apakah pelan kita untuk menghadapi jangkaan ini? Bagaimana sekadar menambah staff di NADMA boleh mendepani musibah ini?

Seharusnya yang ditambah baik dan diteliti sehalus mungkin, adalah bagaimana mahu memasukkan saranan pelan menghadapi faktor-faktor perubahan iklim diluar jangkaan seperti yang digariskan dibawah garis panduan perubahan iklim United Nation Environment Program (UNEP) ke dalam pelan mitigasi banjir negara. Ini yang sepatutnya sudah mula dibincangkan oleh kerajaan.

Cadangan UNEP berkenaan penwujudan pelan mitigasi induk untuk setiap lokaliti agar dapat mengadaptasi sensitiviti geografi, pengwujudan kawasan penempatan berdaya tahan banjir, atau

sponge city (dengan izin), pembinaan lebih banyak empangan tahanan banjir dikawasan-kawasan sensitif tadahan hujan seperti di Kelantan, Pahang dan Johor, ini semua sudah perlu mula diambil kira dalam pelan mitigasi baru. Projek tebatan banjir Canal City di Selangor yang dibatalkan lepas seharusnya dikaji semula. Malah lebih banyak projek seperti ini perlu dilaksanakan demi mendepani segala kemungkinan diluar jangka yang boleh merisikokan pembangunan masa depan negara kita.

Justeru, sekali lagi saya mohon agar usul ini dipertimbangkan oleh semua perwakilan dan pemerhati untuk disokong.

Terima kasih.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Puan Speaker, Bukit Gantang minta pencelahan.

TUAN MUHAMMAD HAZIQ JAMALUDDIN [P.118 SETIAWANGSA]: Sila.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima kasih, Saudara Setiawangsa. Apakah pandangan Setiawangsa terhadap situasi pembangunan berlebihan ataupun dengan izin overdevelopment di kawasan Lembah Klang? Bagaimana kita dapat mengatasi isu ini? Silakan, saudara.

TUAN MUHAMMAD HAZIQ JAMALUDDIN [P.118 SETIAWANGSA]: Terima kasih perwakilan P059. Saya sejujurnya sangat setuju dengan perwakilan P059. Bila kita bercakap tentang faktor banjir, ada banyak: pengurusan perparitan dan perancangan bandar yang sangat cacar-merba. Kuala Lumpur sangat cacar-merba. Perparitan kita bermasalah. Itu dari salah satu faktor seperti P059 cakap sebentar tadi. Di Pahang, pembalakan berlaku. Di Pahang dan Kelantan, hampir seluas Melaka sudah gondol dibalak. Ini juga faktor banjir. Jadi faktor-faktor ini adalah perkara yang kita perlu hadapi, cuma dalam fokus usul kita pada hari ini, saya cuba fokuskan kepada perubahan iklim terlebih dahulu. Sebab usulnya adalah perubahan iklim. Maka, kerana itulah saya cadangkan fokusnya adalah tentang pertama sekali perluasan paya bakau. Ini bukan idea saya, ini adalah buah fikir dari UNEP sendiri. Kedua, kalau di kawasan bandar, adalah peningkatan kawasan tadahan hujan dan juga empangan tadahan hujan. Kalau di Kuala Lumpur, apa yang boleh dilakukan adalah perdalaman kawasan Sungai Gombak sebagai contohnya. Ini perlu dilakukan. Ini cadangan daripada UNEP sendiri. Malaysia mempunyai terlalu banyak sungai dan apa yang dilakukan adalah kita perlu untuk melakukan program restorasi kawasan hutan hujan dan juga perdalaman sungai. Ini bukan mustahil, ini sudah dilakukan di beberapa negara contohnya Netherlands. Belanda adalah negara nombor 1 yang telah beralih - kalau dulu mereka adalah negara yang selalu kena banjir sebab berada di bawah paras laut. Kemudian, mereka sekarang sudah digelar negara kebal banjir. Salah satunya adalah kerana inisiatif perdalaman kawasan sungai dan Malaysia boleh sahaja mengadaptasi perkara ini. Inilah pelan yang perlu

digunakan. Dalam rancangan pelan mitigasi baru yang kita akan laksanakan sekiranya usul ini diluluskan dan sekiranya Parlimen Malaysia yang benar mengambil iktibar dari Parlimen Digital.

TUAN MICKELSON MASING ANAK MEKAI [P.214 SELANGAU]: Izin laluan, Puan Timbalan Speaker.

TUAN MUHAMMAD HAZIQ BIN JAMALUDDIN [P.118 SETIAWANGSA]:
Dipersilakan.

TUAN MICKELSON MASING ANAK MEKAI [P.214 SELANGAU]: Tuan tadi menyatakan bahawa usul ingin diterima, tapi kenapa pula perlu mengadaptasi, apakah pendirian tuan?

TUAN MUHAMMAD HAZIQ BIN JAMALUDDIN [P.118 SETIAWANGSA]: Betul, perlu mengadaptasi negara-negara yang sudah berjaya, yang kebal banjir. Kita perlu mengambil iktibar. Kita masih belum lagi ada pelan yang jelas, negara kita masih belum ada satu lagi pelan induk yang betul-betul berkesan. Maka, kita tidak boleh buat suka hati. Kita tak boleh buat main suka sahaja, sebab kita takut nanti gagal. Kita akan laburkan berbilion ringgit, sebab itu kita perlu ambil iktibar dan mengadaptasi daripada negara-negara luar yang sudah pun berjaya. Contoh yang saya berikan seperti Belanda.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, masa sudah tamat, jadi saya terpaksa untuk potong. Terima kasih kepada Haziq daripada P.118 Setiawangsa sebentar tadi. Bagi meneruskan sesi perbahasan, saya menjemput YB dari Parlimen 185 Batu Sapi, iaitu Cheng Le Tion. Dipersilakan.

CHENG LE TION [P.185 BATU SAPI]: Terima kasih, Timbalan Yang Di-Pertua. Salam sejahtera saya ucapkan kepada Timbalan Yang Di-Pertua, Barisan Ahli-Ahli Dewan Muda Malaysia, dan para hadirin yang saya hormati sekalian. Nama saya adalah Chieng Le Tion dan saya mewakili kawasan Parlimen P.185 Batu Sapi di bawah kumpulan Kementerian Keadilan dan Hak Asasi Manusia.

Prof Madya Dr Mohd Ramzi Mohd Hussain berpendapat bahawa sudah sampai masanya setiap bandar di negara ini memerlukan pelan induk tindakan mitigasi banjir untuk mengenal pasti kawasan sensitif dengan air jika berlaku hujan lebat berterusan. Selain itu, keadaan geografi Malaysia yang beriklim panas dan lembap sepanjang tahun dengan taburan hujan tinggi pada bulan tertentu, manakala musim tengkujuh berlaku setiap tahun tidak boleh dipandang ringan. Berita Harian, 4 Januari 2022

Warga dewan sekalian, dengan usul, dewan Ini Percaya Bahawa Kerajaan Perlu Mewujudkan Pelan Mitigasi Banjir Yang Efektif Dalam Menangani Perubahan Iklim Yang Akan Menjadi Lebih

Teruk Pada Masa Hadapan harus disokong oleh seluruh dewan kerana usul ini sangat penting bagi mengelakkan kerosakan yang lebih besar dan serius berlaku di samping dapat menyelamatkan lebih ramai nyawa.

Timbalan Yang di-Pertua,

Bergerak kepada hujahan saya yang pertama, pelan mitigasi banjir ini perlu untuk mengurangkan risiko banjir. Menurut data yang telah direkodkan dalam Disaster Management Reference Handbook (dengan izin), menunjukkan bencana ini telah menjejaskan lebih 3 juta orang dengan kerugian sebanyak RM8 billion sejak tahun 1998 hingga 2018. Sudah pastinya bilangan kerugian ini belum termasuk kerugian bencana banjir yang telah melanda negara kita pada Disember yang lalu, seperti yang saya telah sebut tadi, RM6.1 billion. Jika kita bandingkan, kerugian RM6.1 billion ini hanya berlaku dalam satu peristiwa banjir sahaja, berbanding RM8 billion ringgit dalam masa dua dekad. Bayangkan, warga dewan sekalian.

Timbalan Yang di-Pertua,

Pelan mitigasi banjir yang efektif ini perlu bagi menjamin hak asasi manusia dilindungi. Rakyat mempunyai hak untuk mendapat akses kepada persekitaran yang bersih, sihat dan lestari, dan ianya merupakan hak asasi manusia yang harus dilindungi. Pada 8 Oktober 2021, Malaysia telah mengiktiraf pendirian ini melalui penajaan resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva. Namun, pengiktirafan sahaja sudah pasti tidak mencukupi, sekiranya tiada tindakan diambil. Oleh itu, pelan mitigasi banjir yang efektif ini perlu diwujudkan bagi menyambut baik resolusi yang telah ditetapkan.

Warga dewan sekalian, kita dapat melihat bahawa terdapat beberapa pelan mitigasi dilaksanakan di negara ini. Pelan yang paling ketara dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ialah Smart Tunnel. Persoalannya sekarang, adakah Smart Tunnel ini memadai? Tidak dinafikan keberkesannya dalam mengalirkan jutaan meter padu air. Namun terowong ini hanya terdapat di Kuala Lumpur. Bagaimana pula dengan negeri lain seperti Sabah, Kelantan, Kedah dan sebagainya yang juga saban tahun terjejas teruk dengan bencana banjir ini. Oleh itu, pelan mitigasi ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif serta risk hanya berfokuskan kepada beberapa kawasan tertentu sahaja. Dengan itu, saya ingin mencadangkan tiga pelan mitigasi banjir yang efektif dan boleh dilaksanakan secara meluas.

Yang pertama, melaksanakan instalasi bumbung hijau, atau green roofs. Menurut kajian yang dilakukan oleh University of Toronto menunjukkan bahawa green roofs mempunyai kapasiti untuk memerangkap sekitar 70 peratus hujan dan membebaskan air hujan kembali ke atmosfera. Sebenarnya, bumbung hijau ini telah dilaksanakan di Malaysia, seperti yang terdapat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, namun, belum cukup meluas. Kita cukup ketinggalan berbanding negara-negara Asia seperti di Hong Kong, Singapura dan

Jepun yang telah rancak dalam pelaksanaan bumbung hijau ini.

Yang kedua, pemerksaan undang-undang. Mengambil contoh instalasi bumbung hijau tadi, pelaksanaannya boleh dilakukan dengan pindaan undang-undang seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dengan wajibkan bangunan baru yang dibina menyediakan pelan pembangunan hijau termasuk bumbung hijau. Bangunan lama perlu diberi masa tertentu untuk mengubah struktur bangunan lama ke arah bangunan hijau. Kos sudah pasti merupakan cabaran utama. Oleh itu, bantuan kerajaan penting, seperti memberikan insentif, mengurangkan cukai, atau member rebat cukai bagi mereka yang terlibat dalam pembangunan hijau. Contohnya, setiap pembelian bahan atau peralatan badi mendirikan bangunan hijau ini akan mendapat rebat atau pemotongan harga. Hal ini sudah pastinya akan menggalakkan lagi pemaju untuk melaksanakan pembangunan hijau.

Akhir sekali, hujah saya yang ketiga ialah mewujudkan lebih banyak agensi atau mengubah fokus dan peranan institusi sedia ada ke fasa pra-banjir. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut sebuah kajian yang bertajuk *Disaster Risk Management In Malaysia: Issues And Challenges From The Perspective Of Agencies* (dengan izin) menunjukkan bahawa majoriti agensi yang berkaitan dengan pengurusan risiko bencana hanya terlibat dalam fasa tindak balas atau pasca bencana berlaku seperti yang juga telah disebutkan oleh perwakilan Setiawangsa tadi. Malah, daripada 70 agensi berkaitan, hanya 25 agensi terlibat dengan fasa pra-banjir atau sebelum bencana berlaku. Antara agensi tersebut adalah, NADMA, Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Semakin banyak agensi yang terlibat dan memberi kerjasama dalam kesediaan pra-banjir, maka kesan banjir dapat dikurangkan.

Maka kesimpulannya saya, Chieng Le Tion selaku wakil kawasan Parlimen Batu Sapi sekali lagi menekankan bahawa saya menyokong usul yang dibawa hari ini Kerajaan Perlu Mewujudkan Pelan Mitigasi Banjir Yang Efektif Dalam Menangani Perubahan Iklim Yang bagi mengatasi perubahan iklim yang lebih teruk bagi mengurangkan risiko banjir dan menjamin hak asasi manusia dilindungi. Perkara ini dapat dilaksanakan berdasarkan tiga tunjang utama yang telah saya kongsi, iaitu instalasi bumbung hijau, memperkasa undang-undang, mewujudkan lebih banyak agensi atau mengubah fokus dan peranan agensi sedia ada ke fasa pra-banjir.

Diharap ahli-ahli Dewan yang lain turut menyokong usul ini. Jangan nanti sudah terhantuk baru terngadah. Sekian terima kasih. Saya mohon untuk terus mengusul.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Mohon mencelah.

TUAN CHENG LE TION [P.185 BATU SAPI]: Silakan.

TUAN OOI IVAN: Terima kasih Tuan Yang Dipertua dan Batu Sapi. Tadi Batu Sapi ada menyebut bahawa kerajaan perlu menitikberatkan pelan pasca-banjir dan juga sebelum banjir di setiap negeri di Malaysia. Tetapi Pantai Barat ada keunikan geografi tersendiri, Sabah

dan Sarawak ada keunikan geografi sendiri. Jadi, bagaimanakah kerajaan dapat memperincikan dan melaksanakan pelan pasca-banjir dan sebelum banjir di kawasan-kawasan tersebut dengan berdasarkan keunikan geografi, keunikan masyarakat dan juga kedudukan ekonomi di sana? Boleh terangkan dengan lebih lanjut.

TUAN CHENG LE TION [P.185 BATU SAPI]: Baik, terima kasih Batu Kawan. Ingin saya berikan pencerahan sedikit lagi, yang saya tekankan tadi adalah peranan agensi pra-banjir, sebelum banjir, bukan pasca-banjir. Sebab agensi kebanyakan sekarang adalah fokus kepada pasca-banjir. Benda sudah berlaku, baru mau selesaikan, untuk apa? Jadi, untuk menjawab soalan Batu Kawan tadi, bagaimana keunikan geografi setiap negeri ini harus dipertimbangkan oleh kita untuk melaksanakan program mitigasi dengan pra-banjir. Saya mungkin tiada jawapan yang kukuh, tapi ini saya rasa perlukan lagi kajian yang lebih mendalam oleh agensi-agensi ini. Itulah peranan agensi ini, mereka perlu tukar fokus mereka kepada pra-banjir untuk mereka bersama-sama memikirkan dan berbincang mengenai apakah yang boleh dilaksanakan bagi pelan mitigasi pra-banjir ini.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih Batu Sapi P.185. Seterusnya, bagi meneruskan sesi perbahasan, kini saya menjemput Saudara Muhamad Muzafar dari P.054 Gerik.

TUAN MUHAMMAD MUZAFAR [P.054 GERIK]: Bismillahhirahmanhirrahim. Terima kasih, Timbalan Yang Dipertua. Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera saya ucapkan kepada semua rakan seperjuangan dalam Dewan Muda Malaysia. Sebelum meneruskan bicara elok lah saya memperkenalkan diri dahulu. Nama saya adalah Muhamad Muzafar bin Ibrahim dan saya mewakili kawasan Parlimen Gerik P.054 dan juga merupakan kumpulan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Perdagangan.

Dengan izin Puan Yang Dipertua, ahli dewan muda sekalian, saya ingin menyokong usul Dewan Ini Percaya Bahawa Kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigrasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan. Usul ini adalah penting kerana Usul ini mampu untuk menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di Malaysia.

Pada Disember tahun lalu kita sendiri tahu, Malaysia menghadapi musibah bencana banjir namun saya ingin ulang frasa yang disebut oleh perwakilan kita dari Setiawangsa, Saudara Haziq, frasa “terkejut” kerana pada Disember tahun lalu perkhidmatan kaji cuaca di tiga negara telah memberi amaran kepada kerajaan mengenai banjir yang akan berlaku. Saya ulang, tiga negara telah memberi amaran.

Namun begitu, kita melihat kerajaan seolah-olah tidak mampu mengawal situasi yang berlaku. Seolah-olah lambat, dan kita oleh gunakan lagi frasa “terkejut”. Apa yang berlaku? Hal ini menunjukkan negara kita tidak bersedia mengawal situasi yang berlaku. Kerosakan akibat banjir

menelan kos yang tinggi kerana kerajaan atau orang awam perlu membaiki semula infrastuktur yang rosak.

Kita mengikut data yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman melaporkan bahawa anggaran kos membaiki infrastruktur yang rosak akibat banjir di seluruh negara akan mencecah RM1 billion, dan jumlah itu dijangkakan meningkat sehingga RM2 billion.

Kita main pula dengan statistik. Statistik yang dikeluarkan pusat Kawalan Operasi Bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melaporkan sebanyak 98 jalan persekutuan dan 126 jalan negeri terjejas akibat banjir tahun lalu. Manakala, 52 nyawa, 4 mangsa masih hilang dan menyebabkan hampir 70,000 mangsa terpaksa ditempatkan di pusat pemindahan sementara di seluruh negara.

Tuan Yang Di-pertua, ahli dewan muda yang saya hormati sekalian,

Pembangunan yang berjaya bergantung kepada amalan pempandaran mampan, bandar seharusnya menjamin keterangkuman, keselamatan dan daya tahan untuk semua rakyatnya. walaupun ketika menghadapi situasi melampau. Apabila mempertimbangkan daya tahan sebagai komponen kemampanan, daya tahan bandar harus menangani kedua-dua risiko semula jadi dan antropik. Dari segi geografi, Malaysia beriklim panas dan lembap sepanjang tahun dengan taburan hujan tinggi pada bulan tertentu. Namun, fenomena alam seperti taufan dan angin kuat acap kali berlaku beberapa tahun kebelakangan ini tidak boleh dipandang ringan.

Keluarga Malaysia kita yang tinggal di pantai timur saban tahun dilanda banjir. Bayangkan anda perlu mengeluarkan belanja dalam anggaran 10,000 ke 20,000 ringgit untuk membaiki rumah pada setiap tahun. Kita faham mengenai taburan hujan ketika musim tengkujuh yang menyebabkan banjir. Namun adakah kerajaan hanya perlu melihat perkara ini terus berlaku tanpa tindakan yang sepatutnya untuk mengawalinya. Kerajaan perlu melakukan tindakan yang sepatutnya kerana rakyat Malaysia berhak untuk hidup dengan selamat dan aman di Malaysia, walau di mana juga mereka berada.

Perancangan jangka panjang perlu dilakukan segera kerana kesiapsiagaan rapi adalah diperlukan bagi menghadapi fenomena alam luar biasa, termasuk musim tengkujuh luar biasa. Pelan induk ini perlu diperincikan setiap bandar di negara ini mengikut sensitiviti geografi dan lokaliti. Oleh itu, dengan izin tuan yang dipertua, saya kemukakan 3 hujah cadangan penyelesaian yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam pelan mitigasi banjir di Malaysia.

Hujah pertama dengan kata kunci pembangunan lestari. Konsep matlamat pembangunan lestari (SDG) diamalkan secara meluas di negara luar seperti Switzerland, Finland, dan Sweden. Pihak kerajaan serta pihak seperti PBT perlu melihat kembali pelan pembangunan untuk menjamin

keperluan pembangunan. Konsep pembangunan lestari ini menjadikan alam semula jadi sebagai benteng tebatan banjir.

Contohnya, kerajaan perlu mewajibkan pemaju melakukan konsep tanam semula bergantung keluasan tapak pembinaan dibangunkan. Langkah serampang dua mata ini dapat mewujudkan landskap hijau dan memastikan alam sekitar dipulihara untuk mengelakkan banjir.

Hujah saya yang kedua dengan kata kunci sistem perparitan dan juga pengaliran yang baik. Pembangunan struktur dan reka bentuk infrastruktur tebatan banjir berkonsepkan make room for water seperti menaik taraf sistem pengurusan banjir, pantai dan sungai-sungai utama di seluruh Malaysia. Menurut pakar pakar tempatan, sistem perparitan tidak cekap dan tidak diselenggara dengan baik juga punca banjir berulang, lebih-lebih lagi di bandar yang besar. Dalam menangani masalah ini, PBT perlu mengambil langkah drastik dan berkesan dalam memastikan saluran parit sentiasa bersih dan boleh untuk mengawal hujan lebat. Selain itu, konsep terowong SMART perlu dikaji agar konsep nya dapat diolah dan diimplementasi mengikut keadaan geografi yang berbeza di seluruh negara bagi mencegah banjir.

Hujah penyelesaian saya yang terakhir dengan kata kunci pembalakan lestari. Sahabat dewan muda Malaysia sekalian, jangan melatah, saya faham, bila sebut pembalakan, banyak isu sensitif yang berlaku. Pembalakan merupakan industri yang mampu menjana sehingga 23 bilion ringgit kepada negara. Namun begitu, pembalakan merupakan antara punca banjir kerana ketiadaan akar pokok yang mampu menampung air. Oleh itu kerajaan perlu melaksanakan pelan yang konstruktif dan berkesan dalam pembalakan agar industri ini tidak mendatangkan kesan buruk kepada negara. Pembalakan yang berjadual mengikut kawasan dan kiraan tadahan air yang mampu menampung taburan hujan. Selain itu, penanaman semula harus segera dilakukan sejurus sahaja pembalakan dilaksanakan.

Maka saya, Muhamad Muzafar bin Ibrahim, selaku wakil Kawasan parlimen Gerik menyokong usul yang dibawa hari ini iaitu Dewan Ini percaya bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan. Diharap ahli-ahli Dewan lain turut sama menyokong usul ini juga demi kemaslahatan bersama. Bak kata pepatah, bulat air kerana pembentuk bulat kata kerana muafakat. Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih kepada perwakilan P.054 daripada Gerik atas perbahasan sebentar tadi. Bagi meneruskan sesi perbahasan, saya menjemput Saudara Muhammad Razin Khaliq dari P.032 Gua Musang bagi mengisi ruang perbahasan. Dipersilakan.

TUAN MUHAMMAD RAZIN KHALIQ [P032 GUA MUSANG]: Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Rakan-rakan perwakilan dan pemerhati, assalamualaikum dan selamat

sejahtera. Saya Muhammad Razin Khaliq bin Hadi, mewakili kumpulan Kementerian Perdagangan Luar Negeri dengan ini menyatakan pendirian menyokong usul iaitu dewan ini percaya bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan.

Usul ini adalah amat penting untuk kita bawakan melihat kepada keperluan yang mendesak serta kesan-kesan banjir yang umum kita tahu. Bermula daripada perwakilan Hulu Terenggan daripada awal tadi sehinggalah sebelum saya, perwakilan Gerik, kita semua bersetuju bahawa kesan-kesan banjir ini memberi kesan kepada rakyat kita dari segi kewangan, dari segi mental dan juga fizikal dan sebagainya. Jadi, itu adalah perkara yang telah kita setuju dan saya kira usul ini adalah amat penting untuk kita melihat kepada 10, 20 tahun yang akan datang. Seperti yang diperkatakan oleh perwakilan Setiawangsa sebentar tadi bahawa apa yang kita buat sebelum ini pada 50, 60 tahun ke belakang adalah kita selalu merangka perancangan selepas banjir, pasca-banjir. Jadi apa yang kita perlu buat bermula daripada hari ini adalah kita perlu melihat perancangan sebelum banjir. Apa yang kita boleh buat untuk kita mengelakkan ataupun mengurangkan impak banjir tersebut? Kita suka ataupun tak suka, banjir itu akan datang. Namun, apa yang kita nak bincangkan dalam sesi kita pada hari ini apakah pelan dan juga keperluan untuk kita membuat satu pelan mitigasi banjir ini. Sebelum saya teruskan perbahasan saya, suka untuk saya katakan bahawa perbahasan saya akan terbahagi kepada dua bahagian, di mana bahagian pertama akan melihat kepada apakah keperluan-keperluan mendesak yang ada untuk kita akhirnya duduk semeja berbincang tentang pelan mitigasi itu. Itu yang pertama. Untuk bahagian kedua perbahasan saya, kita akan melihat pula di antara idea-idea untuk kita masukkan di dalam pelan mitigasi banjir tersebut.

Saya akan mulakan bahagian pertama saya dengan mengambil contoh daripada perwakilan-perwakilan yang lain di mana antara kesan-kesan yang kita selalu sebutkan adalah kesan kewangan. Namun saya ingin membawa satu sudut pandang baharu dalam sesi ini bahawa kita hendaklah pula melihat kepada collateral damage yang dibawa oleh banjir ini. Apa collateral damaganya dalam konteks banjir ini? Collateral damage yang pertama adalah kesan kepada ekonomi rakyat kita.

Apabila berlakunya banjir ini diseluruh negara, ianya memberi kesan yang tidak langsung kepada rangkaian bekalan dan makanan negara kita. Umum kita tahu, kita bergantung sepenuhnya kepada rangkaian-rangkaian ini untuk mendapatkan barangan keperluan harian dan sebagainya. Dengan terputusnya bekalan buat satu tempoh, kesan ekonominya ialah akan berlaku kenaikan harga barangan secara mendadak bagi barangan tersebut, dan kenaikan ini bukan sekejap, malah mengambil masa yang lama untuk Kembali pulih dan stabil melalui fasa pasca banjir tersebut. Saya bagi contoh, apabila kilang-kilang pengeluaran di Selangor yang kebanyakannya membekal barangan makanan kepada seluruh negeri dalam negara, ketika banjir di Selangor, maka terputuslah bekalan untuk dihantar ke negeri-negeri lain seterusnya akibat permintaan tidak mampu dipenuhi oleh pembekalan, maka akan berlaku kenaikan harga mendadak bagi barangan tersebut.

Ini adalah satu contoh untuk satu barang. Ini dibuktikan apabila kita baca dalam laporan impak khas banjir 2021 yang dikeluarkan pada bulan Januari yang lalu bahawa antara impak besar kepada kenaikan harga barang ini adalah kerana majoriti kilang-kilang pengeluar adalah berada di ibu kota dan juga negeri Selangor yang menjadi tumpuan utama syarikat-syarikat ini. Maka dengan terputusnya bekalan ini buat satu tempoh, ianya akan menaikkan harga barangan dan seterusnya untuk kembali stabil, ianya akan mengambil masa yang sangat lama. Jadi, inilah satu contoh ekonomi yang memberi kesan kepada rakyat kita akibat daripada banjir.

TUAN SHANKAR A/L KURUNATHAN [P.102 BANGI]: Mohon mencelah.

TUAN MUHAMMAD RAZIN KHALIQ [P032 GUA MUSANG]: Silakan.

TUAN SHANKAR A/L KURUNATHAN [P.102 BANGI]: Selamat sejahtera semua. Tadi Gua Musang dalam perbahasan telah menyatakan bahawa banjir ini akan datang. Tetap debat hari ini kita cakap tentang climate change dan macam mana kita kena mengurangkan impak banjir yang unpredictable dengan izin. Apakah pelan Gua Musang untuk minimizing dengan izin all the effect banjir atas rakyat Malaysia?

TUAN MUHAMMAD RAZIN KHALIQ [P032 GUA MUSANG]: Baik, terima kasih P.102 Bangi. Ya betul, memang usul kita membincangkan tentang apakah pelan mitigasi banjir yang perlu ada. Sebab itu saya cakap pada bahagian pertama perbahasan saya, saya nak bawakan antara kesan lain yang sepatutnya menekan kerajaan kita untuk melaksanakan satu pelan induk mitigasi banjir ini.

Saya dah sebutkan kesan pertama tadi iaitu kesan ekonomi. Kesan kedua adalah pelabur-pelabur asing akan lari kerana kita tidak ada satu infrastruktur yang baik untuk kita mitigasikan bencana alam ini. Jadi itulah antara dua kesan, maka kita pergi kepada bahagian kedua yang saudara perwakilan Bangi nantikan iaitu apakah yang boleh kita masukkan dalam pelan mitigasi banjir untuk mengurangkan kesan impak banjir kepada rakyat kita.

Yang disebut oleh Hulu Terengganu dan Setiawangsa, semuanya adalah berkenaan dengan infrastruktur. Ya, kita setuju bahawa ini adalah satu pelan yang memerlukan jangka masa yang panjang untuk kita buat. Antaranya, pembinaan bumbung hijau, pembangunan dan pembalakan lestari dan sebagainya. Ya, kita amat setuju bahawa ini adalah satu idea yang baik dalam kerangka pembangunan infrastruktur untuk kita mitigasi banjir ini. Namun, apa yang kita juga boleh lihat dalam jangka masa yang pendek dan memberi kesan dalam jangka masa yang panjang? Suka untuk saya bawakan satu buah fikir di bawah kategori ini adalah kita perlu mula melihat kepada pelaksanaan insuran bencana ataupun insuran nyawa yang kita biasa dengar dalam satu dua tahun yang lepas ini.

Saya akan ceritakan apakah contoh yang kita boleh bawakan insuran ini sebagai contoh dari

negara Jepun. Mereka melaksanakan insuran pekerjaan ini bukan sebab kadar pengangguran atau kadar jenayah yang tinggi, tidak mereka melaksanakan ialah adalah kerana bencana gempa bumi yang sering berlaku di negara mereka. Jadi, pada pendapat saya, idea untuk insuran bencana ini adalah idea yang kita boleh lakukan dalam jangka masa pendek dan memberi kesan kepada jangka masa yang panjang pada negara kita pada masa yang akan datang. Baik, seperti contoh di negara Amerika Syarikat, mereka telah mulakan National Floods Insurance Program seawal tahun 60-an lagi. Jadi, kita boleh mula untuk merangka pelan dan masukkan dalam pelan mitigasi banjir ini untuk kita merangka satu insuran kepada bencana ini.

Jadi untuk insuran banjir ataupun insuran bencana ini, kita sudah ada hari ini iaitu melalui PERKESO kita ada skim bencana pekerjaan dan sebagainya. Tapi apa yang saya nak bawakan kepada sidang pada hari ini ialah kita perlu lebih perkasakan lagi skim insuran ini supaya ianya adalah betul-betul kepada bencana banjir ataupun apa-apa bencana yang berlaku. Kerana apa? Skim yang ada pada hari ini lebih bertumpu kepada bencana kemalangan ketika pekerjaan dan sebagainya, ianya tidak tertumpu kepada bencana alam seperti tanah runtuh, banjir yang kita memang akan selalu kena secara tahunan di negara kita. Sedar ataupun tidak, para perwakilan sekalian, apabila kita merealisasikan pembangunan infrastruktur, yang di mana perwakilan sebelum ini bagitahu awal tadi, apabila kita buat semua perkara pembangunan itu, kos untuk kita mengambil insuran ini juga akan rendah. Kerana apa? Apabila risk assessment dibuat, kita telah ada pelbagai infrastruktur yang boleh mengurangkan impak banjir ini dan mengurangkan supaya rakyat kita terkena dengan impak banjir ini. Dengan itu, kos insuran ini juga akan menurun dan juga mampu milik oleh rakyat kita.

Jadi, dengan izin Puan Timbalan Yang di-Pertua, usaha ini perlulah hands-in-hands dan tidak boleh ditinggalkan dalam satu pelan induk mitigasi banjir yang kita perlu luluskan pada sidang kala ini.

Puan Timbalan Speaker, Seperti yang saya sebutkan pada awal tadi, perubahan iklim ini pasti dan akan berlaku. Banjir ini juga pasti dan akan berlaku dengan lebih kerap. Dengan segala tekanan yang saya sebutkan pada awal tadi dan juga keperluan yang timbul, maka adalah wajar bagi pihak kerajaan untuk mewujudkan satu pelan mitigasi banjir yang mampan dan menyeluruh kepada semua rakyat di negara kita, bukan sahaja di ibu kota, bukan sahaja di negeri Selangor, tetapi juga di Kelantan, Johor Bahru dan seluruh negeri-negeri. Sampai bila rakyat negara kita, khususnya di Kawasan saya Gua Musang untuk jadikan aktiviti banjir ini sebagai acara tahunan dan pihak kerajaan pula tidak komited dalam menangani hal ini. Terima kasih Timbalan Speaker, saya mohon usul untuk diterima dewan.

Sekian, Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih kepada perwakilan tadi daripada Gua Musang. Seterusnya, untuk meneruskan perbahasan, saya ingin menjemput

Mohamed Hyypia dari P.193 Santubong untuk meneruskan perbahasan. Dipersilakan.

TUAN MOHAMED HYYPIA [P.193 SANTUBONG]: Terima kasih Timbalan Yang Di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan di atas kesempatan yang diberikan bagi membahaskan usul pada hari ini. Saya, Mohamed Hyypia bin Rosmaini, mewakili kawasan Parlimen P.193 Santubong akan mewakili Kementerian Hal Ehwal Orang Asal sepenuhnya menyokong usul ini iaitu “Dewan ini percaya bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan”.

Seperti mana yang kita semua maklum, negara kita telah dilanda oleh beberapa siri bencana alam iaitu banjir yang amat teruk sejak tahun lepas dan awal tahun ini. Banjir yang melanda negara kita tidak akan mempunyai kesan yang begitu teruk sekiranya pihak kerajaan memberikan tumpuan terhadap kesiapsiagaan menghadapi banjir dan menangani isu yang menjadikan banjir itu berlaku seperti pembalakan haram sepertimana mereka telah memberikan tumpuan terhadap meneruskan kelangsungan politik mereka.

Warga dewan sekalian, menurut statistik, rekod kematian seramai sekurang-kurangnya 54 orang serta lebih daripada 120,000 orang yang kehilangan tempat tinggal dan kerugian sebanyak RM6.5 bilion mungkin dapat dielakkan sekiranya kerajaan mengambil serius terhadap amaran banjir yang dikeluarkan berkenaan banjir besar yang melanda negara pada tahun lepas. Bagi masyarakat Orang Asal pula, mereka telah kehilangan tempat tinggal, sumber pendapatan, malah tanah pusaka nenek moyang mereka akibat bencana banjir ini. Kita berasa amat kesal di atas ketidakcekapan pemimpin-pemimpin negara yang telah gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka, namun ia telah pun terjadi. There is no use crying over spilt milk dengan izin. Namun banyak yang kerajaan boleh dan mesti pelajari daripada tragedi ini.

Dengan ini, kami daripada Kementerian Hal Ehwal Orang Asal ingin memberikan beberapa cadangan kepada pihak kerajaan bagi mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif khususnya dalam konteks Orang Asal.

Timbalan Yang di-Pertua, di negara Barat seperti Canada, pihak kerajaannya telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan masyarakat Orang Asalnya bagi menghadapi bencana alam. Kanada mengambil langkah yang proaktif dengan menaiktaraf infrastruktur di penempatan Orang Asal agar tidak senang musnah sekiranya berlaku banjir. Selain itu, pelbagai pihak serta agensi diberikan tanggungjawab dan skop kerja yang jelas dan ini membolehkan mereka dapat dikerahkan dengan efisien apabila banjir melanda. Semua ini berjaya dilakukan oleh Kanada hasil daripada sesi libat urus bersama penduduk Orang Asal sendiri. Ini lah yang harus dilakukan oleh Malaysia. Pihak kerajaan persekutuan mestilah bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, dan melibatkan Tok Batin/ketua komuniti bagi penempatan Orang Asal untuk menyediakan satu pelan kesiapsiagaan dan mitigasi banjir kerana

tiada orang lain yang lebih arif mengenai penempatan Orang Asal melainkan Orang Asal sendiri. Saya juga ingin mencadangkan agar wakil Orang Asal diberikan kerusi di dalam Agensi Pengurusan Bencana Negara agar mereka boleh menyuarakan pandangan mereka dari perspektif Orang Asal. Inilah inklusiviti yang harus kerajaan titikberatkan.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan menyediakan peruntukan yang khusus bagi komuniti Orang Asal bagi penyediaan pelan mitigasi banjir. Pihak kerajaan haruslah membuat semakan susulan keberkesanan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion yang akan disalurkan bagi tujuan pemulihan sungai dan projek-projek mitigasi banjir seperti pembinaan lembangan sungai bersepadu, penyelenggaraan kolam takungan banjir, penaiktarafan empangan serta pengstabilan pinggir sungai pada tahun ini bagi kawasan-kawasan yang berdekatan dengan penempatan Orang Asal. Sekiranya kurang berkesan, pihak kerajaan harus melihat pendekatan “devolution of autonomy” dengan izin, bagi memberi peluang untuk komuniti Orang Asal bagi melaksanakan pelan mitigasi banjir secara bebas mengikut kesesuaian penempatan mereka. Dalam scenario ini, pihak kerajaan hanya memberi dana untuk pelan mitigasi banjir tempatan serta menasihati penduduk Orang Asal melalui agensi kerajaan yang relevan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Warga dewan sekalian, akhir sekali, pihak kerajaan haruslah memperketatkan penguatkuasaan undang-undang bagi aktiviti-aktiviti pembalakan haram, pembalakan tidak terkawal yang berlaku berdekatan dengan penempatan Orang Asal. Seperti yang kita semua tahu, kegiatan pembalakan haram ini merupakan antara punca utama bagi bencana banjir yang berlaku khususnya di penempatan orang asal. Penempatan orang asal yang selalunya berdekatan dengan lokasi pembalakan haram menjadikan mereka lebih teruk terjejas apabila berlakunya banjir. Sekiranya kerajaan serius terhadap isu mitigasi banjir, maka kerajaan haruslah menghapuskan akar ataupun punca berlakunya banjir dan dalam konteks ini, pembalakan haram haruslah ditangani bagi mengurangkan kadar kebarangkalian berlaku banjir berskala besar.

*Tanah luas tak ada tuannya
Tombak tajam sedia ditancapkan
Atas perhatian dan bantuannya
Terima kasih saya ucapkan.*

Sekian sahaja daripada saya, saya mohon mencadang.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih sebentar tadi daripada Santubong. Pantun yang menarik. Untuk meneruskan sesi perbahasan, saya ingin jemput Mickelson Masing daripada P.214 Selangau untuk meneruskan ruang perbahasan. Dipersilakan.

TUAN MICKELSON MASING [P.214 SELANGAU]: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Salam sejahtera, saya ucapkan kepada Puan Timbalan Speaker dan para perwakilan

Dewan Muda Malaysia sekalian. Nama saya ialah Mickelson dan saya mewakili kawasan Parlimen P.214 Selangau dan juga merupakan kumpulan Kementerian Pertahanan.

Warga dewan sekalian, tampil berbahas pada hari ini saya berpendirian bagi menyokong usul yang diperdebatkan pada hari ini iaitu Dewan ini percaya bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan. Usul ini adalah penting kerana kita ingin mengurangkan impak banjir yang disebabkan perubahan iklim yang tidak terkawal pada masa hadapan.

Sejak akhir-akhir ini, masalah perubahan iklim mengundang bencana alam berlaku dengan lebih kerap. Kesan pemanasan global menyumbang berlakunya taufan dengan lebih kuat, taburan hujan yang luar biasa serta kepanasan yang melampau. Pengaruh taburan hujan yang luar biasa akan memberi impak kepada pengaruh cuaca yang ekstrim sehingga berlakunya banjir. Menurut Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman yang merupakan pensyarah di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan di Universiti Putra Malaysia menyatakan bahawa sekumpulan saintis iklim telah membuat kajian terhadap perubahan yang ekstrem seperti suhu, hujan dan kelembapan yang mungkin berpunca daripada perubahan iklim.

Bagi meneruskan rentak cadangan saya, saya bakal mengutarakan hujah dibawah kunci: Pendidikan asas kesedaran semua. Dalam hujah ini, saya akan ceritakan bagaimana pendidikan mampu menjadi faktor utama dalam pelan mitigasi ini. Sebelum kita mewujudkan pelan mitigasi yang efektif, setiap perkara pasti mempunyai asas daripada pendidikan. Jadi kita perlu berbalik kepada pangkal pokok sebelum mendalami sesuatu perkara. Bak persis pepatah Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan kesedaran kerana sebanyak 97.8% remaja di Malaysia mendapatkan pendidikan di sekolah menengah mahupun sekolah rendah. Sekiranya tiada pendidikan terhadap kelestarian global dan alam sekitar, maka kesedaran terhadap situasi perubahan iklim juga tidak diambil peduli oleh semua golongan. Generasi muda perlu mengetahui kepentingan penjagaan alam sekitar bagi memperkasakan lagi dasar dasar seperti Matlamat pembangunan mampan atau Sustainable Development Goal (SDG) dengan izin Puan Timbalan Speaker dan juga Dasar Kemakmuran Bersama 2030.

Warga dewan yang saya hormati, walaupun silibus Kurikulum Standard Sekolah Rendah atau Sekolah Menengah, (KSSR dan KSSM) sudah mempunyai Elemen Merentas Kurikulum, saya cadangkan agar silibus dan buku teks wajar dikemas kini mengikut perkembangan semasa. Hal ini dikatakan kerana ia dapat mendorong golongan muda membudayakan yang lebih berkesan kerana jati diri dan kesedaran dipupuk dari muda lagi. Kehidupan awal mempengaruhi individu untuk membentuk pengalaman diri dan mentafsir secara subjektif dengan keadaan persekitaran.

Pendidikan mengenai alam sekitar berlaku apabila pelajar menghayati, mempunyai pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar. Contohnya, Matlamat Pembangunan Mampan ke-13 menekankan peningkatan pendidikan dan kesedaran terhadap alam sekitar untuk meminimalkan impak perubahan iklim. Rumusan saya telah buktikan di sini bahawa pendidikan menjadi kunci asas membuat pelan mitigasi yang efektif dan memberi jaminan dalam jangka masa yang panjang.

Maka saya, Mickelson selaku wakil kawasan Selangau menyokong penuh usul yang dibawakan pada hari ini. Diharapkan agar ahli-ahli dewan yang lain turut menyokong usul yang dibawakan pada hari ini. Saya mohon untuk terus mencadang. Sekian, terima kasih.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Mohon mencelah.

TUAN MICKELSON MASING [P.214 SELANGAU]: Silakan.

TUAN OOI IVAN [P.046 BATU KAWAN]: Terima kasih Puan Yang Di-pertua dan juga Selangau. Soalan saya kepada Selangau ialah adakah kamu bersetuju bahawa satu subjek yang berteraskan pendidikan alam sekitar semata-mata diperkenalkan di sekolah seluruh negara atau adakah penerapan elemen pendidikan alam sekitar yang dimasukkan serta terus dikemaskan dikukuhkan?

TUAN MICKELSON MASING [P.214 SELANGAU]: Terima kasih perwakilan Batu Kawan. Sebentar tadi saya menyatakan bahawa untuk mengemaskini silibus buku-buku teks bukan untuk mewujudkan satu subjek yang baharu kerana untuk mewujudkan satu subjek yang baharu, kita perlukan masa untuk membuat kajian dan adakah hanya gara-gara untuk satu subjek tersebut kita perlu wujudkan buku teks? Itulah saya tadi cadangkan agar kita mengemaskini dalam buku teks tersebut dengan perkembangan semasa.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih, saya ucapkan kepada perwakilan P.214 daripada Selangau. Untuk meneruskan perbahasan, saya ingin menjemput Shankar Kurunathan daripada P.102 Bangi. Dipersilakan.

TUAN SHANKAR A/L KURUNATHAN [P.102 BANGI]: Terima kasih, Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Speaker untuk memberi saya peluang untuk membahaskan usul pada hari ini. Nama saya Shankar Kurunathan dan saya di sini hari ini mewakili kawasan P102 Bangi. Untuk pengetahuan semua orang, Bangi merupakan kawasan Parlimen yang terbesar di Malaysia. So apa-apa polisi yang diluluskan di sidang ini akan memberi impak yang besar kepada rakyat Bangi berbanding dengan kawasan-kawasan Parlimen yang lain.

Secara rasminya, saya ingin menyokong usul ini.

Berada di luar Lingkaran Api Pasifik, Malaysia sebuah negara yang pada masa ini bebas dari bencana alam tetapi rezeki kami ini semakin berkurangan. Banjir yang melanda negara kita baru-baru ini adalah kesan daripada masalah yang lebih besar, iaitu perubahan iklim. Ada kalanya, banjir telah dikaitkan dengan act of God dengan izin, tetapi adakah ia benar-benar tindakan Tuhan atau adakah manusia membasuhkan tangan daripada kesan perbuatan mereka?

Bagi kategori terdahulu, hujan yang berlebihan dan lonjakan ribut yang dikaitkan dengan taufan atau tsunami mungkin bertanggungjawab terhadap banjir. Bagi kategori yang kedua, pembalakan yang berlebihan dan perancangan bandar yang lemah juga boleh menjadi punca banjir. Walaubagai yang terdahulu, perubahan iklim mungkin merupakan jawapan yang lebih baik daripada jawapan dengan izin act of God. Berdasarkan pengalaman saya dalam usaha bantuan banjir di Bangi dan Semenyih, saya menyaksikan bagaimana perancangan bandar yang lemah di bandar dan kampung terikat untuk mendatangkan malapetaka ke kehidupan rakyat Malaysia. Dengan pemusatan usaha bantuan yang diselaraskan di peringkat persekutuan, proses bantuan telah dikeratkan dengan kelewatan. Dalam situasi sensitif masa seperti bencana alam, setiap saat dikira sebagai nyawa mungkin bergantung pada ini. Oleh itu, dasar harus digunakan untuk memastikan keselamatan dan penjagaan bagi semua rakyat Malaysia.

Malaysia seharusnya adakan less centralisation dengan izin dan de-centralize mereka punya bantuan. Kerajaan Malaysia harus memberi tumpuan dengan pengenalan sistem pengawasan yang lebih baik, yang membolehkan peranan dimainkan oleh kedua-dua kerajaan negeri dan persekutuan. Situasi peruntukan sumber sepadan yang harus diselaraskan dengan pendekatan keseluruhan masyarakat, dengan izin community approach. Ini boleh dilaksanakan dengan membabitkan komuniti majlis perbandaran negeri dan persekutuan dan relationship dengan izin kerajaan persekutuan dan tempatan juga haruslah lebih kukuh.

Dengan ini, kita akan menguatkuasakan konsep skin in the game dengan izin oleh setiap sektor masyarakat. Kemudian, setiap pihak berkenaan itu tidak boleh lagi menyalahkan dengan mengatakan bahawa kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan bertindak buruk dan sebaliknya memberi tumpuan kepada apa yang patut dilakukan pada masa krisis. Pembiayaan untuk ini boleh diperuntukkan melalui cukai yang dikutip oleh kerajaan persekutuan mengikut negeri, yang kemudian boleh diagihkan semula kepada negeri, khususnya untuk pengurusan banjir.

Untuk hari ini, saya cadangkan dua polisi yang kita harus luluskan. Salah satu cara Ahli Parlimen boleh menunjukkan bahawa mereka ambil serius situasi ini seperti yang sepatutnya adalah mewujudkan dan melaksanakan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai perubahan iklim dan alam sekitar. Dengan ini, pihak kerajaan dan pembangkang akan dapat membahaskan isu-isu berkaitan pengurusan bencana, meneliti projek atau syarikat yang tidak mematuhi Pelan Tindakan Iklim Malaysia yang sepatutnya kita ada juga, dan berkoordinasi dengan pakar untuk menyemak cadangan undang-undang untuk dilaksanakan melalui kelulusan Parlimen.

Satu lagi cara kerajaan Malaysia memberi lebih perhatian dalam sukatan pelajaran sekolah untuk menggalakkan pendidikan alam sekitar dan perubahan iklim di kalangan belia di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi melalui Kementerian Pendidikan. Ini akan turut meningkatkan kesedaran di kalangan belia mengenai isu global ini.

Pelan mitigasi adalah bagus, tetapi kita perlu melihat semula cara kita hidup dari segi pengangkutan, pembinaan dan pembuatan untuk menangani perubahan iklim dan untuk menghentikan banjir masa depan dan bencana alam lain daripada berlaku. Mencegah sentiasa lebih baik daripada mengubati. Pelan mitigasi adalah serupa dengan menggunakan band-aid dengan izin pada luka. Berapakah lagi luka yang boleh ditanggung oleh kerajaan Malaysia?

Malaysia perlu menggalakkan pengeluaran clean electricity dan menghapuskan sumber yang tidak boleh diperbaharui secara berperingkat yang digunakan untuk menjana elektrik dan untuk pengangkutan. Malaysia boleh belajar cara menghasilkan ladang solar dan angin berskala besar seperti syarikat seperti SunRun dan Orsted. Malaysia juga harus melabur dalam pembangunan sistem storan bateri yang mesti dilihat sebagai aset yang penting pada masa depan.

Malaysia juga harus mengambil peluang untuk merevolusikan industri pertanian dan mendorong rakyat untuk membuat alaman dengan izin sustainable. Malaysia juga harus memperkenalkan amalan seperti regenerative agriculture dan menggunakan sumber solar dan angin untuk hasilkan green ammonia dengan izin kepada petani dan syarikat dalam sektor pertanian. Ini akan membantu mengekalkan paras karbon dalam tanah dan menghasilkan baja yang sustainable dengan izin.

Ini boleh dicapai dengan the right political will dengan izin dan dibantu dengan gerakan yang sedia ada. Untuk benar-benar memerangi perubahan iklim, Malaysia perlu bersedia untuk berinovasi. Ini bermakna lebih banyak pembiayaan oleh kerajaan di universiti awam mereka, penerokaan lebih lanjut mengenai public-private partnerships dengan izin, kerana kerajaan harus dilihat sebagai pelabur awal untuk inisiatif yang berkaitan dengan perubahan iklim.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Mohon mencelah.

TUAN SHANKAR A/L KURUNATHAN [P.102 BANGI]: Ya boleh, silakan.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima kasih Yang Berhormat Bangi dan juga Puan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya bahawa kita sudah mempunyai banyak jawatankuasa Parlimen dengan izin Parliamentary Select Committee. Sekarang ada enam, dan satu ialah sains, innovation dan teknologi. Adakah satu jawatankuasa yang baru patut diwujudkan ataupun diwujudkan, dalam pandangan Bangi?

TUAN SHANKAR A/L KURUNATHAN [P.102 BANGI]: Terima kasih Saudara Angus dari Bukit Gantang. Saya rasa cadangan ini banyak penting kerana perubahan iklim mula sekarang

tapi dengan izin it will only affect us tiga puluh tahun dari sekarang. Kalau kita tiada jawatankuasa khas untuk meneliti polisi-polisi dan insiden-insiden yang berlaku di negara kita, maka kita menunjukkan bahawa kita tak ambil berat yang penting terhadap isu itu. Harap jawapan saya tepat kepada soalan saudara.

Yang saya telah kata tadi, pelabur awal dalam inisiatif-inisiatif ini haruslah merupakan kerajaan. Ini akan mendorong sektor swasta untuk mengikutinya. Industri tidak akan cuba membaiki proses-proses mereka jika kerajaan tidak memberi insentif untuk mereka. Ini memerlukan pelaburan yang besar dari kerajaan Malaysia. Ini mungkin bukan langkah popular memandangkan keadaan ekonomi negara, tetapi jika tiada tindakan yang diambil sekarang, mungkin tiada ekonomi dan rakyat Malaysia dalam tiga puluh tahun dari sekarang.

Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan petikan daripada pelabur terkemuka dalam bidang clean tech dari Silicon Valley. Dengan izin, petikan ini berbunyi dalam Bahasa Inggeris:

“Leaders respond to pressure. Pressure is created by movements. Movements are built by thousands of individuals.”(John Doerr)

Terima kasih. Saya mohon mencadang.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih, saya ucapkan kepada perwakilan P.102 Bangi. Untuk meneruskan sesi perbahasan, saya ingin menjemput Deisigan Shammugam, daripada P.076 Teluk Intan. Dipersilakan.

DEISIGAN SHAMMUGAM [P.076 TELUK INTAN]: Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Salam sejahtera, saya ucapkan kepada Tuan Yang Dipertua dan para perwakilan Dewan Muda Malaysia sekalian. Nama saya ialah Deisigan Shammugam dan saya mewakili kawasan Parlimen P076 Parlimen Teluk Intan dan juga merupakan kumpulan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Saya ingin menyokong usul bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan. Saya akan memberi hujah sokongan pelan mitigasi banjir dari segi kewangan dan dua cadangan untuk pertimbangan kerajaan.

Puan Timbalan Speaker, usul ini penting kerana perubahan iklim dan peristiwa cuaca ekstrem adalah realiti hari ini, bukan di masa depan. Kejadian banjir baru-baru ini disebabkan oleh hujan lebat berterusan yang diluar jangkauan. Kejadian ini juga telah mendedahkan betapa kurang bersedianya negara kita untuk menangani kecemasan berskala besar.

Bencana alam seperti banjir mencetuskan krisis kemanusiaan. Pada masa yang sama, banjir juga

menyebabkan kerugian kewangan yang besar kepada rakyat. Mangsa banjir akan kehilangan sebahagian besar harta benda mereka seperti kenderaan dan barangan rumah. Selepas redanya banjir, rakyat terpaksa memulakan kehidupannya semula dengan menanggung perbelanjaan yang besar.

Malangnya, situasi banjir sebegini memberi kesan yang tidak seimbang dalam masyarakat. Golongan B40 dan keluarga yang mempunyai simpanan yang rendah akan lebih terjejas berbanding yang lain. Dalam sesetengah keadaan, keluarga B40 menjadi semakin terhutang kerana mereka terpaksa membuat pinjaman peribadi yang mahal hanya untuk membeli barangan asas rumah.

Bagi mengelakkan rakyat daripada terjerumus dalam kitaran hutang yang sungguh membebankan atau kemiskinan akibat bencana alam, kerajaan perlu merangka pelan kewangan yang komprehensif untuk menangani kerugian akibat banjir.

Maka Timbalan Yang Di-Pertua, berikut merupakan cadangan saya:

Cadangan pertama saya adalah untuk menggesa kerajaan untuk menyediakan insentif pembelian insurans untuk rumah, dan barangan rumah (houseowner and householder policy) (dengan izin). Menurut kajian yang dijalankan oleh Zurich Malaysia, hampir 74% pemilik rumah di Malaysia tidak mempunyai perlindungan terhadap banjir. Tetapi, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) percaya 4.8 juta penduduk tinggal di kawasan yang sering dilanda banjir. Dengan kata mudah, 8 daripada 10 keluarga di kawasan yang sering dilanda banjir tidak mempunyai perlindungan kewangan.

Oleh itu, untuk menambah baik pengambilan insurans banjir mampu milik, kerajaan patut menubuhkan Pelan Insurans Bencana Nasional.

Di bawah pelan ini, kerajaan perlu memperkenalkan skim insurans banjir bersasar untuk melindungi keluarga B40, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan berisiko tinggi. Polisi ini akan menginsuranskan bukan sahaja rumah tetapi juga barangan isi rumah. Dengan hanya RM190, barangan isi rumah bernilai sehingga RM50,000 boleh diinsuranskan untuk rumah satu tingkat selama setahun.

Untuk mencipta lebih banyak produk insurans banjir mampu milik, kerajaan boleh mencari penyelesaian berorientasikan pasaran dengan kerjasama industri insurans di bawah struktur kerjasama kerajaan-swasta (PPP), seperti yang dilaksanakan di UK dan Thailand. Dengan pengaturan ini, kawasan berisiko tinggi boleh dilindungi juga. Oleh itu, tiada Rakyat ataupun PKS akan ditinggalkan.

Seterusnya, kedudukan fiskal negara akan turut terjejas akibat banjir. Memandangkan banjir memusnahkan infrastruktur awam, wang pembayar cukai perlu digunakan untuk pembinaan

semula infrastruktur tersebut. Sebagai contoh, DOSM menganggarkan kerosakan infrastruktur awam sehingga RM2 bilion untuk banjir tahun lepas. Perbelanjaan ini harus dibayar oleh pembayar cukai negara.

Warga dewan sekalian, oleh itu, cadangan kedua saya ialah agar kerajaan mengumpul dana bencana secara proaktif dengan menerbitkan bon bencana. Lebih biasanya dikenali sebagai Cat bonds (singkatan untuk Catastrophe bonds) (dengan izin). Cadangan ini adalah untuk memperkukuh kedudukan fiskal dan melindungi wang pembayar cukai.

Cat bonds akan membolehkan kerajaan memperoleh bantuan dan pembiayaan pemulihan yang mencukupi dari pasaran kewangan sebelum bencana itu berlaku. Kerajaan juga boleh mengagihkan dana dengan cepat kerana ia tidak akan tertakluk kepada birokrasi. Rakyat juga tidak perlu mengalami kelewatan untuk menerima bantuan kewangan kerajaan, sekiranya dana tersebut digunakan untuk bantuan tunai.

Malaysia mempunyai salah satu pasaran kewangan terdalam di rantau ini. Namun, apakah kegunaannya jika ia tidak memberi manfaat kepada rakyat ketika keadaan yang terdesak? Dengan bantuan program Multicat Bank Dunia and industri kewangan Malaysia, kerajaan boleh menggunakan pasaran kewangan Malaysia untuk memanfaatkan rakyat.

Warga dewan yang saya hormati, saya akui bahawa polisi kewangan sahaja bukanlah penyelesaian masalah banjir di Malaysia. Dasar ini perlu dilakukan seiring dengan langkah pencegahan yang lain, seperti membina empangan yang lebih baik, tempat perlindungan pemindahan, dan program kesedaran awam, untuk kita menangani isu banjir ini dengan efektif.

Tetapi dengan perancangan kewangan yang bijak, kita boleh lebih bersedia untuk menghadapi keadaan banjir. Kita perlu menyediakan payung sebelum hujan. Dan kita boleh berbuat demikian dengan Pelan Insurans Bencana Nasional dan Cat bonds.

Maka saya, Deisigan Shammugam selaku wakil kawasan Teluk Intan, menyokong usul yang dibawa hari ini. Diharap ahli-ahli Dewan lain turut menyokong usul ini juga. Sekian terima kasih. Saya mohon mencadang.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Mohon mencelah.

TUAN DEISIGAN SHAMMUGAM [P.076 TELUK INTAN]: Ya silakan.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima kasih Puan Yang-Dipertua dan juga Saudara Teluk Intan. Saya ingin bertanya bagaimana Saudara dapat figure RM190 untuk insurans dan sebanyak RM50,000 dalam pelan saudara? Boleh menjelaskan cara anda dapat statistik ini.

TUAN DEISIGAN SHAMMUGAM [P.076 TELUK INTAN]: Ya betul. Ia merupakan satu dengan izin household example yang menggunakan kod Etiqa untuk houseowner policy. Anda boleh pergi ke website Etiqa dan membeli insurans ini seperti yang saya nyatakan, rumah satu tingkat full brick dah ada dalam pasaran kita.

TUAN SHANKAR A/L KURUNATHAN [P.102 BANGI]: Mohon mencelah.

TUAN DEISIGAN SHAMMUGAM [P.076 TELUK INTAN]: Silakan.

TUAN SHANKAR A/L KURUNATHAN [P.102 BANGI]: Hi, Saudara Deisigan. Saya nak mendapat tahu pandangan saudara terhadap dengan izin venture capital fund for climate-friendly businesses di Malaysia. Apakah pandangan saudara terhadap implementasi?

TUAN DEISIGAN SHAMMUGAM [P.076 TELUK INTAN]: Perkara ESG merupakan satu industri yang akan kerajaan perlu memberi lebih banyak fokus kerana itu adalah masa depan seluruh dunia ini. Jadi, dari segi pelaburan, saya rasa kerajaan Malaysia patut mengambil apa-apa pelabur yang ingin melabur dalam sektor ini.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih P.102 dan juga P.076 daripada Teluk Intan. Bagi meneruskan perbahasan, saya ingin menjemput seterusnya Angus Chieng dari P.059 Bukit Gantang.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima Kasih Timbalan Yang di-Pertua. Salam Sejahtera saya ucapkan kepada para perwakilan dan penyokong program Dewan Muda Malaysia serta penonton yang sedang menengok live secara langsung di saluran Facebook dan juga Youtube. Nama saya ialah Angus Chieng dan saya mewakili kawasan Parlimen P.059 Bukit Gantang dan juga merupakan kumpulan Kementerian Pengangkutan.

Saya ingin menyokong usul hari ini iaitu Dewan ini percaya bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana sebelum ini, pada hujung Disember 2021 iaitu tahun lepas, Malaysia digemparkan dengan situasi banjir terburuk dalam sejarah. Pelbagai pihak haruslah menyediakan payung sebelum hujan agar mengeluarkan skim ataupun pelan demi bersedia untuk banjir yang akan datang.

Dalam usul ini, saya ingin mencadangkan tiga hujah sokongan iaitu, yang pertama sekali, penambahbaikan dan reformasi Agensi Pengurusan Bencana Negara, ataupun dikenali sebagai NADMA. Kedua, pembinaan infrastruktur di kawasan yang sering ditimpa masalah banjir. Dan akhir sekali, peningkatan peluang kerjasama antara organisasi bukan kerajaan (NGO) dengan izin, dan badan serta agensi kerajaan.

Kejadian bencana di Malaysia amat dipengaruhi oleh faktor cuaca dan iklim. Malaysia mengalami suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak sepanjang tahun. Menurut laporan tahunan yang diedarkan oleh NADMA, sepanjang tahun 2018, Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) telah merekodkan sebanyak 110 kejadian bencana yang berlaku di seluruh negara. Pada masa kini, statistik tersebut masih sedang meningkat semakin hari.

Pada hari ini, saya ingin memberikan fokus kepada isu banjir yang dalam memberikan impak kepada seluruh masyarakat Lembah Klang. Air masuk ke dalam rumah dan bangunan secara banyak sekiranya akibat banjir. Walaupun Malaysia ditimpa bencana alam, namun masyarakat Malaysia tetap tabah dan turut menyertai misi penyelamatan secara sukarela. Saya ingin berterima kasih kepada semua pihak yang menyumbangkan dana dan juga tenaga untuk memberikan bantuan kepada semua mangsa.

Dalam isu banjir Taman Sri Muda dan banjir di negeri Pahang yang berlaku pada tahun lepas, terdapatlah masalah tidak responsif ataupun tidak bersedia untuk situasi tersebut. Kenapa? Kerana mandat dan fungsi NADMA hanya fokus kepada memberi cadangan ataupun inisiatif pelan yang akan dilaksanakan oleh pasukan anggota lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia ataupun juga Bomba. Jadi, pihak kerajaan perlulah memberikan peruntukan yang secukupnya dan latihan kepada pegawai-pegawai NADMA. Selain itu, dalam pelan reformasi yang saya telah cakap, saya berasa bahawa anggota pasukan haruslah dilatih dalam NADMA dan diterapkan dalam agensi NADMA.

Bukan sahaja cawangan NADMA di Lembah Klang harus menyediakan apa yang dinyatakan tadi, malahan juga cawangan NADMA di seluruh negara kerana kita haruslah bersedia untuk apa jua yang akan berlaku pada masa yang akan datang. NADMA wajar memberikan amaran kepada masyarakat Malaysia sekiranya empangan melepaskan air. Dengan itu, masyarakat Malaysia diberikan masa untuk membuat persediaan yang diperlukan seperti menjaga harta benda yang penting dan menjaga keselamatan diri. NADMA perlulah menggunakan peristiwa ini sebagai pengajaran dan membuat penambahbaikan dengan serta merta.

Tuan-tuan dan puan-puan, dalam konteks hari ini, negara kita Malaysia mempunyai pelbagai jenis NGO dan juga movement dengan izin, pertubuhan rakyat yang mempunyai misi untuk membantu rakyat Malaysia. Kita satu Malaysia. Saya berpendapat bahawa kerjasama antara badan bukan kerajaan dan agensi kerajaan harus dipertingkatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana kita boleh melihat banyak pertubuhan dan organisasi bukan kerajaan turut melibatkan diri dalam misi kemanusiaan pada tahun lepas. Contohnya, ahli-ahli pertubuhan IKRAM Malaysia telah berkhidmat di kawasan-kawasan yang terjejas akibat banjir. Dengan itu, saya ingin menyeru semua ahli yang berkhidmat untuk rakyat tidak jua dari agensi kerajaan, wakil rakyat atau tidak, supaya mereka berkolaborasi antara satu sama lain bagi melicinkan pentadbiran dan pelaksanaan agihan bantuan serta sumbangan kepada masyarakat kita. Koordinasi antara semua pihak penting untuk mewujudkan pelan yang boleh dijalankan dengan efektif dan efisien.

Hadirin sekalian, sehubungan dengan itu, pembinaan infrastruktur merupakan perkara yang penting dalam pelan mitigasi banjir kerajaan. Salah satu infrastruktur yang telah menyumbangkan bantuan dalam banjir Lembah Klang ialah Terowong SMART. Objektif utama terowong ini adalah untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di Kuala Lumpur dan juga untuk mengurangkan kesesakan trafik di sepanjang Jalan Sungai Besi dan jejambat Loke Yew di Pudu semasa waktu sesak. Secara asasnya, terowong ini mempunyai dua dek laluan sehalu bagi kenderaan manakala ruang paling bawah adalah untuk laluan air. Saya berpendapat bahawa cara Terowong SMART menyelesaikan banjir dengan menggunakan terowong sepanjang 9.7 km untuk mengizinkan air berlalu dari Sungai Klang sehingga ke Kolam Takungan. Menurut kajian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sejak pengoperasian Terowong SMART, hanya 7 kejadian banjir kilat yang direkodkan. Di antara 2010 dan 2017, sebanyak 83 kejadian air bertakung telah dilaporkan. Hal ini telah buktikan bahawa cara ini merupakan salah satu cara penyelesaian efektif untuk menyelesaikan masalah banjir di negara kita.

Jika kerajaan baru hari ini dapat membangunkan replikasi terowong SMART di kawasan lain, sudah pastilah ekonomi negara dapat dikekalkan. Walaupun idea ini merupakan idea yang sangat besar dan memerlukan peruntukan yang agak tinggi juga, namun, saya percaya negara kita akan lagi maju dengan membina lebih banyak terowong SMART kerana ekonomi negara kita tidak terjejas apabila negara ditimpa banjir.

Maka saya, Angus Chieng, lantikan ahli wakil kawasan Parlimen Bukit Gantang menyokong usul kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan. Sekian, terima Kasih. Saya mohon mencadang.

PUAN AISYA BATRISYIA BINTI AZLEY [P.154 MERSING]: Mohon mencelah.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Silakan.

PUAN AISYA BATRISYIA BINTI AZLEY [P.154 MERSING]: Terima kasih Puan Yang Dipertua dan juga Bukit Gantang kerana mengizinkan saya mencelah. Soalan saya adalah tidak semua tempat geografinya membenarkan untuk sebuah terowong untuk dibina. Jadi adakah ada cadangan lain untuk kawasan-kawasan di mana geografinya susah untuk membina terowong-terowong ini? Terima kasih.

TUAN ANGUS CHIENG QIYANG [P.059 BUKIT GANTANG]: Terima kasih saudara yang bertanya soalan tersebut. Saya akan memberikan penjelasan saya. Saya mengenalpasti ada tempat macam Sarawak yang mempunyai banyak gunung-ganang dan juga geografi yang tetap. Jadi apa pelan ataupun cadangan saya akan bagi ialah pembinaan longkang ataupun salurang yang lebih efektif dan maju, bukan sahaja seperti Terowong SMART tapi kita boleh menggunakan Terowong SMART sebagai contoh, apabila kita mencadangkan ataupun mengkaji polisi ini. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih P.059 dari Bukit Gantang. Untuk pembahas terakhir iaitu Wong Tze Cheng daripada P.199 Serian, boleh memulakan perbahasan, tetapi pada masa yang sama ingin saya memberitahu kepada semua perwakilan, sekiranya ingin menanyakan sebarang soalan ataupun memberi izin laluan, dipersilakan, dan hanya perlu membuka mikrofon anda dan meminta izin Tuan Yang Dipertua ataupun Timbalan Yang Dipertua untuk celah. Dipersilakan, P.199 daripada Serian.

TUAN WONG TZE CHENG [P.199 SERIAN]: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Salam sejahtera saya ucapkan kepada Timbalan Yang Di-Pertua, rakan-rakan perwakilan saya, serta pemerhati-pemerhati yang mengambil masa menyertai sesi perbahasan pada petang Sabtu ini. Salam berpuasa juga saya ucapkan kepada umat Islam yang sedang mengikuti sesi perbahasan ini. Saya Wong Tze Cheng dari Kementerian Kesihatan, dan saya mewakili kawasan Parlimen P199 Serian.

Saya ingin menegaskan pendirian saya bahawa saya menyokong penuh usul yang berbunyi 'Dewan ini percaya bahawa kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa hadapan'.

Timbalan Yang di-Pertua, Malaysia diberkati kerana terlindung daripada banyak bencana alam. Sebagai contoh, kedudukan negara yang istimewa telah mengelakkan kami dari Lingkaran Api Pasifik. Akan tetapi, iklim khatulistiwa dan kesan daripada angin monsun Barat Daya dan Timur Laut telah mendedahkan negara kita kepada risiko banjir. Keadaan ini bertambah teruk dan mencabar dengan perubahan iklim yang ekstrim seperti fenomena El Nino, La Nina dan sebagainya.

Banjir merupakan bencana alam yang berpotensi membawa kerugian ekonomi yang besar. Berdasarkan statistik Swiss Re Institute, pada tahun 2021 sahaja, ekonomi dunia telah mengalami kerugian sebanyak USD 270 billion disebabkan bencana alam, dan 31% daripadanya ataupun USD 82 billion adalah disebabkan banjir. Institut insuran terbesar dunia tersebut meramalkan impak banjir terhadap ekonomi dunia boleh menjadi lebih ketara dengan penambahan penduduk sedunia, pembangunan pesat terutamanya di negara membangun dan pengumpulan kekayaan ekonomi di kawasan terdedah kepada banjir.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, banjir yang melanda negara kita hujung tahun 2021 ke awal tahun 2022 telah menyebabkan kehilangan sebanyak RM 6,1 billion. Sebanyak 60 daerah terjejas dan daerah Klang di Selangor mengalami kehilangan yang paling serius, iaitu sebanyak RM 1.2 billion. Malangnya, ini bukan satu-satunya banjir yang melanda Malaysia, dan sudah tentu ia tidak akan menjadi yang terakhir.

Pada tahun 2015, banjir yang melanda Pantai Timur menyebabkan penyusutan KDNK sebanyak 0.5% di mana sektor pertanian, terutamanya kelapa sawit telah mengalami kerugian besar. Impak

banjir bukan sekadar hanya menjejaskan perkembangan ekonomi, tetapi berpotensi menjejaskan setiap MakCik Kiah, Pak Salleh, Uncle Lim dan sebagainya di mana mata pencaharian mereka hilang, rumah mereka musnah, gerai mereka rosak dan sebagainya. Semua ini akan memberi kesan sampingan jangka masa panjang terhadap perkembangan ekonomi setempat di kawasan banjir.

Para perwakilan yang dikasihi sekalian, kerajaan Malaysia perlu mengambil langkah yang lebih proaktif untuk memastikan negara kita berada di landasan yang tepat dalam menangani masalah banjir yang semakin mencabar. Sebagai sebuah negara yang menandatangani Perjanjian Iklim Paris, Malaysia perlu komited terhadap pengurangan gas rumah hijau sebanyak 45% menjelang tahun 2030. Pada masa yang sama, rujukan juga boleh dibuat terhadap Matlamat 13 di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (ataupun UN Sustainable Development Goals, dengan izin) yang memberi fokus pada Tindakan Iklim.

Pada masa yang sama, Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030 (dengan izin) juga patut dijadikan titik rujukan. Ia memberi fokus terhadap 4 keutamaan iaitu No 1: Memahami Risiko Bencana; No 2: Memperkukuh Tadbir Urus Risiko Bencana; No 3 Pelaburan dalam Pengurangan Risiko Bencana dan No 4: Memperkukuh Kesediaan Bencana untuk Tindak Balas 'Bangkit Semula' pasca Bencana. Saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada kerajaan Malaysia untuk memperkenalkan Indeks Mitigasi Bencana berdasarkan piawaian ini, dengan memberi fokus terhadap bencana yang biasa melanda negara terutamanya banjir.

Timbalan Yang Di-Pertua, #melentur buluh biarlah dari rebungunya, menangani banjir pula biarlah dari perancangan perbandaran. Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) perlu memastikan Rancangan Fizikal Negara dan Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara boleh mengambil kira keseimbangan pembangunan di mana konsep kewujudan bersama dan bukan penggantian badan air ataupun tadahan air semula jadi perlu menjadi teras utama. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 juga wajar dikaji semula untuk memastikan segala pembangunan boleh dijalankan dengan mengambil kira isu mitigasi banjir pada masa hadapan.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan bahawa Agensi Pengurusan Bencana Alam (NADMA) harus distruktur semula dan proses desentralisasi perlu dilakukan untuk memastikan respon bencana yang lebih pantas dan efektif. Kerajaan negeri dan kerajaan tempatan perlu diamanahkan dengan tanggungjawab yang lebih menyeluruh dalam pengurusan bencana setempat. Selain itu, badan-badan bukan kerajaan juga perlu dimasukkan ke dalam struktur NADMA supaya bantuan kemanusiaan dan pengurusan bencana dapat dilakukan dengan teratur. Ini berpotensi mengelakkan pembaziran sumber dan memastikan bantuan yang lebih menyeluruh kepada mangsa-mangsa banjir.

Para perwakilan yang saya hormati, tanggungjawab mitigasi banjir bukan hanya di tangan kerajaan. Pihak swasta juga memainkan peranan yang cukup penting dalam isu ini. Kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta wajar digalakkan, ataupun diwajibkan terhadap pihak-pihak pemaju

untuk memastikan pembangunan yang ‘kalis banjir’. Infrastruktur-infrastruktur penting seperti jalan raya, landasan kereta api, sekolah, hospital dan sebagainya harus dilindungi dari banjir bukan sahaja oleh pihak kerajaan, tetapi juga pihak swasta untuk memastikan kepentingan bersama terjamin. Ini terutamanya penting di kawasan bandar yang selalu dilanda banjir kilat sejurus selepas hujan khatulistiwa lebat, dan sebarang kerosakan infrastruktur boleh mendatangkan kerugian mendalam kepada semua pihak.

Untuk memastikan keselamatan dan kepentingan rakyat terjamin apabila banjir melanda, maklumat yang tepat harus mencapai mangsa-mangsa potensi dengan cepat. Sistem penyebaran maklumat yang efektif perlu dirangka oleh kerajaan untuk mengelakkan sesiapa pun terperangkap dalam banjir dan meletakkan mereka dalam keadaan yang bahaya. Pada masa yang sama, informasi tersasar dan dikemaskini juga wajar disebar oleh kerajaan setempat supaya informasi tersebut kekal relevan dari masa ke semasa untuk mangsa banjir.

Timbalan Yang di-Pertua, malangnya, banjir telah menjadi acara tahunan negara Malaysia, dan keadaan ini dijangka menjadi lebih teruk pada masa hadapan dengan cabaran perubahan iklim. Tindakan serta merta wajar diambil oleh pihak kerajaan dalam mitigasi banjir bukan sekadar untuk menjamin pembangunan negara tidak terjejas, tetapi lebih penting, untuk memastikan kehidupan setiap warga Malaysia terjamin kesejahteraannya dan tidak perlu bimbang terhadap ancaman banjir.

Sebelum saya undur, izinkan saya mengakhiri dengan serangkap pantun.

*Sudah masuk bulan Ramadhan,
Amalan mulia Muslim berpuasa.
Bebas banjir menjadi sasaran,
Bersama membina Malaysia sejahtera.*

Dengan ini, saya mohon cadangkan.

PUAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Baik, terima kasih Wong Tze Cheng daripada P.199 Serian di atas perbahasan sebentar tadi.

Para perwakilan sekalian, selaras dengan Peraturan Mesyuarat Parlimen Digital Perkara 16 and 23, kini saya ingin maklumkan bahawa usul sesi dua persidangan Dewan Muda Malaysia kali yang pertama yang berbunyi “Dewan ini percaya bahawa Kerajaan perlu mewujudkan pelan mitigasi banjir yang efektif dalam menangani perubahan iklim yang akan menjadi lebih teruk pada masa akan datang” akan dibacakan buat kali ketiga. Yakni, iaitu sesi undian. Seperti pihak sekretariat telah maklumkan diucapkan awal persidangan, undian usul akan dibuat oleh para perwakilan Dewan Muda Malaysia secara belah bahagi melalui pautan undian yang akan dikemukakan oleh pihak Sekretariat. Para perwakilan Dewan Muda Malaysia boleh mengundi di pautan borang yang

telah diberikan oleh pihak Sekretariat dalam masa lima minit bermula daripada sekarang.

USUL YANG DIKEMUKAKAN

**DEWAN INI PERCAYA BAHAWA KERAJAAN PERLU MEWUJUDKAN PELAN
MITIGASI BANJIR YANG EFEKTIF DALAM MENANGANI PERUBAHAN IKLIM YANG
AKAN MENJADI LEBIH TERUK PADA MASA AKAN DATANG**

Usul dibentangkan, dan diundi secara belah bahagi untuk bacaan ketiga

Dewan mengundi secara belah bahagi: Suara Ya 44, Suara Tidak 1, Bekecuali 1

Usul diterima dan dibaca untuk kali ketiga

*Mesyuarat ditangguhkan pada jam empat petang kepada
satu hari dan ketetapan tarikh yang akan dimaklumkan*